


Jilid 1
Bil. 87



Hari Khamis
18hb Disember, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 9597]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 9602]

Akta Cukai Pendapatan, 1967:

National Monument Restoration Fund [Ruangan 9752]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Hidupan Liar (Pindaan) [Ruangan 9603]

Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap)
[Ruangan 9612]

Rang Undang-undang Profesyen Undang-undang [Ruangan 9631]

Rang Undang-undang Cukai Keuntungan Harta Tanah [Ruangan 9660]

Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan [Ruangan 9677]

Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa [Ruangan 9706]

Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) [Ruangan 9735]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Khamis, 18hb Disember, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIEF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

Yang Berhormat TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).

- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LIM LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

- Yang Berhormat Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K. Datuk Seri Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelevu).
- „ TUAN (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).

Yang Berhormat TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).

- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ DATUK ENGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

SENJATAPI DIGUNAKAN OLEH PEROMPAK

1. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan adakah beliau berpuas-hati dengan undang-undang yang ada sekarang untuk mendakwa dan menghukum perompak-perompak samada yang menggunakan senjatapi atau lain-lain jenis senjata.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, semenjak lulusnya Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat), pendakwaan dan hukuman bagi kesalahan-kesalahan merompak menggunakan senjatapi adalah memuaskan. Berkenaan dengan hukuman kalau seorang itu merompak dengan tidak menggunakan apa-apa senjata jua pun, di bawah Penal Code Seksyen 392 hukumannya boleh dihukum sehingga 10 tahun dan didenda. Dan sekiranya rompakan itu pada masa malam boleh dihukum sehingga 14 tahun dan boleh dihukum sebat dengan rotan. Dan jika seseorang itu merompak, melukakan seorang itu dengan menggunakan apa senjata jua pun walaupun kayu, pisau dan lain-lain, boleh dihukum penjara seumur hidupnya dan juga boleh dihukum sebat dengan rotan. Itu di bawah Penal Code. Di bawah Akta Senjatapi yang baru kita pinda, jika seseorang itu ada padanya senjatapi pada masa merompak atau pada masa memeras ugut, boleh dihukum penjara seumur hidup dan disebat tidak kurang daripada 6 kali. Tetapi sekiranya orang itu meletupkan senjatapi-nya atau menembak walaupun orang itu luka atau tidak, hukumannya ialah digantung hingga mati. Dan sekiranya seseorang itu menggunakan pistol atau senjatapi tiruan seperti yang dimain oleh kanak-kanak untuk menakutkan seseorang itu pada masa merompak, boleh dihukum sehingga 10 tahun dan disebat tidak kurang daripada 3 kali.

Masalah yang dihadapi oleh pihak pendakwa ataupun polis ialah untuk menangkap penjenayah dan mendapatkan bukti-bukti yang dikehendakki yang diberi sebelum seseorang yang dituduh itu boleh disabitkan atas kesalahan-kesalahan itu di mahkamah. Berkaitan dengan rompakan-rompakan yang lain yang menggunakan senjata-senjata jenis lain, undang-undang yang ada sekarang, sebagaimana saya sebutkan dalam Penal Code adalah memuaskan. Sebagaimana disebutkan juga masalah yang dihadapi ialah untuk menangkap dan mendakwa penjenayah-penjenayah itu yang sukar. Sebagaimana kita semua ketahui penjenayah-penjenayah zaman sekarang terlalu cerdek, mereka itu tahu sebelum mereka boleh disabitkan pihak pendakwa perlulah memberi bukti yang jelas, mereka itu pandai menyorokkan bukti-buktinya. Walau bagaimanapun, pihak penguatkuasa khasnya polis telah menganalisiskan cara-cara rompakan-rompakan ini bagaimana kita dapat berkas dengan lebih banyak daripada apa yang dapat kita laksanakan pada masa ini. Misalnya, baru-baru ini pihak polis telahpun membuat pemeriksaan mengejut di satu tempat kepada mereka yang menonggang basikal berdua khasnya laki-laki, diperiksa secara mengejut. Itu satu cara yang kadangkala boleh jadi mereka itu ada membawa senjatapi atau perkakas-perkakas hendak merompak kerana kita tahu kebanyakan perompak-perompak itu dalam bandar-bandar besar menggunakan motosikal dengan menonggang berdua.

Saya telah memikirkan juga adakah patut kita luluskan satu undang-undang ia itu di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang dan lain-lain yang mana banyak ada rompakan menggunakan motosikal naik berdua, adakah patut kita ubah undang-undang menghadkan dalam bandar besar seorang itu tidak dibenarkan membawa seorang lagi di belakangnya melainkan perempuan sahaja. Tetapi ini saya bimbang pula menyusahkan orang ramai, sungguhpun langkah itu ada setengah pihak menasihatkan sahaja, boleh katanya mengurangkan rompakan.

Itulah sedikit sebanyak yang dapat saya terangkan.

KELAS KEMAS

2. Tuan Mohd. Zahari bin Awang minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada beliau sedar bahawa di setengah-setengah tempat Kelas KEMAS tidak berjalan dengan lancar dan tidak menepati fungsi-fungsinya yang asal dan kebanyakan daripada Penyelia-penyelia KEMAS pula tidak mempunyai kelayakan akademik yang cukup bagi menjadi seorang Penyelia; jika ya, adakah pihak Kementerian akan mengkaji semula kedudukan KEMAS ini serta mengambil lulusan-lulusan Sijil Tinggi Pelajaran atau Sijil Pelajaran Malaysia yang banyak menganggur untuk dijadikan Penyelia-penyelia KEMAS.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, Kelas-kelas KEMAS yang dijalankan pada masa ini ialah latihan kerja, latihan pembangunan keluarga yang dahulunya dikenali sebagai kelas ekonomi rumah rumah-tangga dan kelas Tadika. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum kelas-kelas ini diusahakan terutamanya di luar bandar yang dahulunya belum pernah mendapat kemudahan-kemudahan yang seumpama itu. Daripada hakikat ini sungguhpun mungkin ada kelas-kelas yang tidak berjalan lancar seperti yang diharapkan, saya berpuashati bahawa pada keseluruhannya mereka adalah berjalan dengan baik.

Mengenai fungsi-fungsi kelas tersebut saya tidak nampak sebarang penyelewengan. Jika ada sekalipun ianya merupakan apa yang diperlukan mengikut kehendak penduduk setempat dan diperlukan pada masa itu.

Berkenaan dengan Penyelia-penyelia KEMAS pula, sungguhpun kelulusan akademik itu pada amnya penting, tetapi dalam menjalankan tugas-tugasnya kebolehan bergaul dan menyesuaikan diri dengan masyarakat, kebolehan memberi bimbingan yang meyakinkan adalah lebih penting. Oleh itu, seseorang Penyelia tidaklah semestinya mempunyai kelayakan-kelayakan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan bagi Kelas-kelas Kemajuan Masyarakat ini iaitu untuk mengikuti jenis-jenis

latihan-latihan dan berapa ramaiakah rakyat yang telah mendapat faedah daripada latihan-latihan itu pada keseluruhannya.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jenis-jenis latihan yang di bawah Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar ada 4 jenis iaitu yang pertama kelas latihan kerja, rakyat yang mendapat faedah yang mengikuti kelas tersebut daripada semenjak Rancangan Malaysia Kedua sebanyak 278,481 orang; kelas ekonomi rumah-tangga, rakyat yang mendapat faedah sebanyak 193,653 orang; kelas Taman Didikan Kanak-kanak sebanyak 36,865 orang dan kenal-kenal huruf, rakyat yang mendapat faedah 198,739 orang.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan bahawa dalam melantik penyelia-penyelia Kelas Kemajuan Masyarakat (KEMAS) kita tidak sangat mementingkan kelulusan, kerana boleh jadi mereka yang mempunyai kelulusan tidak dapat bertugas dengan baik dalam masyarakat untuk mengkaji hal kedudukan masyarakat. Adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang, umpamanya, sekarang ini untuk melantik penyelia-penyelia yang terdiri juga daripada orang-orang dari Parti-parti di dalam gabungan Barisan Nasional. Setakat ini tidak berapa jelas nampak penyelia-penyelia itu daripada golongan mereka yang berada dalam Barisan Nasional, kerana ini adalah untuk mencapai kerjasama yang rapat sekali.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Penyelia-penyelia KEMAS ini tidaklah diambil daripada mewakili parti-parti tetapi adalah mengikut kebolehan seseorang Penyelia itu yang boleh disifatkan sebagai salah seorang pemimpin dalam satu-satu kawasan itu supaya dapat memberi pimpinan yang baik dan sempurna. Kita tidak kira apa jua partinya dan kita akan beri keutamaan kepada orang-orang yang mempunyai sifat pimpinan yang baik di dalam satu-satu masyarakat.

Tuan Hashim bin Ghazali: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan kelas latihan kerja, bolehkah Timbalan Menteri memberitahu berkenaan

dengan kelas latihan kerja yang telah dijayakan dalam 1975; yang pertama jurusan latihan; yang kedua jumlah kelas dan yang ketiga bilangan pelajarnya.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan jenis kelas latihan kerja bagi tahun 1975, saya mohon izin menceritakan agak panjang sedikit, kerana soal-jawab cuma 2 sahaja pada hari ini iaitu:

Bilangan	Jenis latihan/kelas	Jumlah kelas	Jumlah pelajar
1.	Motor mekenik	147	3,162
2.	Memperbaiki radio dan T.V.	83	1,845
3.	Letrik	7	133
4.	Pertukangan kayu	165	2,994
5.	Besi dan tembaga	12	190
6.	Timah	4	86
7.	Simin	17	226
8.	Sign Craft	10	213
9.	Anyaman	125	2,415
10.	Sulaman	390	7,189
11.	Pertanian	334	14,061
12.	Ternakan	224	4,427
13.	Jahitan	1,306	28,011
14.	Perikanan	11	212
15.	Perniagaan	11	221
16.	Latihan berkenaan dengan memajukan getah	6	95
17.	Solek-menyolek dan ke-rinting rambut	15	351
18.	Enjin Diesel	4	39
19.	Gunting rambut	8	159
20.	Membatik	5	120
21.	Seni bina	1	20
22.	Lain-lain kelas	18	355
Jumlah		3,269	66,668

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian yang berkenaan bercadang untuk meluaskan lagi kelas bimbingan kanak-kanak dan melanjutkan masanya sekali, kerana apa yang kita dapati yang berjalan sekarang dalam seminggu 3 hari sahaja dan tempat-tempat itu tidak keseluruhan, terutamanya di luar bandar.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soal ini memang di dalam perhatian Kementerian. Ini

adalah mengikut keadaan kewangan seberapa yang banyak dapat mengizinkan, maka setakat itulah kelas akan ditubuhkan.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Soalan tambahan, adakah benar bahawa pelajar-pelajar di kelas KEMAS ataupun kelas buta huruf ini yang telah dapat membaca lebih kurang ataupun yang buta huruf itu dapat celek lebih kurang dan sekarang ini kembali menjadi buta huruf, benarkah perkara ini dan kalau benar, adakah pihak yang berkenaan hendak memperhebatkan gerakan untuk mencelekan buta huruf ini?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, memanglah biasanya kelas-kelas yang diajarkan melalui KEMAS ini murid-muridnya sendiri terpaksa selalu hendak berlatih membaca dan juga menulis dan Kementerian ada juga mengadakan khutub-khutub khanah di luar bandar. Tujuannya ialah untuk menggalakkan murid-murid supaya dapat menggalakkan membaca dan menulis supaya mereka itu tidak buta huruf semula. Oleh kerana itu, tanggungjawabnya ialah bukanlah semata-mata kepada Kementerian ini sahaja, diharapkan sama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menggalakkan bekas-bekas murid-murid KEMAS ini supaya mereka rajin membaca dan supaya jangan buta huruf kembali.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Kerajaan bercadang untuk memberikan satu hari iaitu hari esok bagi menimbangkan usul Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, maka Urusan-urusan Kerajaan akan dihabiskan perbincangannya hari ini. Dengan itu, saya mohon mencadangkan usul yang berbunyi seperti berikut:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua sekali Urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini telah selesai ditimbangkan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua sekali Urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini telah selesai ditimbangan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (17hb Disember, 1975).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, bagaimana kita telah bersetuju dalam usul tadi, bermakna kita kena habiskan semua sekali Rang Undang-undang serta juga perkara kelapan di atas Aturan Urusan Mesyuarat iaitu usul yang akan dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya dapati setengah-setengah daripada Rang Undang-undang ini ialah Rang Undang-undang yang panjang dan boleh membawa kepada perbahasan yang panjang juga. Oleh itu, saya hendak hadkan masa tiap-tiap seorang Ahli Yang bercakap tidak lebih daripada 10 minit seorang. Mudah-mudahan kita dapat habiskan semua Urusan Kerajaan pada hari ini dan tidak melarat sehingga subuh pagi esok.

Sekarang, saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus. Ahli Yang Berhormat ini yang akhir sekali bercakap, kemudian Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

2.53 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyambung sedikit mengenai penghidupan liar berhubung dengan Rang Undang-undang liar ini. Walaupun saya sedar

bahawa memanglah peruntukan ini perlu diperuntukkan sebab hidupan liar ini satu jenis binatang yang dijadikan Tuhan tidak dapat bercakap dan tidak dapat merayu kepada orang-orang yang hendak menganiayakannya. Tetapi pada pandangan saya ada di antara peruntukan-peruntukan yang diperuntukan atau fasal-fasal yang ada di sini ada yang saya dapati berat sebelah, itu oleh kerana kita ini terlampau hendak membela sangat binatang-binatang liar ini, maka kadang-kadang kita tidak sedar bahawa dengan pembelaan ini maka menganiaya pihak manusia pula.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat Menteri sedar bahawa orang kampung yang membuka tanah getah seluas sepuluh ekar dan ditanam dengan getah yang berumur satu hingga dua tahun diserang oleh badak atau binatang-binatang liar. Maka mengikut undang-undang hendaklah diberitahu kepada pihak Pelindung Mergastua ini. Tetapi malangnya perkara yang berlaku ini jauh hendak sampai kepada pihak Pelindung Mergastua, ini membantu, maka berlaku peristiwa demi peristiwa tanaman-tanaman itu habis dikhianati oleh binatang-binatang liar ini. Ada setengah-setengah orang di kawasan saya sehingga sekarang ini yang sepatutnya pokok getahnya boleh ditanam dalam 180 atau 200 pokok dalam satu ekar tetapi yang tinggal hanya 30 pokok sahaja, tanam sekali dikhianati oleh badak, tanam dua kali dikhianati juga, maka akhirnya orang-orang kampung sudah tidak bertenaga lagi. Jadi, saya dapati apabila diberitahu kepada pihak Pelindung Mergastua kita hendaklah sedar bahawa pihak Pelindung Mergastua ini pun tidak dapat menolong, mereka pergi sekali dan apabila tidak berjumpa langsung balik. Yang duduk di sana ialah orang-orang kampung dan kalau ditembak akan menjadi satu kesalahan. Perkara-perkara yang seperti ini saya rasa patutlah pihak Kementerian ataupun pihak Pelindung Mergastua ini menimbangkan kembali peraturan-peraturan yang seperti ini.

Selain daripada itu, saya dapati dengan adanya undang-undang yang agak ketat ini pada pandangan saya adakah pihak Pelindung Mergastua ini sedar ataupun adakah pihak Pelindung Mergastua ini merasakan bahawa pegawai-pegawainya ataupun kakitangannya telah mencukupi untuk menjaga ataupun untuk menyempurnakan peraturan

dan undang-undang ini. Sebab setahu saya kalau di Trengganu, satu-satu daerah (district) itu hanya ada dua atau tiga orang pegawainya, maka sudah tentu dua atau tiga orang ini tidak dapat hendak menutup keperluan orang-orang kampung bagi menjaga tanaman-tanaman mereka itu. Kalau undang-undang ini terlampau ketat maka sudah tentu pihak orang-orang kampung yang menanggung kerugian, sebab dalam pelaksanaan peraturan ini saya rasa patutlah ditimbang atau dikaji dengan sedalam-dalamnya, sebab ada beberapa masalah yang paling rumit, misalnya, satu peristiwa pada masa dahulu harimau mengamuk. Seorang demi seorang ditangkap harimau sehingga sampai kepada sebelas orang semuanya di daerah Besut. Pihak Pelindung Mergastua ini kita tahu dan sedar bahawa mereka itu manusia biasa sama seperti orang lain, sama-sama takutkan harimau juga. Jadi, kalau orang kampung takut kepada harimau, maka Pelindung Mergastua pun takut juga kepada harimau. Jadi hendak tidak hendak pergi jarang-jarang sekali, tambahan lagi khabarnya harimau ini mengamuk; lagi takut. Dalam peraturan ini tidak boleh, misalnya, orang-orang kampung hendak memasang jerat atau pasang tinggal ini tidak boleh. Jadi pihak Pelindung Mergastua kena tunggu, pergi sekali tidak jumpa, selang sehari dua harimau itu menangkap orang lagi. Pergi lagi dan tunggu tidak juga berjumpa, sehingga sampai kepada sebelas orang ditangkapnya. Maka tidak sabar lagi orang-orang kampung lalu mencuri daripada pihak Pelindung Mergastua ini memasang jerat. Dengan cara ini orang-orang kampung itu telah berjaya dan harimau itu mati. Ini adalah salah satu

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab masa kita suntuk sangat hari ini dan banyak lagi Rang Undang-undang, saya harap Yang Berhormat jangan ulangkan hujah yang sama dengan lain-lain perkataan, kerana itu merugikan masa sahaja. Bercakap berkenaan harimau ini sama seperti badak makan getah juga. Tujuannya payah hendak mencari pegawai.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kerana menjaga masa, saya potongkan beberapa masalaah yang patut yang saya rasa hendak sebutkan di sini pada hari ini.

Satu lagi yang saya hendak minta kepada Pihak Pelindung Mergastua ini memberi pertimbangan dalam masalaah orang-orang kampung yang berminat untuk memelihara burung, kera ataupun buruk untuk kepentingan mereka. Sebab mengikut.

Tuan Yang di-Pertua: Ini kerana untuk dibuat ubat. Semalam dengar khabar burung itu menjadi ubat. (*Ketawa*). Sila sambung.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Masalaah ini saya rasa minta dilonggarkan sedikit sebab kita hendaklah sedar bahawa orang-orang kampung memelihara kera atau buruk itu pada pendapat saya mereka itu sayang dan mungkin lebih sayang daripada pihak Pelindung Mergastua sendiri kepada buruknya sebab buruknya itu digunakan untuk memanjat kelapa. Saya fikir kalau diketatkan sangat peraturan dan dikenakan bayaran lesen yang berlebihan saya rasa teraniaya. Sebab saya yakin dan percaya bahawa tuan-tuan punya buruk itu lebih sayang kepada buruknya daripada pihak Pelindung Mergastua sendiri. Jadi patutlah dilonggarkan undang-undang yang seperti ini.

Selain daripada itu, masalaah tindakan kepada orang-orang yang menyimpan barang-barang seperti tanduk rusa atau sebagainya yang disimpan sebelum daripada peraturan ini dibuat. Jadi, sekarang ini masih kekal, barang-barang itu memang barangkali tahan lama, maka bila berjalan peraturan ini, kalaulah pihak Pelindung Mergastua itu pergi menyiasat, tanpa waran di satu-satu rumah itu maka didapatinya tanduk rusa yang cantik-cantik itu, maka dikatakan: ini tak ada lesen, terus ditangkap. Kasihan orang-orang yang teraniaya itu. Barang-barang itu dipusakai daripada zaman datuk neneknya, atau bapaknya dahulu, sebelum undang-undang ini dicipta dia memang sudah menyimpan barang-barang ini dengan cantik, elok, dan lawa. Jadi benda-benda seperti ini saya mintalah supaya kalau hendak bertindak biarlah kepada tanduk-tanduk yang baru, tanduk-tanduk yang lama itu tak usahlah diambil tindakan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kerana hendak pendekkan lagi masa, saya suka sarankan di sini satu perkara iaitu bagi menimbang dan bagi memberi keadilan kepada binatang liar dan manusia, Kementerian ini hendaklah mengadakan

satu kawasan aman bebas dan berkecuali. Kalau kedua-dua pihak, umpamanya, kalau binatang ganas itu masuk di dalam kawasan yang ada tanaman yang penting, maka ini menjadi hak kawasan aman, bebas dan berkecuali kepada manusia boleh ditembak, boleh dibunuh dan boleh dibinasakan. Jadi aman, bebas dan berkecuali kepada manusia, jangan ambil tindakan, masuk dalam kebun getah, masuk dalam kebun tanamannya dibenarkan orang itu menembak, membunuh binatang itu. Sebab binatang itu menceroboh di dalam kawasan manusia, dan begitu juga sebaliknya menjadikan kawasan aman bebas dan berkecuali kepada binatang itu di kawasan yang tidak dipunyai oleh manusia, kalau manusia itu menceroboh, menembak binatang itu di luar daripada kawasannya, dia boleh ditangkap dan ini menjadi satu kesalahan kepada manusia. Jadi masing-masing ada kawasan bebas dan berkecuali, sebab, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah

Tuan Yang di-Pertua: Ini nampaknya hendak buat Declarasi Kuala Lumpur yang keduakah? (*Ketawa*)

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kalau tidak dibuat peraturan seperti itu, saya kata berat sebelah; pihak binatang liar serang manusia, manusia terpaksa beralah, jadi apabila pihak manusia hendak menyerang binatang liar, maka pihak Pelindung Mergastua serang balik manusia itu. Jadi berat sebelah. Kalau ada kawasan aman, bebas dan berkecuali itu, saya rasa sama-sama berhak. Kamu masuk kawasan aku, aku tembak, aku masuk kawasan kamu, kamu salah dan didenda dan dihukum.

3.04 ptg.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perlindungan Hidupan Liar ini. Sebenarnya, saya tidak sangka bahawa begitu banyak Ahli-ahli Yang Berhormat hendak mengambil bahagian dalam perbahasan dalam Rang Undang-undang ini.

Saya suka juga menyatakan rasa penghargaan saya atas cadangan, teguran dan juga pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini nampaknya membayangkan satu tanda yang baik bagi binatang-binatang liar, it augurs well for the well-being and the future of wild life in this country. Tujuan Jabatan Mergastua sebenarnya ialah hendak menyelamatkan binatang-binatang liar dan memberi binatang-binatang liar itu tempat tinggal di dalam keadaan semula jadi iaitu dalam hutan-hutan, akan tetapi binatang-binatang liar itu terpaksa juga bertanding dengan manusia yang juga menghendaki kawasan-kawasan untuk rancangan pembangunan. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, we have to strike a balance, untuk memenuhi kehendak manusia dan juga kehendak-kehendak binatang, tentu sekali manusia mesti diberi keutamaan dalam hal ini.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson telah mengemukakan beberapa cadangan dan teguran. Adalah benar hutan yang terdapat di negara ini telah menjadi kecil keluasan-nya akibat dari pembukaan tanah untuk pembangunan yang tidak dapat dielakkan demi untuk kepentingan rakyat. Berkaitan dengan teguran Ahli Yang Berhormat itu tentang hutan yang masih ada sekarang harus diberi perlindungan secukupnya demi untuk pembiakan binatang liar yang mendiami di dalamnya adalah dialu-alukan. Jabatan Mergastua yang bertanggungjawab dalam hal ini telah mengambil tindakan dengan menambah dan menyediakan makanan, umpamanya, di kawasan-kawasan yang terdapat juga ditanami dengan rumput-rumput, begitu juga di kawasan-kawasan yang didapati seladang dan juga binatang-binatang lain di kawasan-kawasan simpanan Mergastua dan Taman Negara. Di samping itu air dan garam juga dibekalkan. Dalam soal pembiakan binatang-binatang Jabatan Mergastua ada menjalankan projek pembiakan hidupan liar. Jabatan Mergastua Sabah ada menyediakan satu pusat di mana orang Utan yang dirampas ditempatkan di kawasan yang disediakan khas untuk mereka. Di Semenanjung Malaysia pula ada dijalankan projek ternakan rusa, lotong, dan burung kuan bagi tujuan pembiakan. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga Jabatan Mergastua akan memulakan projek pembiakan seladang dan buaya.

Mengenai kerosakan tanaman akibat serangan gajah di kawasan Changkat Jong, Perak, kakitangan Jabatan Mergastua telah pun mengambil tindakan segera bagi mengawal tanaman. Punca yang menyebabkan serangan gajah liar tersebut ialah akibat dari hutan di sekeliling rancangan itu menjadi kecil luasnya, dengan itu gajah yang berada di hutan berhampiran kehilangan tempat perlindungannya. Walau bagaimanapun, tindakan segera diambil oleh kakitangan Jabatan Mergastua dengan menembak mati dua ekor gajah dari kumpulan gajah di situ.

Menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak bagi memupuk perhubungan manusia dengan kehidupan liar, Kerajaan kita telah mewujudkan satu Jabatan yang bertanggungjawab dalam hal kehidupan liar di mana dikenali sebagai Jabatan Mergastua yang ditubuhkan sejak tahun 1937, dan undang-undang bagi memperindungi hidupan liar telah diadakan lebih awal dari tarikh itu.

Undang-undang ini dipinda dari semasa ke semasa adalah bertujuan untuk menguatkan lagi pengawalan hidupan liar yang lebih berkesan. Usaha-usaha sedang dijalankan bagi menambah kakitangan Jabatan Mergastua untuk menguatkan lagi pengawasan Undang-undang tersebut. Untuk mencapai matlamat Jabatan Mergastua beberapa aktiviti sedang dipergiatkan, antaranya ialah Taman Negara dan tempat perlindungan hidupan liar di mana pengurusan dan perlindungan hidupan liar dijalankan. Di dalam kawasan-kawasan itu, kita membenarkan para pelancang melawat. Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Jabatan Mergastua akan menubuhkan sebuah sekolah di mana di sekolah itu akan diajarkan cara-cara pengurusan hidupan liar. Tujuan sekolah itu ialah untuk melatih kakitangan Jabatan Mergastua supaya kakitangannya terlatih dan berpengalaman. Rancangan itu juga dibuat untuk dibuka kepada orang awam memasuki sekolah ini supaya mereka dapat memahami tentang hidupan liar itu dengan mendalam dan akan sebab-sebab mengawal-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput, membangkitkan mengenai langkah-langkah yang diambil untuk menyelamatkan hidupan liar di dunia dan di Malaysia sungguh jelas. Mengenai Fasal 7, keterangan telahpun diberi dalam ucapan saya iaitu kuasa-kuasa

menggelidih tanpa waran hanya diberi kepada 5 orang sahaja yang berjawatan Perlindung Mergastua. Tambahan pegawai dengan kuasa menggelidih tanpa waran akan diberi kepada pegawai-pegawai yang kanan.

Mengenai kes yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput ini sebenarnya kes berok dan bukan kes kera. Kes tersebut berkait atas kesalahan menyimpan berok dan bukannya atas cruelty hidupan liar seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Kes ini telah dibawa ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak \$500.

Mengenai keselamatan kepada manusia, bekalan telah dibuat di bawah Akta Ibu Fasal 56 di mana binatang-binatang liar boleh dibunuh sekiranya binatang-binatang tersebut mengancam nyawa manusia. Setakat ini bagi binatang-binatang liar yang telah mengorbankan nyawa manusia semuanya telah ditembak mati. Dua ekor gajah telah ditembak di Daerah Sungai Siput, seekor gajah jantan telah ditembak sebelum kejadian yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu berlaku dan seekor lagi ditembak selepas kejadian tersebut. Keadaan dharurat di kawasan Lasah dan Lintang menyebabkan tindakan telah tergendala.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat, Jabatan Mergastua akan menubuhkan sebuah sekolah mengenai pengurusan hidupan liar. Tujuan sekolah ini adalah untuk menyedarkan orang ramai tentang hidupan liar itu. Negara kita memang ada persatuan-persatuan yang mengambil berat tentang kebajikan hidupan-hidupan liar. Persatuan-persatuan tersebut adalah terdiri daripada Persatuan Pencinta Alam (Malayan Nature Society) dan Persatuan Rakan-rakan Rimba Taman Templer (Friends of Templer Park Society).

Tentang mendapatkan bantuan dari orang ramai bagi menghadapi binatang liar yang merosakkan tanaman, ini adalah tidak sesuai kerana perkara ini adalah sangat berat dan merbahaya dan memerlukan kerja-kerja yang terlatih. Jika mengikut cadangan tersebut kita terpaksa memberi latihan-latihan yang cukup kepada orang ramai, lagi pula kerja-kerja menghalau binatang-binatang liar ini adalah sangat rumit di mana kita terpaksa duduk dalam hutan sehari-hari lamanya baru kita dapat menemui mereka.

Bagi menjawab perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun, suka saya menyatakan bahawa tindakan tatatertib akan diambil terhadap kakitangan Jabatan Mergastua yang berkasar ataupun melakukan tindakannya yang seharusnya tidak dilakukan olehnya. Penyiataan sepenuhnya akan diambil terhadap sebarang aduan yang diterima daripada biro pengaduan ataupun orang ramai.

Mengenai kompaun-kompaun yang dikeluarkan adalah berpatutan dengan kesalahan yang berlaku, walau bagaimanapun perkara ini boleh dipertimbangkan. Simpanan jerat bermakna jerat yang dijumpai dalam rumah dan tidak pula di luar seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Jerat adalah satu alat menangkap hidupan liar yang paling kejam. Hidupan liar yang terkena jerat terpaksa menanggung penderitaan seperti kelukaan parah, dahaga dan sebagainya. Inilah sebab-sebabnya penggunaan jerat itu diharamkan.

Mengenai hidupan liar untuk dijadikan ubat, suka saya menyatakan bahawa banyak jenis-jenis hidupan liar boleh diburu ataupun ditembak dengan berlesen. Walau bagaimanapun, ada jenis-jenis yang telah berkurangan yang terpaksa diberi perlindungan sepenuhnya. Burung Belatok termasuk dalam golongan hidupan liar yang telah dikurangkan. Pelandok dan Memberang boleh ditembak dengan lesen.

Akta Perlindungan Hidupan Liar mengandungi bekalan yang cukup mengenai keselamatan taman-taman menurut Fasal 55. Hidupan liar yang merosakkan taman bolehlah dibunuh oleh tuan punya tanah atau pekerja-pekerjanya. Ini juga bagi menjawab perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus. Adalah sukar bagi kita mengumpulkan semua hidupan liar di satu tempat di Taman Negara kerana Taman Negara terlalu kecil.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus telah menimbulkan soalan kekurangan kakitangan untuk menjalankan tugas-tugas mereka. Ini memang sentiasa dipertimbangkan oleh Jabatan ini dan pada masa yang akan datang kita akan menambahkan lagi pegawai-pegawai untuk berkhidmat di dalam Jabatan ini.

Mengenai kawasan berkecuali yang menjadi soalan, saya rasa ialah bagi pihak

binatang siapa yang akan mengadilkan, samada pihak harimau ataupun berok.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 21 diperintah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PENGHAPUSAN SAMSU GELAP)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.19 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap), 1975 dibaca bagi kali yang kedua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, masalah samsu gelap telah mencapai ke takat yang mencemaskan di negara ini.

Samsu adalah terdiri dari dua jenis, iaitu yang sah dan yang gelap. Samsu yang sah dikeluarkan dengan lesen dari Kerajaan. Samsu gelap dikeluarkan tanpa lesen dan dengan melanggar undang-undang.

Mengikut takrif samsu yang sah ialah sesuatu liquor yang memabukkan yang dikeluarkan dengan lesen. Seseorang penyuling samsu yang sah mestilah membayar lesen tahunan sebanyak \$2,400 dan seseorang pembotol mestilah mendapatkan lesen membottol dengan membayar sebanyak \$1,200 setahun. Selanjutnya, ada suatu duti eksais sebanyak \$20 dikenakan ke atas tiap-tiap satu gelen samsu yang sah sama seperti yang dikenakan pada lain-lain liquor yang dikeluarkan secara sah di sisi undang-undang.

Seseorang penyuling samsu gelap tidak membayar mana-mana daripada bayaran-bayaran ini dan dengan itu Kerajaan mengalami kerugian hasil. Oleh kerana frod ini terhadap hasil, satu botol samsu gelap adalah dijual lebih kurang satu pertiga daripada harga samsu yang sah.

Oleh kerana samsu gelap adalah terlalu murah, pekerja-pekerja pada amnya di kawasan-kawasan luar bandar dan bandar telah menjadi mangsa minuman ini.

Kehilangan hasil kepada Kerajaan adalah satu daripada beberapa masalah yang disebabkan oleh penjualan samsu gelap. Pada amnya samsu gelap juga tidak layak untuk kegunaan manusia dan adalah sungguh merbahaya pada kesihatan dan juga nyawa.

Biasanya, samsu haram dikeluarkan di bawah keadaan yang paling kotor dengan menggunakan bahan-bahan yang boleh menjadi racun. Telah didapati beberapa kes kematian yang disebabkan oleh penggunaan samsu gelap. Bukan orang-orang lelaki dan perempuan dewasa sahaja yang meminumnya bahkan budak-budak lelaki berumur dua belas tahun pun telah didapati menggunakannya hingga mengakibatkan kerosakan otak.

Penggunaan selalu samsu gelap adalah mengakibatkan:

- (i) berpecahnya keharmonian keluarga dan kewangan;
- (ii) bencana buruk kepada kesihatan jasmani dan otak, kadang-kadang menyebabkan buta dan maut;
- (iii) mengurangkan daya pengeluaran;
- (iv) kehilangan hasil kepada negara; dan
- (v) perbelanjaan kepada negara melalui rawatan hospital.

Pengilang-pengilang samsu gelap tidak langsung mempunyai apa-apa jua perasaan kepada kesihatan manusia. Matlamat mereka ialah semata-mata hendak membuat duit dengan senang walaupun perbuatan mereka itu mendatangkan bencana kepada kesihatan orang ramai.

Undang-undang yang berkuatkuasa sekarang ini tidak langsung mencukupi untuk menghapuskan atau mengawal kecelakaan ini.

Pengilangan dan penjualan samsu gelap tidak disifatkan sebagai kesalahan yang boleh dihukum oleh mana-mana undang-undang tertentu pada masa sekarang. Akta Eksais, 1961 hanya mensifatkannya sebagai kesalahan dari segi hasil jika seseorang mengilang dan menjual liquor yang memabukkan tanpa lesen. Untuk dipertuduh sebagai kesalahan dari segi hasil, liquor itu mestilah layak untuk kegunaan manusia oleh kerana tiada apa-apa lesen boleh diberi bagi sesuatu liquor yang tidak layak untuk kegunaan manusia. Galak kali samsu gelap adalah diperakui sebagai tidak layak untuk kegunaan manusia dan jika demikian tiada apa-apa tindakan boleh diambil terhadap mereka itu.

Maka nyatalah tiadanya undang-undang bagi mengawal dan menghapuskan pengilangan dan penjualan samsu gelap samada atau tidak samsu itu layak untuk kegunaan manusia. Dengan mensifatkannya hanya sebagai kesalahan dari segi hasil, maka tidaklah menasabah bagi mengawal penyulingan samsu gelap yang layak untuk kegunaan manusia. Melainkan jika kesalahan itu dijadikan sebagai kesalahan yang boleh dihukum demi kepentingan negara tiada apa-apa hasil yang bererti boleh dicapai dengan mengutuknya.

Oleh yang demikian, Jumaah Menteri mensifatkan penjualan dan penggunaan samsu gelap sebagai suatu kecelakaan yang buruk dan pada 19 haribulan Mac, 1975 telah memutuskan supaya masalah samsu gelap dikaji semula dan suatu kajian dibuat mengenai undang-undang sekarang yang mengawal pengilangan dan pengawalannya. Berikutan daripada ini, suatu jawatankuasa seramai dua belas orang telah dibentuk dengan dipengerusikan oleh saya dalam mana pegawai-pegawai kanan Kementerian Kewangan, Kastam dan Eksais Diraja, Polis Diraja, Kementerian Kesihatan, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, Jabatan Kimia, Kementerian Undang-undang dan juga Professor Madhya, Jabatan Perubatan Saikoloji Universiti Malaya berkhidmat sebagai ahli.

Jawatankuasa itu telah menerima memorandum-memorandum bertulis dari Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang, Persatuan Saudagar-saudagar Liquor, Persatuan Persekutuan Penjual-penjual Liquor, Kongres India Malaysia di samping kertas-kertas

yang diterima daripada Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Kimia dan Universiti Malaya.

Jawatankuasa itu telah menyempurnakan tugasnya dalam masa enam bulan dan hasil kerja itu ialah Rang Undang-undang yang dibentangkan di Majlis yang Mulia ini.

Rang Undang-undang ini mengharamkan segala jenis samsu gelap dan bertujuan untuk mengenakan tempoh-tempoh penjara dan denda-denda yang termosti bagi pengilangan dan perdagangan samsu gelap itu. Bagaimanapun, seseorang yang adalah sebagai seorang pengguna sahaja dan memiliki samsu gelap tidak kurang daripada suku gelen banyaknya adalah tertakluk kepada hukuman yang tidak sebegitu berat sebagaimana yang dikenakan ke atas seseorang pengilang atau pedagang menurut Fasal 5 Rang Undang-undang ini. Tetapi seseorang yang mengaku dirinya sebagai pengguna hendaklah membuktikan fakta itu sebelum ia berhak mendapat hukuman yang lebih ringan itu. Tetapi jika seseorang mengilang dan memperdagangkan samsu gelap yang mengandungi bahan berbahaya sebagaimana yang ditakrifkan maka Rang Undang-undang ini memperuntukan sebat sebagai hukuman termosti selain daripada penjara dan denda. Adalah diharapkan bahawa penalti-penalti berat yang dikenakan itu akan memberi kesan yang dikehendak iaitu menghapuskan sama sekali pengeluaran dan penggunaan samsu gelap itu.

Jika seseorang itu memperolehi atau melupuskan sesuatu aset itu dengan apa-apa cara yang lain daripada cara tawaran yang dibuat bebas dari pengaruh, dan khususnya jika ia memperolehi atau melupuskannya dengan cara pemberian maka perolehan atau pelupusan tersebut hendaklah disifatkan sebagai berlaku yang balasannya dianggap sama dengan nilai pasaran aset itu. Nilai pasaran bagi sesuatu aset yang diperolehi atau dilupuskan ialah harga yang diperolehi olehnya jika aset itu dijual dalam suatu transaksi antara orang-orang yang tidak bersangkut-paut dan bebas dari pengaruh dalam transaksi itu pada masa pelupusan itu dijalankan.

Fasal 8 dalam Rang Undang-undang itu menguntukkan bahawa keuntungan yang diperolehi oleh seseorang daripada pelupusan

atas tempat kediaman persendirianya dikecualikan daripada cukai ini. Pengecualian ini bagaimanapun dihadkan kepada satu rumah kediaman sahaja dengan syarat pelupusan itu dilakukan dalam keadaan-keadaan tertentu seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3 Rang Undang-undang ini. Di mana seseorang itu mempunyai lebih daripada satu tempat kediaman persendirian, ia boleh menamakan satu daripada tempat-tempat kediamannya bagi maksud-maksud pengecualian.

Di bawah Fasal 9 dan Jadual 4, suatu keuntungan yang teraku kepada Kerajaan, mana-mana Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan adalah dikecualikan daripada cukai ini. Selain daripada Fasal 9, Fasal 26 menguntukkan supaya cukai yang dibayar atau kena dibayar oleh seseorang itu boleh diremitkan, kesemuanya atau sebahagian daripadanya atas alasan-alasan kemiskinan atau atas alasan-alasan kesusahan yang berlebihan, atau atas alasan-alasan keadilan dan ekuiti. Peruntukan juga dibuat di bawah Fasal 18 bagi rayuan kepada Pesuruhjaya Khas oleh mana-mana orang yang terkilan dengan sesuatu taksiran.

Cukai ini akan ditaksirkan mengikut satu-satu tahun taksiran. Tahun taksiran yang pertama ialah tempoh mulai 7hb November, 1975 hingga 31hb Disember, 1976 dan kemudian daripada itu tahun taksiran ialah tahun-tahun kalender.

Bagian-bagian IV dan V dalam Rang Undang-undang ini mengandungi peruntukan-peruntukan penyiasatan, penalti dan peruntukan-peruntukan pentadbiran dan tambahan yang pada keseluruhannya adalah serupa dengan peruntukan-peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan, 1976.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.50 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cukai Keuntungan Harta Tanah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bertujuan untuk mencegah spekulasi dan dengan itu patut sangat mendapat sokongan dari

kita semua. Walau bagaimanapun, ada beberapa perkara hendak disentuh oleh saya supaya dapat penjelasan-penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, definisi spekulasi itu sangat umum, tidak dapat kita tentukan apakah sebenarnya spekulasi pada erti kata yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tersebut. Saya bawa di sini beberapa contoh. Pertamanya, saya suka menyentuh Clause 7 (1) (a), muka surat 10 di bawah perkara "Chargeable gains". Contoh yang pertama saya suka bawa ialah katalah seorang yang berasal dari luar bandar, namanya Encik Ahmad yang mempunyai harta di luar bandar di satu kampung yang 60 batu jauhnya daripada Kuala Lumpur. Dia mempunyai sebuah rumah, tanah, sawah dan ladang tetapi dia menjadi seorang kakitangan dan pegawai Kerajaan tinggal di Kuala Lumpur dan masuk menjadi ahli sebuah syarikat kerjasama perumahan menyimpan wang dengan beberapa susah-payah, berjimat-cermat dan mengorbankan dirinya daripada beberapa perkara luxury. Katalah, di dalam tempoh 10 tahun cukup duit untuk membayar muka pendahuluan dan dapat dia membeli sebuah rumah, mana yang tidak cukup itu dapat pinjaman daripada bank ataupun finance company dengan membayar faedah antara 10-15% dan dibayarnya sesudah 5-6 tahun jelas rumah itu. Orang yang sudah mengorbankan wang dan masanya untuk membeli rumah itu sesudah 6-7 tahun dijualnya pula rumah itu dia dapat keuntungan sedikit. Adakah di dalam definisi spekulasi itu orang ini dikenakan cukai, kerana memandang kepada jimat-cermatnya dan memandang kepada wang yang dipinjamnya dan dibayarnya pula faedah itu, saya berpendapat sungguhpun orang ini mempunyai dua buah rumah iaitu rumah di kampung dan rumah di Kuala Lumpur tidaklah patut cukai dikenakan kepada orang itu.

Contoh yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah ada seorang suami yang mempunyai seorang isteri dan kerana isteri itu telah memberi perkhidmatan yang begitu elok kepadanya, memuaskan hati dan kerana natural love and affection maka sudah tiba satu masa diserahkannya hartanya, tanah dan rumahnya kepada isterinya dan sesudah 3-4 tahun pula si suami ini meninggal dunia. Isteri ini tinggal menjadi janda, katakan mempunyai 3 orang anak. Sesudah beberapa

tahun pula anaknya ini sudah besar, masing-masing sudah beristeri dan berumah-tangga dan pindah daripada rumah itu, maka tinggallah janda ini seorang. Kalau masa itu dia muda tidak apa, boleh bersuami lain, tetapi dia sudah tua, barangkali kalau ada orang lain hendak bukan hendak kerana janda ini, tetapi kerana hendakkan hartanya, jadi dia tidak hendak kahwin. Bila anak-anaknya sudah pindah tinggallah dia dalam rumah ini, rumahnya besar. Rumah ini terlampau besar baginya seorang diri, dijualnya rumah itu. Apa pula di dalam erti kata ataupun definasi Kementerian adakah janda itu boleh dikenakan cukai kerana dia menjual rumahnya kerana rumah ini terlampau besar baginya untuk dia membeli rumah yang kecil dan sesuai baginya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka bawa kepada pengetahuan Dewan ini kepada beberapa Clause yang lain iaitu kepada Schedule 5, muka surat 63. Bil ini menentukan Rates of Tax akan dikenakan di antara 10% atau 50%, sebagaimana diterangkan oleh Yang Berhormat/Timbalan Menteri tadi. Di negara ini kerap kali didengar sungutan-sungutan daripada rakyat bahawa Pejabat Tanah lambat hendak menukarkan title tanah itu kalau kita sudah beli, kadang-kadang memakan masa 4-6 tahun pun ada kerana banyak kerja, barangkali bukan disengajakan oleh pegawai-pegawai di Jabatan Tanah tetapi oleh kerana banyak kerja dan beribu-ribu orang meminta dan menukarkan tanah itu. Kebanyakan daripada orang membeli tanah, membeli rumah dibuat satu agreement iaitu sales agreement, katalah, daripada satu tarikh. Saya hendak penentuan daripada Kementerian kalaulah harta itu hendak dijualkan oleh orang ini tarikhnya (period) itu dikira dari mana? Adakah daripada sales agreement dibuat masa dia membeli itu ataupun daripada tarikh 4 tahun sesudah itu apabila title itu dapat ditukarkan kepada nama dia. Saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Yang kedua, katalah ada satu syarikat, bukan limited company tetapi syarikat biasa. Katalah, namanya Syarikat Salim & Sons dan ia mempunyai harta \$50,000. Sesudah barangkali 5-10 tahun perniagaannya ada baik, Salim & Sons ini menukar taraf syarikatnya kepada Sendirian Berhad. Jadi, semua aset-asetnya ini terserahlah kepada nama baru iaitu Syarikat Salim Sendirian Berhad

dan oleh kerana ini adalah perniagaan anak-beranak harga itu dibuat juga macam mana harga dahulu, iaitu aset itu divaluekan harga dahulu juga iaitu \$50,000. Entah macam mana ditakdirkan oleh Tuhan tempat rumah dan tanah yang dipunyai oleh Salim Sendirian Berhad itu hendak diambil oleh Kerajaan dan dinilai oleh Kerajaan \$350,000 misalnya. Soalannya di sini ialah apakah ketentuan daripada Kementerian samada ownership harta itu diambil daripada tarikh 10 tahun, iaitu daripada mula-mula wujudnya Syarikat Salim & Sons ataupun daripada tarikh Syarikat Salim & Sons Sendirian Berhad iaitu dari tarikh ia menukarkan kepada limited company. Itu tidak ada diterangkan di dalam Bil yang baru dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Satu contoh yang lain ialah saya suka menyentuh berkenaan dengan istilah retirement ini. Retirement ini kalau sebagai seorang peniaga memang tidak ada, kami terus berniaga sampai ke tua dan boleh dikatakan jarang orang berniaga yang betul-betul retire. Jadi hendaklah definasi retirement ini diterangkan oleh Kementerian supaya jangan ada kekeliruan yang melibatkan banyak orang-orang yang tidak pada erti kata sebenarnya dia retire daripada service. Juga istilah yang mengatakan kalau kita membeli rumah another part of Malaysia, misalnya, itu juga kena cukai. Jadi, kalau saya mempunyai rumah di Kuala Lumpur, saya hendak membeli rumah, katalah, di tiga batu daripada Kuala Lumpur, adakah ini pada erti kata another part of Malaysia ataupun another part of Malaysia itu mengatakan kalau kita duduk di Kuala Lumpur terpaksa saya membuat rumah pula nun di Kota Bharu, Kelantan, baru pada erti kata istilah itu another part of Malaysia. Oleh itu saya minta dan saya merayu kepada Kerajaan dan kepada Kementerian dapat menimbangkan perkara-perkara berikut: Yang pertama Bil ini hendaklah mengecualikan owner occupied houses of any value, sebagaimana saya mengatakan walaupun dia ada dua rumah, kerana circumstances dia terpaksa duduk di Kuala Lumpur haraplah dapat dikecualikan.

Yang kedua, Bil ini

Tuan Azahari bin Md. Taib: Sudah cukup.

6.01 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sedikit sahaja berkenaan dengan Rang Undang-undang Cukai Keuntungan Harta Tanah ini.

Saya nampak Akta ini adalah merupakan sambungan bagi Akta Cukai Spekulasi Tanah, 1974. Nampaknya kalau di atas asas itu cukai spekulasi tanah ini merupakan cukai sementara. Jadi kalau sudah dengan dibentangkan Rang Undang-undang ini tidak menjadi sementara lagi, jadi kekal. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri berfikir semula samada hendak kekalkan ataupun ada cadangan supaya pada masa yang akan datang Rang Undang-undang ini dibatalkan semula, sebab saya nampak kalaulah Rang Undang-undang ini berpanjangan, maka sudah tentu banyak masalah-masalah yang saya rasa bukan makin ringan tetapi makin berat, maksud kita bukan untuk menahan daripada penjualan tanah, tetapi harga mungkin makin mahal sebab penjual-penjual tanah menilai di atas cukai atau penjual rumah akan menilai di atas cukai yang akan dikenakan, maka harganya pun dinaikkan. Ini pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, masalahnya sekarang ini orang bumiputra baru mula mencebur diri dalam lapangan perusahaan rumah. Kalau di Pantai-pantai Timur banyak pengusaha-pengusaha bumiputra sedang rancak hendak membangunkan rumah. Maka saya rasa termasuk juga di dalam Rang Undang-undang ini yang mana cukai 50 peratus akan dikenakan ataupun 40, 30 dan sebagainya. Jadi, saya rasa ini mungkin akan melibatkan bebanan ataupun pudarnya semangat bumiputra yang hendak menjalankan usaha pembangunan rumah untuk perniagaan dan sebagainya.

Berkenaan rumah persendirian ini saya tidak faham. Masalah rumah persendirian ini sebagaimana Yang Berhormat dari Kuala Selangor katakan tadi iaitu kalau seorang jadi Menteri, katakanlah, orang Pahang, ada tanah 5 ekar di Kuala Lipis, tentulah nilainya rendah. Bila duduk di Kuala Lumpur maka

dia beli tanah satu ekar, tentulah nilainya mahal. Jadi hendak tetap yang mana, Tuan Yang di-Pertua. Memang kalau kira tempat tinggal asalnya tentulah ia tetapkan di Kuala Lipis kerana memang dia orang sana, tetapi sebaliknya nilai tanah di sini (Kuala Lumpur) adalah mahal. Jadi hendak tetapkan sini tentulah menjadi satu masalah dalam pemikirannya. Saya rasa beratnya Tuan Yang di-Pertua, cara undang-undang ini dikenakan, khasnya orang yang mempunyai tugas-tugas yang tertentu, misalnya, orang-orang ahli politik atau pegawai-pegawai Kerajaan yang terpaksa bertukar, terpaksa berpindah, terpaksa duduk sampai 5 tahun di satu tempat, ini tentu terlibat besar. Ada pun ahli-ahli peniagaan maka masalahnya lain, dia pandai pula cari jalan-jalan yang tertentu. Saya rasa harus diambil perhatian oleh Yang Berhormat Menteri. Kalau boleh biarkanlah dianggap dua rumah, misalnya, rumah di Pahang sana, ataupun di Trengganu sana dan rumah yang di Kuala Lumpur dijadikan rumah kekalnya, sebab ada keadaan-keadaan tertentu bagi kepentingan mereka yang menjalankan tugas negara.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dikatakan rumah persendirian ini ialah rumah dia sendiri dan isterinya duduk. Kalau orang itu ada dua isteri atau tiga isteri, empat isteri; orang Islam boleh sampai dua, tiga, empat isteri maka bagaimana, sedangkan tanggungjawab untuk menanggung isteri tentu sama, sebaliknya hendak beri rumah hanya kepada satu isteri sahaja. Apa hal pula dengan isteri-isteri yang lain. Kalau, setengah orang yang banyak duit, seperti setengah-setengah Wakil Rakyat tentulah dia boleh belikan di sini sebuah rumah dan di sana sebuah rumah. Tidak kiralah orang yang tidak beristeri lebih daripada satu itu lain hal, tetapi yang saya katakan Undang-undang Islam di mana hal tersebut boleh dan tanggungjawabnya adalah sama. Jadi kenapa yang kita hendak hadkan satu sahaja. Jadi mesti diletakkan satu fasal ataupun pecahan lain yang membolehkan isteri dan isteri-isterinya. Ini tanggungjawab, Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab tidak boleh hendak lari. Saya rasa Yang Berhormat Menteri tolong pinda pada masa yang akan datang. Sekarang ini tidak boleh buat. Saya pun tidak bercadang hendak bawa pindaan dalam Jawatankuasa. Pada masa akan datang tolong pinda supaya penglibatan

orang-orang yang benar-benar bertanggung-jawab seperti apa yang saya katakan tadi janganlah terlampau teruk.

Itulah sahaja pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mak Hoon Kam (Tanjong Malim): Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Selepas ini saya akan jemput Timbalan Menteri menjawab.

6.06 ptg.

Tuan Mak Hoon Kam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama mengemukakan Rang Undang-undang ini dan memberi pandangan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon kebenaran untuk berucap dalam bahasa Inggeris di samping bercakap dalam Bahasa Malaysia. Memandangkan pembinaan bangunan-bangunan dalam negara membangun seperti negara kita, maka memang ada spekulasi tanah. Spekulasi dengan sendirinya tidaklah buruk bagi ekonomi negara, kecuali dalam bentuk yang melampau.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I presume the reason for the introduction of this Bill is to curb extreme speculation and I would say that, to some extent, this Bill will help to curb extreme speculation, especially in an advancing advanced country like ours.

But, Tuan Yang di-Pertua, we must not forget that the creation of employment out of this building industry or development is tremendous, and we cannot afford to overlook the employment created in this field.

Sir, speculation in itself is not bad, as I have said earlier, as long as it is not practised to the extreme, because it creates economic activities; but it is only a matter of how we could bring it under control.

Tuan Yang di-Pertua, if we have excessive restrictions in the form of tax over the speculation of land, then we might find the housing industry or housing development may come to a standstill or to a stagnant point. Then we will find a shortage of houses and a situation created whereby

we may have to pay high prices for houses. Thus, eventually not only will the people suffer but also the nation's economy suffers.

Tuan Yang di-Pertua, we all know that the housing industry is considered as the barometer to gauge the development of a country. When the building industry is bad, it follows that other sectors of industry and development will experience the same downward trend. It is needless to say that our unemployment figure will rise. Therefore, the ordinary people will suffer and will be affected by this. So, I wish to urge the Minister concerned that, in the implementation of this Bill, the Government should be careful as not to affect the genuine developers who are doing a service to the country.

Tuan Yang di-Pertua, I must praise the Minister concerned for introducing Clause 7 (1) (b) where it says: "if the disposal price of a chargeable asset is less than the acquisition price, there is an allowable loss". This Clause to allow tax relief for allowable losses suffered on disposal of chargeable assets, is a good idea. But, Tuan Yang di-Pertua, in Schedule 2—Chargeable Gains and Allowable Losses on Page 57, it says that "Tax relief for any allowable loss suffered in a year of assessment shall not be allowed as a deduction from the tax assessed on chargeable gains accruing in any earlier year of assessment."

Tuan Yang di-Pertua, I think this makes things complicated to genuine developers and I wish to urge the Minister concerned to look into this matter as far as the genuine developers are concerned. However, Tuan Yang di-Pertua, it is regrettable that the Bill is silent as to how the Real Property Gains Tax Bill is to be applied to the genuine developers. I wish to urge the Government not to scare off the investment which the country at the moment is in need of.

6.12 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukaiah saya menyatakan di sini bahawa kami di Kementerian Kewangan mengakui bahawa ini adalah satu Akta yang baharu dan di dalam melaksanakan satu Akta yang baharu di mana ada peruntukan yang baharu mestilah berbangkit beberapa masaalah. Walaupun

pada dasarnya ada peruntukan-peruntukan yang boleh memberi pengecualian cukai ke atas beberapa kes yang tertentu, maklumlah hakikat-hakikat penghidupan ini, kes-kes yang tertentu mestilah ada berlainan dengan kes-kes yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah memberi beberapa contoh kes-kes yang hakikatnya berlainan, dan jika saya hendak memberi jawapan kepada kes-kes dan teori sahaja semacam ini barangkali boleh timbul kekeliruan. Oleh itu saya tidak berhasrat untuk memberi jawapan kepada semua contoh yang telah diberi kepada saya, melainkan saya sudah mengambil perhatian atas contoh-contoh itu dan jika sebenarnya berbangkit, Jabatan Hasil Dalam Negeri akan mengkaji kes itu. Kalau didapati tidak adil di mana satu kes yang tertentu dikenakan cukai; ada peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini supaya Menteri Kewangan boleh merebatekan sebahagian cukai itu atau semua atas alasan kes-kes itu tidak adil dikenakan cukai. Dengan sebab itu, saya tidak berniat hendak menyentuh tentang tujuan Akta ini. Tujuan Akta ini bukan sahaja hendak mencegah inflasi tetapi ada mengandungi satu dasar baharu supaya Kerajaan boleh mendapat sedikit-sebanyak hasil daripada orang-orang yang menjualkan rumah-rumah ataupun tanah termasuk pembangunan di atas tanah itu dengan kadar cukai yang saya sebutkan tadi. Dan ini adalah satu hasil baharu dan samada Akta ini akan diadakan buat sementara ataupun dikekalkan seperti yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun, jikalau keadaan pada masa akan datang berubah dan Kerajaan berfikir tidak patut lagi kita adakan satu hasil seperti ini, bolehlah kita timbang untuk dihapuskan cukai ini. Tetapi pada masa sekarang ini Kerajaan berfikir ini adalah satu hasil negara yang mustahak kita minta sedikit dan Akta ini boleh dikatakan kekal.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun juga meminta pengecualian dari rumah-rumah persendirian yang dijual. Dasar Kerajaan ialah mengecualikan sebuah rumah kediaman persendirian. Jika seorang individu hendak menjual beberapa buah rumah, ini boleh dikatakan bahawa individu itu sudah menjalankan perniagaan. Dan jika seorang individu itu menjalankan perniagaan, patutlah dikenakan cukai, walaupun misalnya individu itu ada rumah di Pahang, Selangor

dan Perak, terpulanglah kepadanya untuk memiliki mana-mana satu kediaman. Jika dijual rumah kediaman itu, dia boleh minta pengecualian daripada cukai. Berkaitan dengan seorang yang ada isteri, lebih daripada satu atau dua, itu terpulanglah kepada dia juga untuk memilih mana-mana satu kediaman. Jika dia hendak jual rumah itu, terpaksa dikecualikan daripada cukai.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Malim telah menyentuh tentang kemungkinan Akta seperti ini akan menghadkan aktiviti-aktiviti rancangan perumahan dalam negeri ini. Kami sedar bahawa satu Akta semacam ini boleh juga jikalau tidak dikawal dengan sebaiknya dalam bahasa Inggerisnya: saya minta izin menyebutkannya, "act as a dampener or as a disincentive agent". Tetapi nampaknya tidaklah ada akibat dari segi itu yang berbangkit selepas Akta ini dikuatkuasakan dan tujuannya bukan sahaja kita hadkan aktiviti rancangan perumahan di negara ini tetapi supaya mendapatkan hasil jika seorang itu menjual harta, tanah dan mendapatkan keuntungan apabila mereka menjual tanah itu dan pengusaha-pengusaha perumahan (developers) itu tidak terlibat dalam cukai ini oleh kerana jika mereka menjalankan perusahaan sebagai Housing Developers bolehlah membayar cukai pendapatan sahaja. Saya pun sudah mengambil perhatian atas teguran Ahli Yang Berhormat itu tentang seksyen ini apabila mendapat kerugian. Lain-lain pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat saya sudah mengambil perhatian. Jika Kementerian Kewangan menyedari bahawa Akta ini patut dipinda pada masa akan datang, saya tidak bimbang dengan persetujuan Menteri Kewangan mengemukakan pindaan di dalam Dewan ini jika didapati perlu dan mustahak.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2—

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan kepada Fasal 2 sepertimana Kertas Pindaan yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaannya seperti berikut:

*Fasal 2—*Gantikan perkataan “usaha-usaha” yang terdapat dalam baris dua dalam takrif “perkongsian” dengan perkataan “duganiaga”.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 2 sebagaimana yang dipinda, diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 4—

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan kepada Fasal 4 (2) sepertimana Kertas Pindaan yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaannya seperti berikut:

*Fasal 4 (2)—*Gantikan koma bernoktah yang terdapat selepas perkataan “itu” dalam baris enam dengan koma.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 4 sebagaimana yang dipinda, diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 5 hingga 12 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 13—

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan kepada Fasal 13 (1) sepertimana Kertas Pindaan yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaannya seperti berikut:

*Fasal 13 (1)—*Gantikan perkataan “pelupuskan” yang terdapat dalam baris lapan dengan perkataan “pelupusan”.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 13 sebagaimana yang dipinda, diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 14 hingga 26 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 27—

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan kepada Fasal 27 (3) (a) (ii) sepertimana Kertas Pindaan yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaannya seperti berikut:

*Fasal 27 (3) (a) (ii)—*Potong perkataan “untuk urusannya” yang terdapat di hujungnya.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 27 (3) sebagaimana yang dipinda, diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 27—

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan kepada Fasal 28 (3) sepertimana Kertas Pindaan yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaannya seperti berikut:

*Fasal 28 (3)—*Gantikan perkataan “terpahaman” yang terdapat dalam baris sepuluh dengan perkataan “terjemahan”.

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 28 sebagaimana yang dipinda, diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 29 hingga 31 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 32—

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan kepada Fasal 32 (1) sepertimana Kertas

Pindaan yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaannya seperti berikut:

Fasal 32 (1)—Masukkan perkataan “maka orang itu” di antara perkataan “pembayarannya” dan perkataan “ada” yang terdapat dalam baris enam.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 32 sebagaimana yang dipinda, diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 33 hingga 45 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 46—

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan kepada Fasal 46 (1) sepertimana Kertas Pindaan yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaannya seperti berikut:

Fasal 46 (1)—Substitute the word “or” for the word “of” appearing immediately after the word “access” in line one.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 46 sebagaimana yang dipinda, diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 47 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 48—

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan kepada Fasal 48 (4) (b) sepertimana Kertas Pindaan yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaannya seperti berikut:

Fasal 48 (4) (b)—Gantikan perkataan “terkandung” yang terdapat dalam baris empat belas dengan perkataan “terkandung”.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 48 sebagaimana yang dipinda, diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 49 hingga 58 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual 1 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual 2—

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan kepada Jadual 2 (perenggan 1) dan (perenggan 22) sepertimana Kertas Pindaan yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaannya seperti berikut:

Jadual 2—Gantikan perkataan “taksiran” yang terdapat dalam (perenggan 1) nota bidai itu dengan perkataan “tafsiran”.

Jadual 2—T a m b a h k a n perkataan-perkataan “mulai dari 1hb (perenggan 22) Januari, 1970” selepas sahaja perkataan “itu” yang terdapat dihujungnya.

Schedule 2—(a) Substitute the word “expenses” for the word “expanses” appearing in line one of paragraph 7 (a).

(b) Substitute the word “been” for the word “be” appearing in line four of 7 (c).

(c) Substitute the word “of” for the word “or” appearing immediately after the word “capital” in line four of paragraph 7 (c).

(d) Add the words “as from 1st January, 1970” after the word “partnership” appearing at the end of paragraph 22.

(e) Substitute the word “an” for the word “on” appearing in line three of the proviso to paragraph 24 (1).

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Jadual 2 sebagaimana yang dipinda, diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual 3—

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan kepada Jadual 3 sepertimana Kertas Pindaan yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaannya seperti berikut:

Schedule 3—(a) Substitute the word “owning” for the word “owing” appearing in line one of paragraph 10.

(b) Substitute the word “method” for the word “fethod” appearing in line four of paragraph 12 *(b)*.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Jadual 3 sebagaimana yang dipinda, diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual 4 dan 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN TEMPATAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.30 ptg.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Khee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan 1975 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Dewan ini maklum pada masa ini ada berbagai-bagai undang-undang dipakai oleh penguasa-penguasa tempatan di dalam negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, dan masanya sudah sampai bagi Kerajaan mengadakan satu undang-undang yang menyeluruh dan seragam untuk mengelakkan kekeliruan dalam pentadbiran Kerajaan Tempatan dengan adanya undang-undang yang berbagai jenis itu. Dan lagi peruntukan-peruntukan yang ada dalam berbagai

undang-undang yang ada sekarang ini telah lapuk dan berkehendakkan pembaharuan sejajar dengan peredaran masa dalam zaman sains dan teknologi ini.

Undang-undang yang dicadangkan ini akan juga dipakai oleh Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur, walaupun Dewan Bandaraya ini ada undang-undang sendiri yakni Akta Ibu Kota Persekutuan 1960, tetapi di mana ada terdapat pertelingkahan di antara kedua-dua undang-undang itu, maka peruntukan-peruntukan di bawah Akta Ibu Kota Persekutuan itu adalah dipakai.

Satu perkara baru yang dimuatkan dalam Rang Undang-undang ini pada masa hadapan akan ada hanya dua jenis Majlis Penguasa Tempatan:

(a) Majlis Perbandaran (Municipal Council).

(b) Majlis Daerah (District Council).

Ini ialah bertujuan supaya pada masa yang akan datang setiap inci bumi dalam sesebuah negeri itu akan diletakkan di bawah pentadbiran sesebuah Penguasa Tempatan.

Dalam Rang Undang-undang ini peruntukan-peruntukan berkaitan dengan Perancang Bandar tidak lagi dimuatkan oleh kerana peruntukan-peruntukan itu perlu diasingkan dan dikanunkan di bawah Akta yang lain. Dan ini telahpun diluluskan oleh Dewan ini beberapa hari dahulu, peruntukan-peruntukan berkaitan dengan jalanraya, pamaritan dan bangunan telah juga dikeluarkan daripada Rang Undang-undang ini dan telahpun dikanunkan dalam Akta yang bernama Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

Saya juga menyatakan bahawa selain daripada peruntukan-peruntukan yang biasa yang bersabit dengan pentadbiran pegawai-pegawai dan kakitangan, perjalanan urusan dan juga kewangan am seperti perakaunan-perakaunan, odit, peruntukan-peruntukan berkaitan dengan tempat-tempat awam, makanan, masa kebersihan dan sebagainya. Ada juga peruntukan-peruntukan baru yang telah dimasukkan di bawah undang-undang yang dicadangkan ini. Satu daripadanya ialah kuasa-kuasa untuk membuat undang-undang kecil bagi mengawal dan melesen kegiatan-kegiatan yang mendatangkan keuntungan seperti berbagai-bagai perniagaan dan perusahaan yang dijalankan di dalam kawasan sesebuah Penguasa Tempatan itu.

Ini termasuklah syarikat-syarikat seperti akauntan, kelinik, undang-undang dan sebagainya.

Selain daripada itu kuasa-kuasa untuk mengenakan kadar-kadar yang berbeza berdasar kepada kawasan, kegunaan dan kelas-kelas harta benda telahpun dimuatkan. Se-sebuah Penguasa Tempatan itu juga akan diberi kuasa untuk meminjam wang bagi maksud pembangunan dalam kawasan masing-masing tertakluk kepada kelulusan pihak Penguasa Negeri dan sebarang undang-undang lain yang bertulis. Keterangan-keterangan lain yang lengkap boleh didapati dalam Huraian di hujung Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa dalam peringkat Jawatankuasa saya akan mencadangkan beberapa pindaan kepada Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan, 1975 ini. Pindaan-pindaan ini adalah semata-mata pindaan dari segi gubalan dan juga untuk membetulkan kesilapan taip. Senarai pindaan-pindaan tersebut sudahpun dikemukakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai Kertas DR. 54/75.

Pada akhirnya saya suka menyatakan bahawa Undang-undang ini telah diper-setujui oleh Majlis Kebangsaan Tempatan mengikut Fasal 95 (a) Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.37 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bercakap sepatah dua atas Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan di samping bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat pada tahun 1964 dalam zaman konfrantasi dengan Indonesia, Tunku Abdul Rahman telah menyatakan di dalam Dewan ini

bahawa pilihanraya Kerajaan Tempatan ditangguhkan semasa konfrantasi dan beliau pada masa itu juga telah memberi jaminan bahawa Kerajaan Pusat akan mengadakan pilihanraya untuk Kerajaan Tempatan apabila konfrantasi tamat.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, malangnya Kerajaan sekarang has repudiated the solemn promise made in this House by the former Prime Minister, the Tunku, on the specious ground that it was a different Government, a different Prime Minister, and has abolished the elections for our local authorities and today we see the effect of that announcement, that we have this Local Government Bill whereby if you look at it, instead of holding elections, we have now nominated members who, I reiterate, in most cases represent nobody but themselves.

Now, Mr Speaker, Sir, having said that, I wish to refer also to the Athi Nahappan Report which is a very comprehensive Report, and no doubt most of the provisions of this Bill have been based on that excellent piece of work by the present Deputy Minister of Law. I think that Report implied that there would be Local Council elections. Again that has gone by the board with the present Government.

I just wish to touch on a few aspects of this Bill, Mr Speaker, Sir. One is that I want to bring to the attention of the Minister that the local authorities, as has been pointed out in this House by the Member for Telok Anson, collect lots of rates for and on behalf of the State and the Federal Governments and as a result the local authorities are bereft of funds to carry out the social amenities that are necessary. Yet, this Bill has the audacity to say that, while the Central Government is imposing all these rules and regulations on the local authorities, in the penultimate line of this Bill under Financial Implications it is stated that "this Bill will not involve the Government in any extra expenditure".

Mr Speaker, Sir, I want to ask the Honourable the Minister of Local Government if we want to carry out all the provisions of this Act and if the local authorities collect rates for State and Federal Governments, where are they to get the funds from, unless they are to raise the rates to heights that the ratepayers cannot pay. I

reiterate that this Bill has quite a considerable number of clauses on valuation. I hope the Minister when he comes to the implementation of this Bill will see to it that the Local Authorities do not raise the rates to heights where people cannot afford to pay and if they want to raise rates, then they must provide the necessary services. "No raising of rates without services" would be a good battle cry for the rate payers throughout this country.

The other thing I wish to talk about is lots of areas in this country, including lots of the various States and including the Wilayah Persekutuan, do not have any local authority. I believe it is only in Penang that you have a District Council and in Malacca also. The rest of Semenanjung Malaysia at least has scattered Local Councils and you have lots of empty spaces which one can say is no man's land. Take the Wilayah Persekutuan, Mr Speaker, Sir. We have housing schemes sprouting all over the Wilayah Persekutuan and this by itself is an evidence of progress, but the developers do not provide services. They provide services of a sort, some of them collect \$8 per month, some collect \$5, some collect \$6, but they do not have the effect of law. Take my constituency, Mr Speaker, Sir, Kepong Bahru is a good example, it is a housing estate; some of the residents knowing that the developer cannot enforce the rates that are being collected by the developer, do not pay. I have time and again stated that what the Government should do is to collect all these neighbouring housing estates and form them into a local authority. If you form them into a local authority, then,

- (1) you provide jobs and I believe that the Central Government is as interested as any other government anywhere in the world in providing jobs for the unemployed in this country; and
- (2) you can provide a much better deal than the private developers are providing at the moment.

Sir, as such, I would make a plea with the Minister, since he is also directly in-charge of the Wilayah Persekutuan, to look into my own backyard of Kepong, because Jinjang is the largest new village in Semenanjung Malaysia, and around Jinjang, you have Nanyang Estate, you have Kok Doh Estate, next door to Jinjang South—Nanyang

Estate is next door to Jinjang North—you have got Jinjang Selatan Tambahan, Jinjang Utara Tambahan, which although next door to Jinjang are outside of the Local Council. Then you have Kepong Bahru, Taman Kepong, Kepong itself and the like. What the Dewan Bandaraya should do is to collect all these and put them under a local authority. Impose rates by all means but when you impose rates, then you must provide the services that go with the imposition of rates. Mr Speaker, Sir, the other thing that I wish to bring to the attention of the Minister is that of the low rate of pay, I would venture to say, of practically all the daily rated employees of our local authorities, particularly in the new villages. There are in my own backyard of Kepong, the daily rate of workers of Jinjang New Village, for example. Some of them have worked almost 30 years and they get a salary. Mr Speaker, Sir, of about \$3.30 and they have not only children but grandchildren.

Tuan Yang di-Pertua: \$3.30 a day or an hour?

Dr Tan Chee Khoon: A day. If they work, they get paid. If they don't work, they don't get paid. They probably get in the region, with overtime, of \$120 or so a month. I want to ask the Honourable Minister how on earth is a man who has spent 30 years in the service of the local authority, with no provision for medical facilities or E.P.F. going to keep his body and soul together and this is despite the Harun Commission and the like? He must really see that there is an improvement in the salaries of the daily rated workers of the hundreds of new villages up and down the country.

Finally, Mr Speaker, Sir, I want to bring to the attention of the Minister the appointment of people to the Local Councils, the Municipalities and the like. In this Bill, it spells out that the appointees should normally be resident in the area to which they are appointed, but there is a saving clause which says that they can be living outside. I hope, Mr Speaker, Sir, the Minister or the various State Governments when they appoint people to sit on the various Local Councils would see to it not from the party point of view, but from the point of view of whether these people whom

they seek to appoint have done any public service or are capable of contributing anything to the society in which they are living.

6.48 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini dan pada mulanya saya menyokong apa yang telah dikatakan oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi bahawa dari segi Parti Pembangkang kami berasa kesal bahawa Kerajaan mendapati perlu mengemukakan Rang Undang-undang ini yang mencerminkan peringkat akhir dalam kemajuan Kerajaan Tempatan dalam Malaysia Barat selepas diadakan dan dilaksanakan Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara), 1973.

Tuan Yang di-Pertua, Pembentangan Rang Undang-undang ini akan dengan tepatnya dan sesungguhnya mengakhiri sistem Kerajaan Tempatan yang dipilih di negara Malaysia adalah dirasakan sedih bahawa recommendation yang terkandung di dalam Lapuran Athi Nahappan yang mencadangkan supaya sistem Kerajaan Tempatan yang dipilih telah tidak dipedulikan oleh Kerajaan. Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan menerangkan kepada Dewan ini mengapa Lapuran Athi Nahappan tidak diterima oleh Kerajaan dan mengapa Kerajaan tidak menghapuskan Majlis Tempatan dan Bandaran yang dipilih.

Tuan Yang di-Pertua, penghapusan Kerajaan Tempatan yang dipilih melibatkan satu issue yang fundamental mengenai sistem demokrasi berparlimen. Sekiranya Majlis Tempatan dan Bandaran yang dipilih dihapuskan maka ini akan merupakan satu pukulan yang hebat kepada sistem demokrasi berparlimen. Oleh yang demikian, kita mengesa Kerajaan untuk menimbang semula keinginannya untuk menghapuskan Kerajaan Tempatan yang dipilih memandangkan Lapuran Athi Nahappan yang ada mencadangkan supaya sistem Kerajaan Tempatan yang dipilih hendaklah diteruskan. Kami berharap bahawa Kerajaan akan mengamalkan recommendation yang terkandung di dalam Lapuran Athi Nahappan itu.

Sekarang saya ingin hendak berucap sedikit mengenai Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk melaksanakan Rang Undang-undang yang begitu comprehensive adalah perlu bahawa pihak berkuasa tempatan mempunyai personnel yang cukup dan berkebolehan untuk menjalankan tugas-tugas mereka dengan cara yang adil. Saya juga mendapati perlu bahawa sebelum Kerajaan membentangkan sebarang undang-undang dan mengharapkan orang ramai mengikut undang-undang tersebut, Pihak Berkuasa Tempatan pun mempunyai tanggungjawab untuk menentukan bahawa tugas-tugas mereka dapat dijalankan dengan sempurna dan memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu contoh bila saya lihat dalam Bahagian VIII Rang Undang-undang ini ada berkaitan dengan pencemaran anak sungai dan penalty apabila melakukan kesalahan tersebut. Saya rasa denda (penalty) yang dikenakan itu amat berat dan patut dikurangkan. Sungguhpun orang ramai dikehendakki untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dalam melaksanakan Rang Undang-undang ini, akan tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan apa yang akan dibuat apabila Pihak Berkuasa Tempatan sendiri tidak ada menjalankan tugasnya dengan memuaskan dan sebagai satu misalan yang boleh saya sebut ialah berkenaan dengan apa yang dibuat di dalam bandar Kuala Lumpur. Oleh sebab saya selalu menerima banyak aduan-aduan daripada orang ramai bahawa longkang-longkang umum tidak dibersihkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan dan jikalau pihak Dewan Bandaraya tidak boleh membuat satu contoh, saya fikir sangat susah jikalau Kerajaan berkehendakan orang ramai menjalankan atau mengikut undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menyatakan di sini bahawa sehingga hari ini Jabatan Perkhidmatan Bandar dalam Dewan Bandaraya tidak ada menjalankan tugasnya dengan memuaskan apabila mereka membersihkan longkang-longkang umum di bandar Kuala Lumpur. Oleh yang demikian, saya ingin mengesa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk menentukan bahawa sebelum sebarang undang-undang dikuatkuasakan kepada orang ramai, Pihak Berkuasa Tempatan sendiri patut menjadi satu contoh di dalam menjalankan tugas-tugasnya dengan memuaskan.

Di dalam undang-undang inipun ada satu proviso yang memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk membuat, meminda atau membatalkan undang-undang kecil, mengendali urusan-urusan mengenai makanan, pasar dan kebersihan. Tugas-tugas ini amat berat, comprehensive dan saya harap Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai kakitangan yang cukup untuk menjalankan tugas-tugas yang tersebut.

Mengenai pasar-pasar, saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada pasar-pasar di dalam bandar Kuala Lumpur, yang mana keadaannya sangat buruk dan tidak mempunyai kemudahan-kemudahan seperti tandas yang baik, paip air dan juga gerai-gerai yang baik. Sungguhpun semuanya itu telah diminta tetapi Dewan Bandaraya tidak membekalkan kemudahan-kemudahan tersebut. Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan menyiasat perkara ini dan dapat mengambil tindakan untuk membetulkannya.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Seksyen 78 mengenai rumah-rumah yang diduduki dengan sesak (overcrowding of houses). Seksyen ini tidak logik dan adil. Tidak ada seseorang yang suka tinggal di dalam rumah-rumah yang sesak. Tetapi oleh sebab Dewan Bandaraya tidak dapat melaksanakan projek-projek perumahan yang cukup, ramai orang terpaksa tinggal di tempat yang mundur. (They are compelled to stay in slump areas because they cannot apply for low-cost flats built by Dewan Bandaraya). Saya mencadangkan supaya Dewan Bandaraya membina rumah-rumah pangsa yang cukup untuk memenuhi keperluan rakyat sebelum menguatkuasakan Rang Undang-undang ini.

6.55 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Kementerian berkenaan di atas daya usaha mereka menyusun semula atau mengadakan satu Rang Undang-undang bagi semua kawasan-kawasan tempatan di tanahair kita. Usaha mengadakan satu undang-undang yang uniform bagi semua kawasan tempatan memanglah sudah kena pada masanya, kerana kalau kita lihat undang-undang yang

ada sekarang ini berbagai-bagai Kuasa Tempatan dan boleh dikatakan telah melampaui zaman kerana undang-undang yang dipakai sekarang ini telah wujud di zaman penjajah dan tentu sekali tidak lagi sesuai untuk dipakai di zaman ini.

Sebagaimana yang kita maklum undang-undang ini hendaklah sesuai, dapat memenuhi dan dapat menjamin kehendak-kehendak masyarakat yang kian bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan wujudnya dan terpakainya Undang-undang Kerajaan Tempatan dan diterima pula oleh pihak berkuasa negeri masing-masing nanti membayangkan perkembangan dan kemajuan di dalam segala perjalanan dengan keadaan Kerajaan Tempatan seluruh negara. Di dalam memberi sokongan di atas cadangan Undang-undang ini perlulah ditarik perhatian Dewan ini di atas perkara-perkara berikut:

- (1) Sebagaimana difahamkan bahawa dengan terpakainya Akta ini akan wujud dua jenis Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis-majlis Bandaran dan Majlis-majlis Daerah mengikut keadaan satu-satu pihak berkuasa tempatan dengan tujuan untuk meliputi setiap inci negeri ini dengan Kerajaan Tempatan dan memberi kuasa yang lebih luas kepada Pihak Berkuasa Tempatan.
- (2) Dengan prekemantasi atau diletakkan setiap inci negeri ini dengan Kerajaan Tempatan tegasnya di bawah Majlis Bandaran atau Majlis Daerah nanti, maka akan timbul beberapa persoalan khasnya persoalan kewangan, kakitangan-kakitangan, tenaga-tenaga pekerja dan lain-lain kelengkapan pokok bagi mewujudkan pentadbiran mengikut peruntukan undang-undang baru ini.

Sebagaimana kita semua tahu kebanyakan Majlis-majlis Bandaran khasnya Majlis-majlis Bandaran di negeri-negeri Pantai Timur seperti di Kelantan, dan Trengganu yang sungguhpun berkewangan sendiri, namun keadaan kewangannya amat meruncingkan sekali dan kerap kali terpaksa meminta peruntukan khas daripada Kerajaan Negeri masing-masing bagi mengatasi kesulitan kewangan kerana hasil-hasil perbandaran masing-masing masih tidak stabil dan tidak mencukupi bagi memenuhi peruntukan perbelanjaan-perbelanjaan, lebih-lebih lagi bagi Majlis-majlis Tempatan yang

mana hasil tahunannya tidak mencukupi untuk perbelanjaannya. Majlis-majlis Tempatan yang lebih dari tiga atau empat bulan terpaksa meminta subsidi atau pertolongan peruntukan khas daripada Kerajaan. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada ertinya diwujudkan undang-undang ini kiranya Majlis Bandaran dan Majlis-majlis Daerah tidak dapat melaksanakan pentadbiran dengan lebih teratur dan cekap. Kenikmatan, kemakmuran dan kebaikan-kebaikan kepada rakyat, khasnya penduduk-penduduk di dalam lengkungan Majlis Bandaran atau Majlis-majlis Daerah terpaksa terikat dengan undang-undang ini. Saya percaya dan yakin keadaan ini akan berlaku kiranya sesuatu tindakan awal tidak diambil oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hubungan ini saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan Pusat memberikan satu peruntukan pelancaran secara terus kepada Majlis-majlis Bandaran dan Majlis-majlis Tempatan melalui Kerajaan Negeri di atas kadar mengikut keadaan-keadaan sebagai memberi pertolongan di dalam permulaan pelaksanaan pentadbiran majlis-majlis berkenaan mengikut undang-undang baru.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu suka-lah saya menyentuh tentang soal Perkhidmatan Bomba yang mana nampaknya ada di dalam Rang Undang-undang ini. Di antara lain-lain memberi kuasa kepada pihak berkuasa negeri atau meminta pihak berkuasa tempatan menubuhkan dan menyelenggarakan satu Pasukan Bomba di dalam kawasan tempatan bagi mencegah kebakaran dan lain-lain yang berkaitan dengannya. Ini adalah satu-satunya langkah yang baik dan patut diberi sokongan. Di dalam pada itu, saya kira pihak Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa negeri tidak akan menanggungkan peruntukan kuasa dalam undang-undang ini dengan sewenang-wenangnya melainkan kepada Majlis-majlis Bandaran yang benar-benar makmur dan teguh kedudukannya sebagaimana yang kita sedia maklum soal Perkhidmatan Bomba di seluruh negara pada masa ini masih lagi terletak di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di Pertua, di masa ini difahamkan tenaga pekerja dan lain-lain kelengkapan bagi Perkhidmatan Bomba di seluruh negara amatlah jauh sekali dari memuaskan bagi mengatasi atau mencegah kebakaran dan lain-lain yang berkaitan akibat daripada

sesuatu kebakaran. Lebih-lebih lagi di saat-saat kebelakangan ini yang mana kebakaran besar berlaku dari semasa ke semasa, bukan sahaja memberi kerugian besar kepada tuan-tuan punya bangunan dan harta benda, malahan kepada negara sendiri. Kelemahan-kelemahan yang dialami oleh Perkhidmatan Bomba ini amatlah mengancamkan negara, lebih-lebih lagi di masa yang genting ini.

Menginsafi hakikat ini difahamkan bahawa pihak Kerajaan Pusat telahpun mengambil langkah tegas untuk mengambil-alih pentadbiran Perkhidmatan Bomba di seluruh negara untuk diletakkan di bawah pentadbiran Kerajaan Pusat. Saya percaya semua Kerajaan-kerajaan Negeri tidak akan ragu-ragu memberikan persetujuan mereka masing-masing di dalam soal ini demi untuk kepentingan bersama rakyat dan negara.

Di dalam masaalah ini sungguh-sungguhlah diharapkan semoga Kerajaan Pusat mengambil-alih pentadbiran Perkhidmatan Bomba di semua negeri oleh Kerajaan Pusat di dalam semua peringkat sehingga kepada peringkat pelaksanaan pindaan undang-undang yang berkenaan dibereskan secepat mungkin dan kalau boleh untuk pelaksanaannya bagi awal tahun 1976 kelak.

7.03 mlm.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang (Kuala Krai): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian sedikit kepada apa yang dibangkitkan oleh kedua Ahli Pembangkang dari Kepong dan Kuala Lumpur Bandar yang menyebut supaya Kerajaan mengadakan pilihanraya di peringkat Penguasa Tempatan.

Saya berasa amat sedih dengan kenyataan demikian oleh kerana bagi kita di Malaysia sekarang ini kita telahpun menghadapi berbagai masaalah terutamanya kejadian 13 Mei telah menunjukkan kepada kita bahawa ada beberapa perkara yang tidak seimbang berlaku di pihak penduduk perbandaran. Oleh sebab itu, saya rasa tidaklah boleh kita hendak mengadakan kembali pilihanraya di peringkat Penguasa Tempatan kerana pertama-tamanya saya rasa demokrasi tidak akan hancur di Malaysia ini kerana kita ada dua tempat untuk memilih wakil-wakil rakyat kita, pertamanya untuk kawasan Parlimen, dan kedua untuk kawasan Negeri. Jadi saya rasa "too much politicking," terlampau banyak sangat politik di pihak

penguasa tempatan akan menjadikan kelamkabut di dalam Malaysia ini dan oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar umpamanya telah membangkitkan soal Lapuran Athi Nahappan, saya rasa saya suka menarik perhatian Dewan ini kepada Lapuran Athi Nahappan itu juga yang menyatakan bahawa antara lain objektif-objektif Kerajaan Tempatan ialah:

- (i) Perpaduan negara;
- (ii) Pembangunan sosial dan ekonomi;
- (iii) Pentadbiran yang cekap;
- (iv) Demokrasi;
- (v) Kebebasan.

Saya rasa untuk mencapai perpaduan negara, objektif pertama pun saya rasa makin susah di Malaysia ini, kerana cuba kita mengkaji taburan penduduk di Malaysia ini. Sebenarnya tidak sama antara yang berada di luar bandar dan yang di dalam bandar. Sukacita saya menyentuh sedikit di sini tentang banci penduduk dan perumahan tahun 1970 dan kita dapati bahawa sejumlah 699,372 orang Melayu atau kira-kira 14.9% sahaja tinggal di kawasan bandar di seluruh Malaysia Barat.

Jumlah orang-orang Tionghua pula yang berada dalam bandar adalah sejumlah 1,471,225 atau kira-kira 47% dan orang-orang India pula ialah seramai 323,435 atau 34% daripada seluruh penduduk di bandar. Dengan demikian, saya rasa peratus urbanisasi bagi penduduk bumiputra ialah amat kecil kalau hendak dibandingkan dengan penduduk bukan bumiputra dan oleh kerana kita tahu bahawa di dalam bandar oleh kerana gerakan urbanisasi, progress yang begitu banyak, maka kemudahan-kemudahan kita dapati dan kejayaan-kejayaan manusia yang berada dalam bandar-bandar adalah lebih hebat kalau hendak dibandingkan dengan luar bandar. Sebab itulah kita lihat pada kesimpulan darjah urbanisasi yang terdapat untuk bumiputra ialah hanya sebanyak 27.6% kalau hendak dibandingkan dengan darjah urbanisasi bagi yang bukan bumiputra sebanyak 72.4%. Jadi kalau kedudukan tidak seimbang ini berlaku dalam negara ini, saya rasa apa yang disuarakan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang itu hanya semata-mata untuk kempen memancing undi sahaja kerana di dapati di masa-masa yang lepas barangkali pihak Parti-parti Pembangkang telah dapat

menguasai kebanyakan daripada Majlis Bandaran. Issue ini akan dibangkitkan lagi, mungkin untuk memancing undi yang lebih banyak di tahun-tahun yang akan datang.

Angka-angka itu sebenarnya, apa yang saya sebutkan tadi ialah merupakan satu gambaran mengenai ketidak seimbangan berlaku di dalam pentadbiran kita sendiri. Hal ini, saya rasa adalah merupakan suatu perkara yang "serious". Jadi kalau kita pihak Kerajaan mahu lagi tunduk kepada cadangan demikian akan melibatkan kita kepada persoalan-persoalan yang lebih hebat lagi seperti masalah-masalah "rural urban, dichotomy" dan sebagainya yang akan membangkitkan perasaan yang tidak dapat mewujudkan perpaduan kaum antara kita semua. Dan ini pun kalau kita kembali kepada dasar Lapuran Athi Nahappan yang membuatkan objektif Kerajaan Tempatan, dengan konsep yang demikian, saya rasa dapatlah kita mengadakan suatu pentadbiran yang betul-betul cekap kerana dapat, setelah Akta ini dilaksanakan dapat pihak kita menggabungkan beberapa Majlis Tempatan atau Majlis Bandaran yang pada pendapat saya dan pada penyelidikan saya sebanyak kira-kira 373 buah semua sekali penguasa tempatan di seluruh Malaysia yang sebenarnya kalau mengikut Lapuran itu tidak dapat bergerak dengan baik.

Dan selain daripada itu pula, saya suka memberitahu Dewan ini mengikut kajian yang dibuat oleh seorang penulis kertas kerja di dalam seminar kebangsaan tentang Kerajaan Tempatan yang berlaku pada 30/6/75 hingga 7/7/75 baru-baru ini telah menyatakan antara lain begini:

"Kita dapati bahawa di dalam bandar-bandar yang kebanyakannya penduduk Melayu seperti di Machang, Kemaman, Besut dan Kuala Trengganu harta yang dimajukan dan dipunyai oleh orang Melayu ialah atas kadar 75% dan harta yang tidak dimajukan adalah atas kadar 85%."

Saya rasa kalau sekiranya pihak penguasa tempatan dengan peruntukan-peruntukan yang diberikan oleh Akta ini telah dapat mewujudkan satu pertubuhan perbadanan dalam mana dapat pihak Kerajaan, pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa negeri memajukan tanah-tanah bumiputra yang begini maka hal itu sungguh baik. Dibalikannya pula, kalau kita bandingkan tentang

pemajuan harta ataupun ketidak pemajuan harta di dalam bandar-bandar di mana penduduk Melayu kurang daripada 50% kita dapati demikian:

	Harta Melayu dimajukan	Harta Melayu tidak dimajukan
Kuala Lumpur ...	16.85%	7.2 %
Melaka ...	13.97%	6.20%
Kelang ...	di mana penduduk Melayunya kurang	

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, yang dibangkitkan itu adalah perkara detail administration sahaja, peratus-peratus dan sebagainya. Kenalah tujuan kepada prinsip Rang Undang-undang ini sahaja. Ahli Yang Berhormat telah membawakan perkara yang luar daripada Rang Undang-undang ini.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Kerana saya hendak membahaskan apa yang dibangkitkan oleh kedua orang Pembangkang tadi, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak diberi penjelasan begini, saya rasa susah pihak Pembangkang itu hendak mengerti.

Tuan Yang di-Pertua: Tepatkan teguran kepada Rang Undang-undang ini sahaja.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang: Walau macam manapun, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana berbangkit persoalan taburan penduduk yang tidak begitu stabil, yang tidak seimbang saya suka mencadangkan di sini pertamanya supaya pihak Penguasa Tempatan mestilah benar-benar menjadi badan perancang perumahan supaya ianya dapat menentukan atau meluluskan sekurang-kurangnya 30 daripada rumah-rumah yang hendak didirikan olehnya atau oleh badan-badan usahasama atau swasta yang lain kepada pihak bumiputra. Ini dapat menjamin taburan penduduk sebagaimana yang saya sebutkan tadi supaya seimbang antara mereka di dalam bandar.

Kedua, saya suka mencadangkan juga bahawa setiap Penguasa Tempatan mestilah mengadakan satu pelan induk pembangunan bandar. Ini adalah satu perkara yang mustahak kerana kita dapati bahawa di masa-masa lepas kalau tidak ada pelan induk ada berlaku kelewatan untuk membina bangunan-bangunan umpamanya dan proses pergi kepada perancang bandar, pergi

kepada Exco dan sebagainya itu akan berlaku. Saya rasa pihak Penguasa Tempatan haruslah membuat pelan induk terlebih dahulu untuk pembangunan bandar.

Ketiga, sebagai pengeluar lesen-lesen di bawah Fasal 107, pihak Penguasa Tempatan hendaklah melonggarkan syarat-syarat atau mengenakan bayaran-bayaran rendah tentang sewa cukai dan sebagainya bagi mereka yang ingin berniaga atau ingin menyewa bangunan-bangunan yang dibuatkan oleh Penguasa-penguasa Tempatan, khususnya orang-orang yang miskin dari golongan kaum bumiputra ataupun dari golongan orang-orang yang memasuki Persatuan Penjaja-penjaja ataupun Peniaga-peniaga Melayu Semenanjung.

Keempat, pihak Penguasa Tempatan mestilah menyediakan berbagai kemudahan asas untuk mendapatkan tempat-tempat berniaga kepada semua kaum khususnya kepada persatuan, kepada orang-orang yang suka berniaga tetapi tidak mempunyai kesempatan kewangan untuk memajukan perniagaan mereka dan kemudahan-kemudahan perkhidmatan pengangkutan supaya dapatlah mereka ini berulang-alik daripada satu tempat ke satu tempat bagi menjalankan perniagaan dan begitu jugalah untuk orang ramai.

Kelima, sebagai sebuah pertubuhan perbadanan, Penguasa Tempatan mestilah betul-betul memilih ahli-ahlinya yang terdiri daripada orang-orang yang betul-betul mempunyai kecekapan, mempunyai minat dan mempunyai kemampuan untuk menjadi perancang-perancang. Selain daripada itu haruslah pihak perancang bandar sendiri di bawah Kementerian ini menghantarkan pegawai-pegawainya supaya berada sekurang-kurangnya satu orang di dalam tiap-tiap daerah kerana dengan ini dapatlah pihak perancang itu sendiri mendetailkan sesuatu rancangan itu supaya tidak tergendala rancangan-rancangan atau projek-projek yang hendak dilaksanakan.

Akhir sekali, Kerajaan Pusat dan Negeri mestilah pula memperuntukan atau memperbahagikan banyak hasil-hasil yang didapati daripada pihak Penguasa Tempatan itu supaya dengan ini dapatlah pihak Penguasa Tempatan mewujudkan "launching grants" umpamanya dan begitu juga supaya "capitation grants" atau "road grants" yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Malaysia supaya pihak Kerajaan Pusat dan

Negeri itu membahagikan peruntukan "capitation grants" and "road grants" ini supaya sama kepada semua Penguasa Tempatan. Dengan ini dapatlah pihak Penguasa Tempatan itu menubuhkan suatu "revolving fund." Saya rasa pihak Kementerian dapat memperbanyakkan pemikiran tentang hal ini.

Selain daripada itu saya suka menyeru pihak Kementerian ini supaya mengkaji semula rumusan-rumusan yang telah dibuat oleh suatu seminar kebangsaan baru-baru ini tentang Local Government supaya menepati apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak sebagai satu masalaah "rural dichotomy" sewaktu beliau membuka seminar tersebut. Beliau berkata demikian dan saya petik:

"Local Government must not only act as a catalyst for development in line with national policies but also be sensitive to the local public needs of the urban population. It seems to me and I have often advocated this, that the solution to the rural, urban dichotomy is to urbanise the rural areas or to put it in another way, to bring benefits of urban living to the rural areas."

Selepas daripada itu beliau selanjutnya berkata dan saya petik:

"Priority should always be given to the implementation of the New Economic Policy particularly at the lower level of the society where the need is most felt."

Saya rasa inilah perkara-perkara yang harus disegerakan kerana kalaulah pihak Pembangkang yang dua orang itu membangkitkan untuk mengadakan pilihanraya, saya rasa perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri tidak dapat dijalankan. Too much politicking will spoil everything.

7.14 mlm.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): (Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta ini to revise and consolidate the laws relating to Local Government.

Tuan Yang di-Pertua, Local Government is often regarded, as in many countries, as the basis of national self-government. It is a practical system of administration which provides a variety of important services for

the benefit of a community. It is a form of grass-root government which comes in direct contact with the grass-root population. A local authority, therefore, is a good and sometimes very accurate thermometer to gauge the mode, the feeling and the thinking of our people towards either the local authority itself or to the State or Federal Government. So sensitive and alive to the needs and aspirations of our people, yet many local authorities cannot function properly or meaningfully. They just exist but they do not function. This is due to one major factor and that is the general lack of interest shown by the Federal Government towards our local authorities. To a large extent, they are left to look after their own fate. It follows, therefore, that with the exception of a few big towns such as Bandaraya Kuala Lumpur or Ipoh, the Federal Government seldom gives any grant to the local authorities. Although a sum of \$4 million in 1975 and a sum of \$4.1 million in 1976 for road grants to Municipalities and Town Councils were provided by the Ministry of Finance, such money never reach the local authorities that I know of, i.e. Telok Anson and Taiping. As a result, many local authorities cannot repair their drains, cannot replace their 30-year old vehicles, cannot maintain their bridges and so forth. In Telok Anson, we have the additional problem of tidal floods and the Kerajaan Tempatan Telok Anson cannot upkeep the 10 miles of bunds. The problems of Local Government may be petty but limitless and endless.

With their own limited financial resources and without any assistance, they can hardly do any job properly and efficiently. As a result, those local authorities have often become the target of abuse and attack. I would, therefore, appeal to the Federal Government not to end its relationship with the local authorities in making laws for them only but to come to their aid, financially, in a big way. If financial assistance has been given in the past, it should now be increased substantially. Apart from the grants to roads and aid-in-rates, there should be grants for general administration, so that they can perform their duties or services expected of them.

Before I sit down, Tuan Yang di-Pertua, I would like to seek a clarification from the Minister whether the power to compound minor offences has been taken away from the

Local Government. I stand corrected on this because when I looked through the Bill, I could not see any provision on the power to compound minor offences. If that be the case, even minor offences will have to go to the court of law and it would thus increase the workload of our courts of law.

Finally, I have also discussed the definition of "road" with the Honourable Minister and I hope that he could also clarify as to whether the term "road" also include "drain", because definitely "road" includes the said cable of a road and, in my opinion, it should also include drains so that the grants for the maintenance of roads can be extended to include drains as well.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ledang yang akhir dan selepas itu Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

7.16 mlm.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan, 1975 ini dan suka hendak memberi satu dua pandangan.

Yang pertama sekali berkenaan dengan tujuan Kerajaan mengadakan Undang-undang ini ialah hendak memberi satu perkhidmatan yang lebih baik kepada penduduk-penduduk tempatan. Sebagaimana yang kita tahu selama ini Majlis Tempatan ini kebanyakannya tidak memberi perkhidmatan yang baik, tidak mampu hendak berkhidmat di tempat itu atau di kawasan mereka, selain daripada kekurangan wang ialah kekurangan pengalaman sendiri sebab kadang-kadang pekan-pekan yang kecil di mana diadakan Majlis Tempatan padahal penduduk-penduduk di situ tidak mampu hendak mentadbirkan kawasan itu sebagai sebuah Majlis Tempatan. Jadi dalam hal ini saya suka memberi pandangan supaya pada masa akan datang sekiranya Kerajaan hendak meletakkan sesuatu tempat yang dikatakan Majlis Tempatan itu hendaklah difikir semula, kalau sekiranya di bandar yang besar barangkali bolehlah diadakan Majlis Bandaran itu kerana di tempat itu ramai terdiri daripada bijak pandai yang boleh mentadbir kawasan itu sebagai sebuah Kerajaan kecil dan ahli-ahli Majlis itu pun boleh dilantik daripada orang-orang yang pandai, tetapi apabila terkena kepada tempat-tempat yang kecil

seperti ada di antara Majlis Tempatan sekarang sangat menyedihkan kita kerana penduduk di situ sendiri tidak dapat hendak mengelolakan pekan yang dikatakan Majlis Tempatan itu kerana kadang-kadang Pengerusi Majlis Tempatan itu terdiri daripada orang tua, orang yang disegani sahaja walaupun mereka itu tidak pandai dan mereka ini sukar sekali hendak mengelolakan sesuatu Majlis Tempatan, hendak mengelolakan mesyuarat, mentadbir, apa lagi hal cukai dan hendak memajukan tempat itu. Sehingga hari ini kita dapati kebanyakan Majlis Tempatan tidak teratur keadaannya, menyedihkan, kotor, seolah-olah tidak terkawal langsung, macam di situ tidak ada satu badan pentadbir pun. Jadi tempat-tempat atau pekan-pekan kecil yang seumpama ini saya rasa tidak usah langsung dibuatkan Majlis Tempatan di situ. Lebih baik kampung atau pekan yang seumpama ini diletakkan di bawah tadbir Pegawai Daerah, ataupun kalau dekat dengan bandar masukkan mereka kepada Majlis Bandaran terus, tidak usah tempat yang kecil macam itu diberi taraf Majlis Tempatan, kerana mereka sendiri tidak dapat hendak mengelolakan tempat itu. Jadi keadaan inilah yang selalu didapati sungutan Majlis Tempatan tidak teratur dan layanan kepada staff, kakitangannya tidak betul, dengan bayaran yang paling rendah dan tidak memberi layanan yang baik kerana mereka tidak mampu hendak mentadbirkannya.

Saya hendak menyentuh bahagian 2 Fasal 10 berkenaan ahli Majlis, saya menyokong Rang Undang-undang ini yang mengadakan ahli Majlis yang dilantik, tidak lagi dipilih dalam pilihanraya, walaupun pembangkang tadi berkehendakkan dipilih dalam pilihanraya, saya rasa tidak perlu lagi sebab kita sudah mengalami Majlis Tempatan yang dipilih dalam pilihanraya, bukan tidak pernah diadakan, kita sudah adakan pilihanraya. Tetapi apa nasib Majlis Tempatan dalam pilihanraya? Oleh sebab sentimen politik perjalanan Majlis itu tidak teratur sama sekali. Ada yang kadang-kadang kita pernah mendengar menggunakan wang pun tidak betul sampai terpaksa diambil-alih oleh Kerajaan Negeri. Kadang-kadang tanggungjawab tidak dijalankan dengan baik sebab dia memikirkan dia tidak boleh dibuang dalam masa sekian-sekian tahun. Tetapi kalau dilantik macam ini Menteri Besar boleh melantik mereka dan boleh dipecat sekiranya

mereka didapati tidak menjalankan tanggungjawab yang baik. Jadi dapat dikawal, lagi pun dalam tempatan yang kita tahu terdiri daripada satu kaum yang terbesar, jadi kalau kita adakan pilihanraya pun terpaksa perkara perkauman dibangkitkan lebih hebat lagi dan kadang-kadang tidak boleh menguntungkan kita.

Jadi kembali kepada ahli Majlis dilantik saya rasa ada lebih baik dan kita cuba cari pengalaman daripada apa yang kita akan buat ini.

Menyentuh Fasal 18, saya mengalu-alukan iaitu dalam Akta ini mengadakan kumpulan bayaran kepada pekerja-pekerjanya untuk masa hadapan, masa tua atau masa bersara atau memberi bayaran-bayaran sakit, mati dan sebagainya, ini satu perkara yang baik dan lebih daripada itu kalau boleh diberi layanan yang lebih baik iaitu mengadakan jawatan tetap dalam perkhidmatan perbandaran, tidaklah pegawai itu dibiarkan dia menjadi pegawai sementara selamalamanya dengan gaji yang rendah dan kadang-kadang tidak ada jaminan di masa tua dan begitu juga ketika kematian.

Menyentuh Fasal 69, 70 dan 71 kuasa yang diberi untuk mendenda waktu mengotori anak sungai, parit-parit dan sebagainya dan boleh menuntut belanja kepada orang yang membuat kotor itu, ini pun baik juga tetapi hendaknya janganlah peraturan ini diletakkan dalam Rang Undang-undang ini sahaja. Sampai pada masa hendak praktik tidak dijalankan. Seperti yang kita dapati sekarang berapa banyak parit Majlis Tempatan kotor, anak sungai yang tersekat, sehinggakan satu kampung berbau, satu Majlis Tempatan berbau tetapi tidak ada satu pun yang ambil hirau. Apabila kita tanya kenapa tidak jalankan, adakah Undang-undang atau tidak, Menteri akan menjawab ada Akta nombor sekian-sekian, boleh mendenda orang itu, tetapi tidak ada dijalankan. Jadi saya minta kalau boleh apa yang diletakkan di dalam Akta ini akan datang cubalah dijalankan seberapa daya yang boleh, supaya tidaklah orang kampung yang terlibat dalam Majlis Tempatan itu bersungut, dia tidak bersungut kepada Majlis Tempatan, tetapi dia bersungut kepada Kerajaan yang memerintah dia kata Kerajaan membiarkan nasib dia jadi begini padahal bayar cukai air, api, rumah, tetapi dibiarkan kita begini. Jadi bukan Majlis Tempatan yang terlibat tetapi Kerajaan

Negeri seluruhnya terlibat, Wakil-wakil Rakyat sendiri pun dilibatkan tidak ambil tahu, padahal apabila kita hendak sentuh perkara itu, perkara Majlis Tempatan. Jadi kalau boleh Undang-undang yang ada ini dipraktikkan betul-betul, diambil perhatian dan saya minta Kementerian sendiri patut memberi perhatian kepada tiap-tiap Local Council, Majlis Tempatan yang berjalan dalam Malaysia, bukan dengan membiarkan mereka berjalan sendiri, kalau boleh sebulan sekali pegawai Kementerian pergi melawat tiap-tiap satu Majlis Tempatan, memerhati adakah berjalan dengan baik atau tidak, adakah mereka menjalankan Undang-undang atau tidak, adakah Majlis Tempatan itu kotor dengan sampah-sarap sampai melibatkan lalat, bau busuk, nyamuk, kadang-kadang melibatkan hospital yang dekat di situ pun berbau. Cuba pergi tengok adakah mereka menjalankan kewajipan atau tidak. Bukan setakat kita duduk di Kuala Lumpur dan kita akan membebankan kepada Kerajaan Negeri semata-mata dengan tidak memberi pengawasan yang baik. Jadi saya rasa kalau sekiranya pihak Kementerian atau pihak Kerajaan Negeri dan Pusat di Kuala Lumpur dapat mengadakan sesuatu perbincangan dari semasa ke semasa, mesyuarat dan pergi melihat Local Council di situ, memberi nasihat kepada pentadbirannya, memberi bantuan dan sebagainya, cara mentadbirkan Majlis Tempatan itu, saya rasa Majlis Tempatan itu akan berjalan dengan teratur, tetapi oleh sebab kita tidak ambil tahu langsung maka mereka tidak ambil tahu juga dan mereka kata tidak ada kuasa, tidak ada duit, tidak boleh buat ini, tidak boleh buat itu tetapi apa guna mereka ada kuasa, kalau tidak ada kuasa lebih baik tempat itu tidak usah diadakan Majlis Tempatan, bubar terus letak di bawah Pegawai Daerah. Pegawai Daerah boleh menjalankan kuasa.

Saya suka memberi pandangan yang akhir iaitu kalau boleh hendaklah Majlis Tempatan yang akan datang yang sesuai dengan Akta ini dipilih tempat-tempat yang agak besar, pekan-pekan besar sahaja yang diletakkan di bawah tadbiran Majlis Tempatan. Pekan-pekan yang kecil seperti Majlis Tempatan yang kita dengar sekarang lebih baik dibubarkan sahaja, tidak usah diberi taraf Majlis Tempatan, biar D.O. mentadbirkannya, jadi senang. D.O. boleh minta hasil daripada negeri untuk mentadbirkan

tempat itu, boleh memungut hasil dengan secara direct dan boleh mendenda mereka dengan secara direct seperti yang dibuat di tempat-tempat lain. Itulah sedikit pandangan saya mengenai Akta ini dan saya menyokong dengan sepenuhnya.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Tadi sudah diberitahu oleh Tuan Yang di-Pertua bahawasanya itu ucapan yang penghabisan. Sekarang saya jemput Menteri yang berkenaan menjawab.

7.30 mlm.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini dan saya dengan secara ringkas untuk menjimatkan masa menjawab teguran-teguran yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya sukacita Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada hadir di sini supaya dia dapat mendengar penjelasan daripada saya. Kata-nya Rang Undang-undang ini tidak dibuat peruntukan pilihanraya sebagaimana yang telah dijanjikan oleh bekas Perdana Menteri Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman selepas konfrantasi. Saya fikir Ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum ada beberapa sebab kenapa pilihanraya tidak diadakan. Saya ingat salah tadbir dan perbuatan curang seperti yang dibuktikan oleh Suruhanjaya Aziz dan Justice Lee Han Hoe iaitu kalau saya tidak lupa berkenaan dengan pentadbiran Johor Town Council dan Town Council Seremban. Kerajaan Tempatan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan mereka telah berbincang dengan luasnya samada patut atau tidak kita berkehendakkan pilihanraya. Keputusan yang dibuat oleh Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan, ialah pada masa ini tidak payahlah kita adakan pilihanraya kerana pada masa yang telah sudah pentadbiran ahli-ahli yang dipilih oleh rakyat tidak berapa memuaskan. Walaupun demikian, itu bukanlah berarti demokrasi telah mati di peringkat Penguasa Tempatan. Sistem Kerajaan kita selain daripada negara yang lain adalah Federal system, di peringkat pusat dan di peringkat negeri ada pilihanraya dan wakil-wakil di peringkat Penguasa Tempatan, sebenarnya dilantik oleh wakil-wakil yang dipilih oleh

rakyat. Maka oleh kerana itulah kita tidak boleh mengatakan bahawa demokrasi telah luput atau mati dalam negara kita.

Ahli Yang Berhormat itu mencadangkan supaya Penguasa Tempatan tidak meninggi-kan kadar cukai pintu (rate) tanpa memberi perkhidmatan asas. Dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Penguasa Tempatan kadar-kadar dikenakan dengan berpatutan bagi kawasan yang mendapat perkhidmatan asas. Beliau mengatakan juga bahawa kawasan-kawasan yang tidak di bawah mana-mana Penguasa Tempatan seperti Housing Estate hendaklah digabungkan dan dijadikan sebuah Penguasa Tempatan dan diberi perkhidmatan dan dikenakan rate yang berpatutan. Ini memang maksud Rang Undang-undang ini. Jadi tidak payahlah saya jelaskan hal ini kerana rancangan menstructure, menyemak Penguasa-penguasa Tempatan dengan menggabungkan kawasan itu telah dijalankan di dalam beberapa buah negeri. Dan lagi gaji pekerja-pekerja katanya \$3.80 atau \$2.80 sehari iaitu gaji hari dan tidak ada fringe benefit. Beliau mencadangkan Penguasa Tempatan patut memberi layanan yang baharu. Ini sedang dijalankan apabila rancangan menstructure semula Penguasa Tempatan dijalankan dan lagi Suruhanjaya Harun atau Harun Salaries Commission telah menjadikan mereka pekerja tetap dan gajinya mengikut perakuan dalam Lapuran Harun. Saya akan siasat hal ini kalau ada Penguasa-penguasa Tempatan yang tidak mengikut apa yang dikemukakan oleh Justice Harun.

Katanya lagi, lantikan ahli-ahli patut tidak dilantik dari parti tetapi dari mereka yang berkelayakan. Lantikan ahli dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri dan saya percaya mereka akan melantik ahli-ahli yang berkelibar. Jadi, saya ingin menasihatkan Ahli Yang Berhormat itu supaya tidak ragu-ragu tentang perkara ini. Saya fikir Kerajaan Negeri mahupun Penguasa-penguasa Tempatan adalah menjalankan pentadbirannya dengan licin dan lancar.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga ada menyentuh tentang tidak adanya peruntukan untuk pilihanraya sebagaimana yang dijanjikan oleh bekas Perdana Menteri selepas konfrantasi. Saya telah menjawab perkara itu dan tidak payahlah saya mengulangi lagi.

Beliau bertanya mengapa kita tidak pakai Lapuran Athi Nahappan. Sebenarnya langkah-langkah telah diambil oleh Kerajaan pada masa ini, menurut apa yang disyorkan oleh Lapuran Athi Nahappan. Jadi luar daripada apa yang dicadangkan masa pilihanraya, apa yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Di Raja Athi Nahappan telah dijalankan.

Beliau juga mengesyorkan supaya Kerajaan Tempatan hendaklah mempunyai personnel yang cekap, ini memanglah jadi tujuan dan cita-cita Rang Undang-undang ini. Beliau juga menyentuh tentang pencemaran dalam sungai dengan mengatakan penalti yang dibuat dalam Rang Undang-undang ini sangat berat. Kalau penalti ini tidak seimbang dengan kesalahan yang dilakukan maka kita tentu tidak dapat mengawal pencemaran ini yang berpunca daripada rakyat sendiri sebab mereka tidak civic conscious dan sampah-sarap dibuang sebarangan baik di tepi jalan atau dalam sungai. Katanya juga Rang Undang-undang ini merupakan riwayat akhir Kerajaan Tempatan. Ini tidak begitu, sebab pilihanraya hanya digantung sahaja. Boleh jadi pada suatu masa bila Kerajaan Tempatan boleh berjalan dengan kemas, cekap dan licin maka Kerajaan Negeri boleh barangkali mengambil keputusan bagi mengadakan balik pilihanraya itu. Saya tidaklah dapat memastikan dan terpulanglah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing.

Beliau juga menyentuh soal Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak menjalankan tugas seperti mencuci longkang dan lain-lainnya. Perkara ini sudah diambil perhatian. Sebenarnya ini terjadi di kawasan-baru yang mana lori-lori sampah sudahpun dipesan tetapi belum sampai.

Berkenaan dengan undang-undang Bahagian 9 samada boleh dikuatkuasakan atau tidak, untuk menjawabnya saya suka memaklumkan semua peruntukan ada untuk dikuatkuasakan.

Dalam Fasal 78 berhubung dengan rumah penuh sesak dan ketidakadilan bila Dewan Bandaraya mengambil tindakan atas perkara ini. Ini tidak betul. Dewan Bandaraya telah, sednag dan akan menyediakan banyak lagi rumah-rumah bagi orang-orang yang terlibat dalam perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat menyentuh soal kewangan selepas kuatkuasa undang-undang ini terutama di Pantai Timur. Soal pembahagian dan pemberian wang kepada Penguasa-penguasa Tempatan adalah dalam kajian satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh rakan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Sememangnya menjadi dasar Kerajaan untuk memberi bantuan wang kepada Penguasa-penguasa Tempatan supaya mereka itu jadi viable dan boleh memberi perkhidmatan yang memuaskan dan juga melaksanakan pembangunan dalam kawasan masing-masing. Jawatankuasa ini dijangka dapat membuat perakuannya awal tahun hadapan.

Berkenaan dengan Perkhidmatan Bomba pula hanya Penguasa-penguasa Tempatan yang teguh sahaja dibenar menjalankan Perkhidmatan Bomba ini manakala yang lain di bawah Kerajaan Pusat. Ini akan diambil-alih oleh Kerajaan Pusat mulai 1hb Januari, 1976 dan kita harap dapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai, saya ucapkan terima kasih kepada beliau kerana telah menjawab teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan dari Kuala Lumpur Bandar. Pertama beliau menarik perhatian berkenaan Penguasa Tempatan yang telah menjadi pihak berkuasa perumahan dan perancangan. Ini sebenarnya ada peruntukkan di bawah Fasal 101 (gg). Kedua. Penguasa-penguasa Tempatan hendaklah membuat pelan induk.

Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa telah ada satu peruntukkan bahawa satu Rang Undang-undang yang saya akan kemukakan sebentar lagi kepada Dewan ini iaitu Rang Undang-undang Perancang Bandar dan Desa.

Beliau juga telah membangkitkan soal mengenakan bayaran rendah lesen-lesen kepada bumiputra dan juga meminta dilaksanakan rumusan-rumusan seminar Kerajaan Tempatan yang diadakan beberapa bulan dulu terutama sekali dalam Dasar Ekonomi Baru. Sebenarnya, Kerajaan-kerajaan Negeri telah diminta melaksanakan rumusan-rumusan ini dan sekarang sedang dijalankan oleh mereka dan Penguasa-penguasa Tempatan.

Beliau juga menyentuh supaya kita mengadakan Juru Perancang yang cukup bagi tiap-tiap satu daerah. Ini adalah satu perkara yang rumit kerana kekurangan Juru Perancang. Ini adalah disebabkan oleh latihan-latihan. Pada masa ini kita mengharapkan negeri-negeri seperti England dan Australia sahaja tetapi negeri-negeri itu untuk kemudahannya sendiri telah menghadkan tempat belajar di universiti-universiti mereka untuk lebih kurang 5 orang sahaja dari Semenanjung Malaysia dibolehkan untuk dilatih di sana bagi satu-satu tahun. Graduan-graduan ini juga adalah diperlui dan dikehendaki oleh Majlis-majlis Tempatan, Lembaga-lembaga dan sektor-sektor swasta.

Sejak tahun 1973 Universiti Malaya dan Universiti Sains Pulau Pinang sudah mulai melatih Juru Perancang-Juru Perancang kita sendiri dan dijangka mengeluarkan sebanyak 30 orang graduan pada tiap-tiap tahun pada masa akan datang. Apabila kita sudah mempunyai Juru Perancang yang cukup adalah diharap untuk mengadakan seorang Juru Perancang bagi tiap-tiap daerah.

Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson telah menegurkan Kerajaan Tempatan yang katanya dibiarkan sahaja oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan tidak diberi wang dan bantuan pula tidak sampai kepada Penguasa-penguasa Tempatan. Kerajaan sedang mengkaji hal ini. Jawatankuasa Kewangan seperti kata saya tadi di Pengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dijangka membuat perakuan pada awal tahun hadapan.

Berkenaan dengan compound atau hukuman yang dikenakan, peruntukan ini ada terkandung di bawah Seksyen 102 (f). Fasal ini memberi kuasa kepada Penguasa-penguasa Tempatan untuk membuat Undang-undang kecil.

Akhir sekali Ahli Yang Berhormat dari Ledang menyentuh mengenai Ahli-ahli Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan yang tidak berkelayakan dan Penguasa-penguasa Tempatan tidak berjalan dengan betul dan beliau mencadangkan supaya diletakkan di bawah Pegawai Daerah. Ini terpulanglah kepada kebijaksanaan Kerajaan Negeri. Pengerusi-pengerusi Penguasa Tempatan boleh dilantik dari kalangan pegawai-pegawai tinggi atau di bawah Pegawai Daerah.

Pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya akan ambil ingatan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 67—

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan pindaan-pindaan kepada Fasal-fasal seperti mana yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Pindaannya seperti berikut:

- Fasal 2:* Masukkan perkataan-perkataan "dengan sah di sisi undang-undang" selepas sahaja perkataan-perkataan "Majlis Bandaraya" dalam takrif "Datuk Bandar".
- Clause 2:* Insert the word "lawfully" after the words "for the time being" in the definition of "Mayor".
- Fasal 10 (10):* Gantikan perkataan "dan" di baris 3 dengan perkataan "atau".
- Clause 10 (10):* Substitute for the word "and" in line 2 the word "or".
- Fasal 60 (3):* Masukkan perkataan "bertulis" selepas sahaja perkataan "undang-undang" di baris 7.
- Clause 60 (3):* Insert the word "written" after the words "or any other" in line 5.
- Fasal 67 (1):* Masukkan perkataan "disiarkan" selepas sahaja perkataan-perkataan "tarikh notis itu" di baris 4 perenggan (d).
- Clause 67 (1):* Insert the words "of the publication" after the words "from the date" in line 3 of paragraph (d).

Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Fasal 1 hingga 67 sebagaimana yang dipinda, diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 68 hingga 100—

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan pindaan-pindaan kepada fasal-fasal seperti mana yang telah

diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Fasal 73 tidak ada pindaan dalam naskhah Bahasa Malaysia. Pindaannya seperti berikut:

- Clause 73:* Substitute for the word "inside" in line 8 of the proviso in paragraph (a) (iii) the word "within".
- Clause 73:* Substitute for the word "inside" in line 8 of the proviso in paragraph (a) (iii) the word "within".
- Fasal 90 (2):* Gantikan perkataan "kena" di baris 3 dengan perkataan "tidak".
- Clause 90 (2):* Substitute for the word "committed" in line 2 the word "omitted".
- Fasal 91 (2):* Masukkan perkataan-perkataan "atau denda dan penjara itu kedua-duanya" selepas perkataan-perkataan "satu tahun" di akhir fasal-kecil (2).
- Clause 91 (2):* Insert the words "or to both such fine and imprisonment" after the words "one year" at the end of sub-clause (2).
- Fasal 98:* Potong perkataan-perkataan "kawasan pihakberkuasa tempatan" dan "tanah-tanah perkuburan" yang masing-masing terdapat di baris 3 dan 4.
- Clause 98:* Delete the words "the local authority area" and "burial grounds" appearing in line 3.
- Clause 100:* Substitute for the word "outside" in line 4 the word "without".

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 68 hingga 100 sebagaimana yang dipinda, diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 101 hingga 166—

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan pindaan-pindaan seperti berikut seperti yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Fasal 160 tidak ada pindaan naskhah dalam Bahasa Malaysia.

- Fasal 101:* (a) Gantikan perkataan "dan" di baris 6 perenggan (p) (iii) dengan perkataan "atau".
(b) Potong perkataan "sempadan" yang terdapat dalam perenggan (bb) (ii).
- Clause 101:* (a) Substitute for the word "and" in line 4 of paragraph (p) (iii) the word "or".
(b) Substitute for the words "outside the boundaries of" in paragraph (bb) (ii) the word "without".

(c) Substitute for the word "contract" in paragraph (bb) (iii) the words "enter into contracts".

(d) Substitute for the word "outside" in line 3 of paragraph (dd) the word "without".

Clause 160 (6): Insert the words "on conviction" before the words "be liable" in 1.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 101 hingga 166 sebagaimana yang dipinda, diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama—

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan pindaan kepada Jadual Pertama naskhah bahasa Inggeris seperti berikut:

FIRST SCHEDULE: Substitute for "cts" in Forms E, F, G and H the word "sen".

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Jadual Pertama sebagaimana yang dipinda, diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Kedua diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.00 mlm.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa, 1975 dibaca bagi kali yang kedua.

Mungkin Dewan ini maklum bahawa pada masa ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sahaja yang mempunyai satu Akta Perancangannya sendiri dan semua Lembaga

Bandaran, Majlis Bandaran, Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran dalam negeri-negeri di Semenanjung Malaysia telah memakai peruntukan-peruntukan perancangan bandar yang terdapat dalam pelbagai Enakmen Lembaga Bandaran dan Ordinan Perbandaran. Peruntukan-peruntukan yang ada dalam pelbagai undang-undang ini tidaklah mencukupi untuk memenuhi kehendak-kehendak perancangan atau menyelesaikan masaalah-masaalah yang timbul daripada kemajuan yang pesat di dalam negara kita yang sedang membangun ini. Oleh hal yang demikian, maka satu undang-undang yang berasingan yang menyeluruh dan seragam untuk dipakai oleh negeri-negeri di Semenanjung Malaysia berkenaan dengan perancangan bandar dan desa amatlah mustahak.

Saya suka mengambil peluang hendak memberi sedikit keterangan yang ringkas berkenaan dengan prinsip-prinsip perancangan yang dimuatkan dalam Rang Undang-undang ini. Dalam undang-undang yang dicadangkan ini kuasa-kuasa perancangan adalah terletak ke atas sesebuah penguasa tempatan itu sendiri yang bertanggungjawab bukan sahaja untuk merancang bagi kawasannya tetapi juga melaksanakan pembangunan yang dirancangan itu dalam kontek pembangunan negara.

Selain daripada itu Jawatankuasa Perancangan Negeri yang akan ditubuhkan adalah bertanggungjawab bukan sahaja untuk mengawasi dan meluluskan pelan-pelan struktur tetapi juga menyelaraskan rancangan-rancangan di antara penguasa-penguasa tempatan dalam sesebuah negeri itu dan juga dengan perancangan Negara.

Sejajar dengan prinsip-prinsip yang moden, undang-undang yang dicadangkan ini akan memperuntukkan dua jenis pelan perancangan:

- (a) Pelan struktur (structure plan); dan
- (b) Pelan tempatan (local plan).

Pelan struktur ialah satu kenyataan dasar yang bertulis dan mengandungi cadangan-cadangan am sesebuah penguasa tempatan itu berkenaan dengan kemajuan dan penggunaan tanah dalam kawasannya, termasuklah langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan-keadaan alam sekitar, perhubungan dan pengawalan lalu lintas dan juga yang menerangkan perkaitan rancangan-rancangan tersebut kepada cadangan-cadangan am

untuk memajukan dan menggunakan tanah-tanah dalam kawasan-kawasan yang berjiran dengannya. Kenyataan ini bolehlah disokong dengan pelan-pelan, carta-carta dan ilustrasi-ilustrasi.

Adapun pelan struktur ini adalah disediakan oleh penguasa perancangan tempatan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Perancangan Negeri.

Pelan tempatan adalah mengandungi satu peta dan kenyataan yang bertulis yang merangkan dengan secara lengkap cadangan-cadangan untuk memajukan dan menggunakan tanah dalam kawasan termasuk langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan-keadaan alam sekitar dan pengawalan lalu lintas. Pelan tempatan ini hendaklah direka berasaskan kepada pelan struktur tadi.

Peruntukan-peruntukan yang mencukupi adalah juga dibekalkan dalam undang-undang yang dicadangkan ini untuk menguatkuasakan dan mengawal kemajuan sejajar dengan pelan-pelan struktur dan pelan tempatan. Sebagai satu kawalan yang tegas, sebarang pemajuan tanah tidak boleh dijalankan tanpa kebenaran perancangan diperolehi terlebih dahulu.

Satu perkara yang patut diterangkan ialah berkenaan dengan peranan penduduk-penduduk tempatan dalam perancangan kawasannya sendiri. Ini ialah dalam menyediakan kedua-dua pelan struktur dan pelan tempatan itu penduduk-penduduk tempatan adalah dipelawa untuk mengemukakan pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan mereka kepada penguasa perancangan tempatan serta membuat bangkangan-bangkangan di mana mereka fikirkan perlu.

Satu perkara lagi yang mustahak yang telah dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini ialah berkenaan dengan "development charge" ataupun pembayaran pemajuan. Ini adalah dikenakan ke atas tuan-tuan punya tanah yang hendak memajukan tanahnya akibat perubahan kegunaan tanahnya itu daripada kegunaan sekarang ataupun untuk menambah luas lantai (floor area) ataupun pertambahan bilangan unit.

Begitu juga sesebuah penguasa perancangan tempatan itu bolehlah mengisytiharkan sesuatu kawasan di bawah bidangkuasanya sebagai kawasan pembangunan dan

sesudah itu ia bolehlah melaksanakan pembangunannya dengan cara menggunakan agensi-agensi atau berusaha-sama dengan firma-firma swasta ataupun menubuhkan badan-badan berkanunnya sendiri. Dalam melaksanakan perancangan ini sesebuah penguasa perancangan tempatan itu boleh mengambil balik tanah serta membayar ganti rugi, meminjam wang kerana pembangunan itu dan seterusnya menjual tanah dan harta benda tanah itu kepada orang ramai.

Lain-lain peruntukan dalam Rang Undang-undang ini adalah peruntukan yang biasa dimuatkan di dalam Rang Undang-undang perancangan. Keterangan yang lengkap berkenaan dengan Rang Undang-undang ini bolehlah didapati dalam Huraian di hujung Rang Undang-undang itu.

Saya suka menambah di sini bahawa sebagai yang dikehendaki di bawah Fasal 95A Perlembagaan Malaysia, Rang Undang-undang ini telah dipersetujui oleh Majlis Kebangsaan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya buka untuk perbahasan, saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat masa had ucapan, kerana selain daripada perkara yang dibentangkan ini, ada satu lagi Rang Undang-undang Pengambilan Tanah akan dikemukakan ini pun akan mengambil masa yang panjang juga. Dengan sebab itu, saya mengurangkan sedikit ucapan Ahli Yang Berhormat kepada 8 minit sahaja.

8.12 mlm.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, di samping berucap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengeluarkan pendapat saya di dalam Rang Undang-undang Perancang Bandar dan Desa, 1975 di mana tujuannya ialah untuk menyelenggarakan penguasaan yang sempurna dan juga peraturan Perancang Bandar dan Kampung di

kawasan-kawasan Penguasa Tempatan di seluruh negeri di Malaysia dan mencadangkan pembantu yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa kebanyakan daripada Ahli-ahli akan bersetuju dengan saya bahawa kehendak negara ini untuk mengadakan satu Akta serupa ini dengan tujuan untuk menjalani dan mengusahakan tanah di seluruh negara dengan secara teratur dan sama-rata. Perancang Bandar dan Kampung telah mengakibatkan setiap orang secara saikoloji, sosial dan ekonomi.

Satu sektor alam patutlah dilaksanakan atau penghargaan kepada setiap individu.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, planning has both social and economical aims. Socially successful planning tends to make people live happier. The reasons as stated in the general principle of planning law are that it results in a physical environment which is conducive to health and allows safe and faster communication between places which, in turn, facilitates social intercourse. The economic results of good planning also is conducive to increased happiness. A proper spartical relationship between the community in a region and the constituent part of a town, compactness of development and efficient arrangement of communication routes, all results in human activities being carried on more efficiently and less wastefully.

Tuan Yang di-Pertua, I am glad that this Bill bears all these characteristics mentioned here before, and successfully create a new environment for the nation as a whole. Tuan Yang di-Pertua, although the importance and the need for orderly and uniform town planning for the country as a whole was felt necessary for the last 20 years, very little action has been taken in the past to remedy the situation except for one or two instances like the Ruddock Report some 10 years back and the U.N. Special Adviser on the Planning of Master Plan for Kuala Lumpur.

Town Planning in our country is mostly controlled by State Authorities and in some cases by the Local Authorities. To my knowledge, Tuan Yang di-Pertua, the only Authority which established the first Planning Unit is the Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur. Even with the existence of the State Planning Authorities at all State levels, development was carried out sometimes at

random. Some fine examples of such development are, Tuan Yang di-Pertua, the Setapak Gardens in Kuala Lumpur and the Greenwood Park Development of Gombak, Kuala Lumpur. These schemes stand in the midst of our Federal Capital as a monument of bad planning or no planning at all. Tuan Yang di-Pertua, these development schemes were completed years ago with no proper roads, drainage and other amenities. The occupants or I should say the unfortunate occupants are daily dreaming for a good physical environment. This area is now under the jurisdiction of the Federal Capital. I do not know how much it is going to cost us to provide the basic required amenities for the residents or the unfortunate buyers. There are many other examples, Tuan Yang di-Pertua. These are all due to lack of a proper planning law in our country, and I wish to thank the Minister and his staff for introducing this fine Act which embodies all the requirements that are needed for our country. In many cases, developments were approved in paper only by the State Planning Authorities with the necessary amenities but they were not implemented by the developers. The State Authority has to spend thousands of dollars to provide basic road facilities for the residents especially of Greenwood Park, Gombak. Many developers managed to obtain even certificates of fitness for buildings without even providing the basic amenities as agreed by them. Tuan Yang di-Pertua, if this is what we are to anticipate from the developers, I do not know what strain this Act would face when it is implemented.

Tuan Yang di-Pertua, with this Act in their hands, I hope the State and the Local Planning Authorities will bring all those offenders to book and punish them severely. Thanks to the Honourable Minister for this fine introduction.

Tuan Yang di-Pertua, now I would like to refer to Part II, Clause 4 of the Bill, which seeks to establish State and Local Planning Authorities. The membership to the effect is drawn from the various Government sectors which are generally involved with the matter. Clause 4 (1) (i) seeks to appoint 4 members by the State Authority outside the Government sector. Tuan Yang di-Pertua, I would like to suggest that these 4 members should be drawn from the public sector to air the views of the masses and of the smallholders.

Tuan Yang di-Pertua, Section 4 (4) stipulates the functions of the State Planning Authorities, including the promotion of a framework for planning within every State with a national policy in mind. The conservation, use, development, comprehensive or otherwise, are the activities of the Committee. Tuan Yang di-Pertua, this is a very important function of all. By virtue of the powers vested with the Committee, care must be taken to avoid unwanted influence in its functions. As the decision of this Committee would eventually create problems while creating new planning for an area, Sir, the law of free enterprises in our country allows ownership to an unlimited extent. There exists in our country people with 1,000 acres of land and others with even 1 acre of land. The Committee should bear in mind that the smallholders of this nature around the small towns in the various States of Malaysia are the bumiputras and the non-bumiputras, but the major land owners are the European estate owners. Even small towns in our country are surrounded by estates with very bright scope for future developments. In the promotion of policies at all levels, uniformity in the application of such policies should be a constant and firm aim.

Tuan Yang di-Pertua, conservation of land for certain plan used must be implemented with great consideration as to what sectors of the population will be affected.

Pengekalan tanah untuk kegunaan yang dirancang mestilah diimplimentasikan dengan menimbang sektor penduduk-penduduk yang akan terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam merangka dan mengimplimentasikan rancangan-rancangan serta polisi-polisi, kita terpaksa mengurangkan harga tanah pemilik-pemilik kecil dan meninggikan harga tanah masyarakat-masyarakat yang berpendapatan tinggi. Tetapi dewasa ini orang-orang yang beruntung adalah terdiri daripada pemilik-pemilik estate berketurunan Eropah. Perkembangan yang pesat dalam bandar kecil di sekitar estate-estate telah menyebabkan ketiadaan pekerjaan dan rumah-rumah kediaman. Ini adalah satu masalah yang besar dari segi ekonomi dan sosial terhadap Kerajaan kita. Penduduk-penduduk yang terlibat ialah terdiri daripada golongan

pekerja-pekerja estate. Tetapi malangnya dalam ikhtiar dan usaha-usaha kita untuk membanyakkan lagi pemilik-pemilik tanah dengan secara tidak langsung telah mengakibatkan banyak penduduk-penduduk yang tidak berpekerjaan. Therefore, it is important that planning policy should have regard to the impact that will have

Tuan Azahari bin Md. Taib: Masa sudah cukup.

8.20 mlm.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang Perancang Bandar dan Desa ini nyata sekali bahawa Kuasa-kuasa Tempatan akan diberi kuasa di segi pentadbiran tanah iaitu kuasa mengawal kegunaan tanah, kuasa ini penting sekali kerana ia akan membolehkan Kuasa Tempatan menentukan planning yang teratur dan tidak lagi kucar-kacir. Berdasarkan kepada tujuannya sebagaimana tersebut di perenggan 1 di bawah Huraian, muka 66 di dalam undang-undang berkenaan mungkin soal-soal berikut bolehlah dikemukakan atas dasar Rang Undang-undang ini. Dengan wujudnya peruntukan dalam Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri bertanggungjawab bagi dasar am berkenaan dengan merancang kemajuan dan penggunaan semua tanah dan bangunan di dalam kawasan tiap-tiap Pihak Berkuasa Tempatan di dalam negeri serta membolehkan pula memberi arahan kepada Jawatankuasa atau mana-mana pihak penguasa perancang tempatan dari semasa ke semasa yang tidak bercanggah dengan Akta ini.

Peruntukan tentang Ahli-ahli Jawatankuasa Perancangan Negeri sebagaimana tersebut di dalam Fasal 4 (1) kedua-dua peruntukan ini tentu akan melicinkan dan memperimbangkan keputusan dasar bagi perancang kemajuan bandar dan desa yang selalu timbul dari semasa ke semasa pertelingkahan pendapat dan keputusan di antara Pihak Berkuasa Bandaran Tempatan dan pihak penguasa yang lain. Misalnya, pihak berkuasa di atas jalanraya di dalam bandar berkehendakkan membina atau memasang traffic lights di suatu tempat atau membina tambak sekatan-sekatan di tengah jalan tertentu, tetapi Pihak Berkuasa Bandaran mungkin tidak bersetuju dari sudut kecantikan bandar atau lain-lain sebab tertentu.

Badan-badan berkanun tentu melaksanakan projek bangunan dan lain-lain di dalam bandar tanpa mendapat persetujuan dari Pihak Berkuasa Bandaran terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, saya harap sekiranya dapat di dalam dua perkara yang penting ini mungkin telah ketinggalan. Pertama, tempat letak kereta. Perkara tempat letak kereta seharusnya diadakan terutama bagi projek pembangunan yang besar serta formula yang sesuai hendaklah disediakan sebagai panduan, kerana masaalah tempat letak kereta yang mencukupi bagi sesebuah bangunan yang besar, terutama bagi di kota-kota, bandar-bandar yang besar kian menjadi-jadi hari ini. Sekiranya tempat letak kereta yang mencukupi disediakan tentu sekali keadaan letak kereta di tepi-tepi jalan itu tidak akan berlaku. Ini akan menyusahkan lagi lalu-lintas.

Kedua, saya ingin menarik perhatian, Tuan Yang di-Pertua, ialah ketiadaan peruntukan disediakan di dalam penggunaan tanah di mana sekeping tanah itu dalam syarat nyata diuntukkan untuk industri, tetapi terdapat pula tuan empunya membina pejabat dengan alasan bahawa bangunan pejabat ini ada kaitan dengan industri. Bangunan pejabat itu mungkin tidak sejajar dengan kehendak sebenar bagi perindustrian itu, mungkin juga bangunan pejabat itu merupakan lebih sahaja, kerana ia bertujuan untuk disewakan kepada orang lain. Sekiranya tidak ada panduan yang tertentu kemungkinan kuasa tempatan akan menjadi kebingungan untuk menentukan seluas manakah tanah itu dapat dibenarkan membina bangunan pejabat yang ada kaitan dengan perindustrian yang berkenaan. Sekianlah pandangan saya di dalam perkara ini dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini.

8.25 mlm.

Tuan Farn Seong Than (Sungai Besi): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian mengenai perbahasan atas Rang Undang-undang bernama Perancang Bandar dan Desa, 1975 dan saya mohon berucap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, it is commendable that the Town and Country Planning Bill is being introduced in this House at a time when we are entering the threshold of the Third Malaysia Plan, when urban development is expected to increase

manifold. As this Bill seeks to bring about a more comprehensive and uniform law relating to town and country planning with a view of developing urban centres based on Government's urbanisation programme, it is therefore imperative that emphasis should also be given to create socio-economic environment.

In my humble opinion, a legislation of this nature should have been introduced earlier, say, 10 years ago, because in the absence of such a comprehensive and uniform legislation, legislative guidelines in the past, there had been a great deal of unhealthy development in the towns, kampungs and new villages. As a result, today these areas have inherited many of the environmental ills, such as flash floods, traffic jams and pollution. Such problems caused by early development, which was usually based on the poor and sub-standard approvals from the various local authorities or town boards which were empowered with its own set of rules or by-laws. When I say "sub-standard", it does not generally mean that the rules and the by-laws of the various local authorities are inadequate, though they are far less comprehensive. What is more important is the manner in which these rules and regulations are being administrated by the authorities concerned on the one hand and, on the other hand, properly adhered to by those involved with development projects.

Mr Speaker, Sir, while it is important for us to pass more and more comprehensive and up-to-date laws for controlling urbanisation programmes to meet the changing time, however, it would be futile if these laws were not strictly carried out by those who are entrusted with the responsibility to administer them. In this connection, I wish to draw the attention of this House to the manner in which some of the housing developers are conducting their activities, whose role I believe, in our town and country planning programme is very important. In line with Clause 20 of this Bill, which prohibits any person to proceed with development contrary to planning permission or not conforming with the development plan, it is disturbing to note a number of developers who are flouting these with no regard at all to the law. The breaches committed by developers are so rampant that evidence of them can be seen in what is happening in many housing estates in the Federal Territory where there are no

proper roads, no proper drains, no playgrounds and collapsed walls. As a matter of fact, most of the flash floods in the Federal Territory today are caused by poor drains constructed by housing developers in housing estates. In fact, such breaches of the law committed by the housing developer of Taynton View, Kuala Lumpur, were disclosed by me in an Adjournment Speech in this House on 17th July, 1975. Though I was assured by the Honourable Parliamentary Secretary to the Ministry of Housing and New Villages in reply to my Adjournment Speech that appropriate action would be taken against such unscrupulous developers by his Ministry, up-to-date, it is regrettable to note that the developer concerned has not taken any positive steps to improve the environment in Taynton View Housing Estate. The result is that Taynton View remains to be the worst housing estate in Kuala Lumpur today, where there are no proper roads, no proper drains and no children's playground, and the whole area surrounding the houses is overgrown with grass leaving the whole area with the appearance of a modern man-made slum.

Mr Speaker, Sir, in another housing estate called Salak South Garden in my kawasan of Sungai Besi, I am given to understand that the developer concerned has deviated from the original development plan. At the moment there are some 1,600 families comprising a total population of some 15,000 people staying in flats, terrace houses and shop houses. These houses were completed as early as 1966. According to the original plan and the prospectus issued to the house purchasers by the developer then, they were supposed to have a cinema, a market, 3 car parks in front of the shop houses, a bus terminal and a couple of children's playgrounds. Today, after about 10 years of its completion, none of these facilities that I have just mentioned are available in Salak South Garden. Furthermore, I am given to understand that the main road there was originally planned for 40 feet wide, but it has been constructed for only 20 feet instead. In view of the narrowness of the said road one fatal accident had occurred resulting in the death of a small boy and the continual circumstantial sluggish flow of motor vehicles along that road.

Sir, this is a good example of housing developers deviating from the original

development plan approved by the local authorities. What is more shocking is, I understand that in both the two estates I have just mentioned, no certificates of fitness were issued to the occupants before they moved to their houses when their houses were completed about ten years ago, though this is required under the rules and regulations of the Housing Developers (Control and Licensing) Act. This should not have happened if the law was strictly enforced and carried out. As such, I wish to call on the Honourable Minister concerned to institute an investigation on this matter, and I am sure the great number of house purchasers in these two housing estates would be most earnest to know the outcome of my proposed investigation.

Mr Speaker, Sir, coming back to the question of town and country planning, careful study should be carried out to prevent the grave problem of air and sound pollutions spreading. Very often we find residential areas like new villages and housing estates being situated next to factories or sawmills which not only let off a great deal of smoke but also let out a great deal of noise. As a result residents in these areas are affected by air and sound pollutions which are of course unhealthy.

In view of the increasing population in the kampung and in the new villages, it is necessary to increase the size of these areas from time to time. While expanding the new villages and kampungs, or planning them, emphasis should be given to their infrastructure because the existing roads in the new villages and kampungs are far too narrow to accommodate the increasing car population in these areas. The width of these roads should be planned in such a way that it is somewhat comparative to that of housing estates with a view of taking into consideration that in the next decade or so, these kampung-kampung or new villages would gradually evolve into new townships. By then I am sure town planners would not have to worry about finding space to expand the roads in kampungs and new villages.

In conclusion

Tuan Azahari bin Md. Taib: Time is up.

Tuan Farn Seong Than: I am concluding, Sir. I hope that when this Bill is passed, the rules and regulations of this Bill would be

strictly and fairly carried out by the Authorities concerned so that the interest of the people would be protected as our society advances into modernisation our people deserve a more sophisticated and meaningful environment to live in.

8.34 m.m.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian sedikit di dalam Rang Undang-undang ini. Saya mengucapkan banyak terima kasih di atas peraturan baru ini, terutamanya mengenai kerjasama di antara pihak perancangan bandar dan desa ini dengan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri, sebab kalau tidak ada kerjasama yang erat maka sudah tentulah rancangan itu tidak akan dapat dijayakan dengan sempurna. Seperkara lagi saya mengharapkan benar-benar bahawa kerjasama ini meliputi di jabatan lain, terutamanya dengan Pejabat-pejabat Tanah yang ada sangkut-paut secara langsung dengan perancangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, cuma satu perkara yang saya suka sebutkan di sini ialah masalah pembocoran pelan-pelan induk yang sepatutnya pada fikiran saya pelan-pelan induk yang hendak dirancangan ataupun yang telah dirancangan untuk dimajukan bagi kawasan-kawasan bandar ini tidak seharusnya dibocorkan. Dengan pembocoran ini maka kita dapati pihak Kerajaan sendiri banyak menanggung kerugian dan dapat kesempatan kepada pihak-pihak tertentu, pihak-pihak kapitalis atau pihak tertentu yang suka mengambil keuntungan, kesempatan yang lebih daripada rancangan-rancangan atau pelan induk yang telah dibuatkan ini. Umpamanya, satu-satu kawasan yang hendak dibangunkan, dijadikan di dalam kawasan bandar itu ada mempunyai tanah-tanah Kerajaan, pihak Kerajaan sendiri telah merencanakan untuk membangunkan satu kawasan sekolah, satu kawasan perindustrian. Maka apabila berlaku pembocoran seperti ini pihak-pihak yang tertentu mengambil kesempatan memohon tanah-tanah yang pada masa itu memang orang ramai tidak memikirkan bahawa tanah ini tidak begitu sesuai, tidak begitu elok, tanah yang lembah sedikit, tanah yang tidak begitu senang untuk dibangunkan rumah, tetapi oleh kerana mereka itu dapat rahsia pihak Kerajaan telah mengadakan

pelan-pelan yang tertentu untuk dibangunkan kawasan ini, maka adalah orang-orang yang tertentu mengambil kesempatan memohon tanah-tanah yang tertentu ini. Umpamanya, satu kawasan tanah pasir seperti di kawasan saya, tanah pasir ini sudah tentulah tanaman-tanaman tidak subur, maka orang ramai tidak begitu gemar, tetapi apabila bocornya rahsia Kerajaan hendak membangunkan kawasan ini berlumba-lumba orang yang telah tahu itu memohon tanah-tanah yang tertentu. Selepas sahaja tanah ini dapat kepada orang-orang yang tertentu maka terlaksanalah pelan-pelan induk ini hendak dibangunkan kawasan itu, pihak Kerajaan sendiri terpaksa membayar dengan harga yang mahal kepada orang-orang yang mendapat tanah itu. Saya fikir kalau tidak kerana bocornya pelan-pelan induk ini sudah tentu tanah itu Kerajaan tidak payah bayar kepada orang-orang yang tertentu, Kerajaan tidak payah mengeluarkan wang yang berjuta-juta ringgit ataupun beratus-ratus ribu ringgit. Ini satu perkara yang saya rasa amat kesal sekali. Jadi, secara tidak langsung kita membazirkan wang dengan sebab kecuaiannya kita sedikit sahaja menyebabkan pihak-pihak tertentu, segelintir manusia dan kadang-kadang mengikut kebiasaannya orang-orang yang tertentu, orang yang berkedudukan tertentu, orang-orang yang mempunyai wang yang banyaklah yang mendapat kesempatan-kesempatan seperti ini. Bagi orang-orang kampung jarang sekali mendapat kesempatan seperti ini sebab orang kampung tidak berhampiran dengan pihak-pihak yang tertentu yang memegang rahsia-rahsia seperti ini. Perkara-perkara yang seperti ini saya rasa amat mendukacitakan sekali, lebih-lebih lagi di saat Kerajaan kita sekarang ini kekurangan wang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya suka sebutkan di sini ialah masalah planning yang telah dibuat, umpamanya, di dalam Negeri Trengganu masalah kedudukan market. Saya nampak pelan-pelan yang telah dibuat ataupun telah dilaksanakan di dalam Negeri Trengganu itu boleh dikatakan hampir keseluruhannya kedudukan mereka itu hanya boleh digunakan satu hala sahaja ataupun paling banyak dua hala. Dia mencari kedudukan itu di tempat-tempat yang tidak boleh digunakan sekelilingnya. Jadi keadaan-keadaan seperti ini, selain daripada

mengecewakan peniaga-peniaga kecil yang hendak menumpang cari makan di dalam market umpamanya, kemudahan kepada orang ramai pun tidak dapat dengan sepatutnya. Jadi kalaulah kemudahan-kemudahan diberi, umpamanya, tiap-tiap satu market hendak dibuat dapat diletakkan kereta sekelilingnya ataupun pelanggan-pelanggan dapat masuk di semua sudut, maka sudah tentulah peniaga-peniaga kecil di dalam market itu dapat merasa nikmat sama, tidak sebagaimana yang ada sekarang ini. Jadi, kalau orang yang dapat tempat bagi sehalu, bagi tempat orang masuk sahaja yang dapat maju, dapat mencari makan tetapi pihak yang tidak dapat dimasuki kereta ataupun tidak dapat letak kereta maka orang itu perniagaannya berkurangan, tidak seimbang. Jadi, saya mengharapkan di masa-masa yang akan datang perkara-perkara seperti ini diambil perhatian oleh pihak-pihak yang tertentu bagi merancang sesuatu rancangan bagi pembangunan satu-satu bandar baru ataupun satu-satu projek baru.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyebutkan juga sedikit ialah masalah kelambatan menyiapkan satu-satu pelan bagi dibangunkan satu-satu kawasan ataupun satu-satu bandar kecil di luar bandar. Saya pernah tersua dengan suatu projek yang hendak dibangunkan di luar bandar umpamanya, maka jawapan kepada pihak yang berkenaan kita tidak dapat sekarang ini hendak melaksanakan lagi, oleh kerana pelan induknya ataupun pelan yang dirancangan yang dibuatnya di Kuala Lumpur ini belum siap. Jadi setahun, dua tahun belum siap. Walaupun saya sedar bahawa hendak merancang sesuatu kawasan ini untuk dibangunkan memerlukan kajian, memerlukan masa dan memerlukan pandangan yang lebih jauh sebagaimana yang tercatat di Huraian ini. Saya rasa amat bangga sekali sebab tercatat di sini memerlukan pandangan yang lebih jauh, jadi tidak sebagaimana pada masa-masa yang lepas saya rasa dibuat pelan induk itu dengan pandangan yang singkat ataupun pandangan yang dekat sahaja, pandangan kepada dua tahun, tiga tahun, lepas itu dipinda balik, tiga tahun terpaksa diroboh balik sesuatu itu. Jadi rasa saya dengan tercatitnya di sini, dengan pandangan yang lebih jauh sekurangnya satu pelan ataupun satu-satu pembangunan, satu-satu jalan, satu-satu

roundabout, satu-satu traffic lights dapat digunakan lebih lama. Tidakkah tahun ini dibuat tahun hadapan dirombak balik. Jadi, saya rasa bangga benarlah dengan tercatitnya ayat-ayat seperti ini di dalam Rang Undang-undang ini, saya mengharapkan di dalam sesuatu rancangan yang hendak dirancang menggunakan pandangan yang lebih jauh untuk kegunaan sesuatu tempat. Di samping itu, saya mengharapkan juga sekiranya satu-satu projek yang hendak dilaksanakan ataupun satu-satu pembangunan pekan kecil di luar bandar yang diminta untuk dirancang oleh pihak Kerajaan Negeri bagi membuat rancangan-rancangan supaya dapat disegerakan, mudah-mudahan rakyat di luar bandar ataupun rakyat-rakyat yang menunggu-menunggu untuk mendapatkan rancangan-rancangan yang tertentu dapat merasai nikmat dengan seberapa segera dan seberapa cepat yang boleh.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya harap kita dapat tamatkan perbincangan ini dan memutuskan perkara ini sebelum 9.30 malam. Oleh kerana ada 6 orang lagi hendak bercakap, saya hadkan lima minit tiap-tiap seorang, jadi semua orang boleh bercakap.

8.45 mlm.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua

Tuan Azahari bin Md. Taib: Lima minit sahaja.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh di atas Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi dan saya rasa ini satu langkah paling baik sekali untuk memajukan bandar dan desa.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini kita dapati banyak benarlah di bandar-bandar kecil dan apatah lagi di desa-desa perancangan kita memang tidak betul, banyak benar yang tidak betul. Saya rasa dengan berjalannya Rang Undang-undang ini, maka insya Allah akan dapat berjalan dengan lebih baik.

Saya ingin menarik masaalah-masaalah yang tertentu seperti di kampung-kampung. Saya tertarik berkenaan dengan kampung lama kerana selama ini kita nampak jalannya

terlalu kecil, apakala hendak dinaikkan grednya untuk diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya, maka jawabnya tidak boleh kerana luasnya terlampau kecil, Jabatan Kerja Raya tidak terima. Jadi ini satu kesalahan kita di masa yang lalu sedangkan berhampiran dengan jalan itu telah ada rumah-rumah. Ini menyebabkan penduduk di kampung-kampung tidak merasai nikmat jalan yang baik, yang ada hanya jalan tanah merah sahaja. Termasuk apa yang saya katakan itu kampung-kampung di Trengganu, di Kelantan, di Kedah dan lain-lain di mana bolehlah dikatakan semuanya merasa jalan tanah merah sahaja. Jadi saya rasa hendaklah kita rancangan untuk di kampung juga.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 berkenaan Jawatankuasa Perancang Negeri ini, saya nampak selain daripada pegawai-pegawai atau pengarah-pengarah yang dilantik hanya ada lebih kurang empat orang sahaja yang perlu dinamakan oleh pihak Berkuasa Negeri. Saya tertarik dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, kepada masaalah di setengah-setengah tempat di mana kajian yang dibuat tidak menyeluruh. Selepas itu dibuat keputusan oleh pihak yang mengkaji masaalah tersebut. Jadi, saya rasa tidak cukup, saya minta supaya dalam ceraian (i) ini ditambah empat ini kepada angka yang lebih, kerana dengan itu membolehkan orang-orang yang tahu dalam satu-satu tempat, satu keadaan negeri itu dilantik menjadi ahli jawatankuasa ini, sebab orang-orang yang menjalankan kerja seperti Jurutera Kerja Raya dan sebagainya bukan semua tahu walaupun dia arif dalam bidang-bidang kerjanya, tetapi pada tempat-tempat ataupun daerah-daerah yang mereka hanya baru bertukar sebulan ataupun enam bulan dia tidak tahu hendak nasihat dengan betul. Jadi, perlu dilantik orang-orang tempatan, misalnya, Wakil-wakil Rakyat, Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Dewan Negeri ataupun orang-orang yang ahli di situ untuk duduk dalam jawatankuasa yang saya katakan tadi supaya mereka boleh memberi nasihat dengan lebih tepat.

Sebagai satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, dalam bahagian taliair, Pengarah Parit dan Taliair nampaknya tidak ada dalam jawatankuasa ini. Walaupun Pengarah Kerja Raya ada dan dari segi di bandar atau dalam kawasan town mungkin Pengarah Kerja Raya tahu lebih sedikit, tetapi kalau lebih jauh sedikit; mungkin tidak tahu, sedangkan yang hendak dirancang bukan untuk di bandar

sahaja, di bandar dan juga di desa. Jadi saya syorkan supaya Pengarah Parit dan Taliair dimasukkan sama, Tuan Yang di-Pertua. Dalam hal ini saya ingin mengaitkan sedikit masalaah di satu-satu bandar selalunya rancangan parit dan taliair kurang memuaskan. Apakala turun hujan lebih sedikit maka terjadi banjir, saya beri contoh di Kuala Lumpur dekat Parlimen ini, hujan 3 jam air penuh dekat roundabout itu kereta mati, terpaksa tolak. Jadi itu dekat Parlimen sendiri

Tuan Azahari bin Md. Taib: Jadi berhenti setakat itulah sahaja.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Sedikit lagi. Tuan Yang di-Pertua, sudah hendak habis.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Cukup.

8.50 mlm.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, sambil memerhatikan tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk menyamakan dan memajukan kawalan rancangan dan pembangunan di seluruh negara. Ada satu aspek yang saya ingin sebutkan di sini iaitu ialah samada Kerajaan dapat mengadakan tenaga manusia yang berkelayakan untuk melaksanakan Rang Undang-undang yang begitu comprehensive dan saksama ini di tiap-tiap tempat bersangkutan dengan rancangan bandar dan desa.

Satu lagi aspek ialah jika Kerajaan berkenaan mengadakan Rang Undang-undang tersebut mengapakah ianya dikenakan hanya di Negeri-negeri Tanah Melayu sahaja dan tidak dimasukkan dua buah negeri di Malaysia Timur. Saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat menjelaskan perkara ini di dalam Dewan ini. Oleh sebab kami rasa adalah mustahak bagi Kerajaan untuk meluaskan Rang Undang-undang ini ke Malaysia Timur kerana mereka mempunyai banyak pembangunan yang tidak teratur. Ingin saya menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sekiranya Kerajaan atau Jabatan Perancang tidak ada tenaga-manusia, teknikal atau kakitangan teknikal yang cukup, maka pelaksanaan Rang Undang-undang ini tentulah akan terjejas. Umpamanya, kalau saya merujuk kepada seksyen 5 iaitu berhubung dengan penubuhan Pihak-berkuasa

Perancang Tempatan bagi setiap kawasan Berkuasa Tempatan di tiap-tiap Negeri. Memandangkan kepada kurangnya orang-orang yang berkelayakan teknikal di negeri ini Undang-undang ini mestilah menerangkan bahawa Pihak-berkuasa Perancang Tempatan tidak boleh ditubuhkan di bawah Rang Undang-undang ini sekiranya tenaga manusia yang berkelayakan tidak dapat diperolehi.

Di dalam Seksyen 14 yang memberi kuasa kepada Pihak-berkuasa Negeri bagi membuat peruntukan berkenaan dengan lantikan dan kelayakan-kelayakan bagi lantikan orang-orang untuk mengadakan penyiasatan tempatan. Seksyen ini mestilah mewajibkan hanya orang-orang yang berkelayakan professional sahaja ditimbangkan untuk per-lantikan.

Berkaitan dengan layanan mengenai permohonan-permohonan untuk kebenaran merancang, saya merasa adalah perlu supaya setiap pihak-berkuasa perancang menentukan bahawa setiap permohonan untuk mendapatkan kebenaran merancang mestilah diproses dengan secepat yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Jabatan Perancang Dewan Bandaraya, saya harap bahawa jabatan ini dapat mengambil langkah yang berkesan untuk mempercepatkan permohonan untuk kebenaran merancang supaya permohonan-permohonan tersebut tidak perlu menunggu begitu lama. Saya memahami bahawa pada hari ini masih lagi terdapat backlog permohonan untuk kebenaran merancang yang belum diselesaikan. Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat membuat satu penyiasatan atas hal ini supaya langkah dapat diambil untuk membetulkan perkara itu.

8.54 ptg.

Tuan Mak Hon Kam (Tanjong Malim): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama mengalu-alukan Rang Undang-undang ini dan memberi pandangan yang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon kebenaran untuk berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, in view of the rapid development of this country, it is high time that a Bill of this nature should be introduced in order that development is guided and well planned for the future potentiality so that mistakes of haphazard growth are not repeated.

Tuan Yang di-Pertua, under Part II—Policy and Administration, Clause 6 regarding Functions of Local Planning Authorities, I wish to urge the Minister concerned to take note that the local planning authorities should consist of qualified or trained persons capable of carrying out their work as assigned by the State Authority and also for proper organisation to serve the people. I notice that most existing Local Councils have not enough, or no competent persons at all to handle planning. Therefore, there is always a delay in processing approval. Tuan Yang di-Pertua, for efficient administration, we cannot allow delay, especially when dealing with work of the building industry, where time is a very important factor. For example, if a developer or land owner has no idea of the time required for a plan to be approved, there is a lot of risk to take in this investment and also a lot of money to lose as far as the investment is concerned because in the first place capital is involved in the land. Then more expenditure is involved in the administration. Furthermore, the market for sale of buildings fluctuates with time. So, to encourage building industry or development, it is necessary to make building investors confident with the proper process within the local planning authority. Moreover, Tuan Yang di-Pertua, to avoid the possibility of corruption arising due to delay, I like to suggest that the Minister concerned should consider to fix a time period whereby planning applications must be processed by local planning authorities.

Tuan Yang di-Pertua, under Part V, regarding the development charges, I would like to make a comment on this. As development charges are to be asked for, so I think the rate of development charges should vary from time to time according to the period. For example, in a recession period, we should reduce it; a booming period, we should try to do our best to get more. This is a way to encourage the building industry in our country because we need this for employment, etc. another thing to note is try to waive development charges for educational projects or religious projects should they be included in a big scheme.

Under Part VI, there is a provision for an appeal board. I would suggest that this should include independent professionals

such as engineers, architects, etc. for technical views over trial of dispute between applicants and the local planning authority.

Finally, Tuan Yang di-Pertua, I have noted that there is a State Authority, State Planning Committee and Local Planning Authority, but I would like to urge the Minister concerned to consider the formation of a Federal Planning Authority to control and regulate uniform planning at the State level and also to provide planning facilities for Local Planning Authorities so that work can be carried out more efficiently.

8.58 mlm.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Perancang Bandar dan Desa ini. Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, ada perkara-perkara patut ditambah lagi supaya lengkap. Dari segi Perancang Bandar dan Desa, saya berpendapat kalau kita tidak samakan untuk memajukan bandar dan desa termasuk sama dengan kesihatan dan pelajaran tidaklah begitu lengkap dan tidak boleh menaikkan tarafnya dengan baik. Dengan sebab itu, saya bersetuju dengan pendapat wakil dari Dungun tadi iaitu Pengarah Jabatan Parit dan Taliair menjadi ahli Jawatankuasa, Perancang Negeri dan saya fikir Pengarah Pelajaran, Pengarah Perubatan dan Pengarah Pertanian hendaklah juga menjadi Ahli supaya perancangan ini dapat dilancarkan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, negeri saya di Perlis, Majlis Tempatnya ada dua, satu di Kuala Perlis bagi kawasan Arau dan satu lagi di Kaki Bukit di kawasan Kangar. Kalau hendak dibuat rancangan ini bererti dua tempat itulah patut dibuat. Oleh sebab itu, saya berpendapat selain daripada Jawatankuasa Negeri yang telah ditetapkan untuk ditubuhkan dengan anggota-anggota yang tertentu, kalau boleh sebagaimana yang saya katakan tadi ditambah beberapa orang yang perlu, kita patut buat sebagai Jawatankuasa Peringkat Negeri, Jawatankuasa Peringkat Kawasan, Pilihanraya dan Jawatankuasa Peringkat Kampung. Sebab saya berpendapat begitu, Tuan Yang di-Pertua, memandang kepada kedudukan parti-parti politik yang memerintah hari ini; ada peringkat pusat, negeri, bahagian dan cawangan. Baik parti Perikatan, seperti UMNO dan Parti PAS

kita mendapat kejayaan kerana kita ambil daripada atas turun ke bawah dan bawah naik ke atas.

Jadi, tentang rancangan itu sendiri adalah baik kecuali perlaksanaannya. Biarlah apa rancangan yang hendak dibuat kepada kampung-kampung itu dapat mereka tahu dan mereka sendiri dapat memikirkannya. Maka dengan sebab itu, saya mencadangkan Jawatankuasa peringkat kawasan juga patut ditubuhkan yang mana Wakil Rakyat sebagai Pengerusi dan Penghulu Mukim sebagai Setiausaha dan kita ambil beberapa orang yang berkenaan seperti pegawai D.I.D. dan sebagainya untuk menyertai Jawatankuasa bersama itu.

Di peringkat kampung pula saya suka mengesyorkan supaya ketua kawasan ataupun ketua kampung menjadi pengerusi dan beberapa orang lagi untuk menyertai jawatankuasa bersama, dan kita berikan elaun seperti tercatat di dalam Bahagian IV selain daripada Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam boleh diberi elaun pada kadar yang berpatutan.

Kebanyakan orang-orang kampung seperti ketua-ketua kawasan misalnya, kalaulah diberi elaun sekali mesyuarat \$5 untuk dua tiga jam mesyuarat, maka semua akan hadir untuk memikirkan bersama bagaimanakah kemajuan hendak dibuat bagi kampung itu. Rasa saya rancangan ini lebih berjaya lagi.

Selain daripada itu, kalau dibuat begini akan mendapat sambutan yang baik dan kalau dapat diadakan pula pertandingan-pertandingan baik cara kesihatan, memajukan tanah dan sebagainya. Ini tentu akan mendapat sokongan yang kuat daripada orang kampung, kerana sebagaimana saya katakan tadi rancangan kita ini bukanlah tidak baik. Apa yang kita buat sejak merdeka dulu semuanya baik dan banyak dilaksanakan, tetapi ada perkara-perkara yang tidak berjalan lancar. Apabila kita mengadu ke pihak atas, pihak di peringkat bawah tidak pula diberitahu dengan segera. Tabiat manusia, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah dia dapat membuat sesuatu benda itu dengan hasrat dan daya usaha mereka sendiri maka perbuatan mereka itu akan lebih kuat dan bersemangat lagi.

Dengan sebab itu, saya berharap kepada pihak yang berkenaan walaupun apa yang ada ini baik, tetapi untuk memperbaiki lagi

saya berharaplah pihak Kementerian tidak keberatan membubuh di dalam Rang Undang-undang yang telah ada itu nama-nama seperti yang saya sebutkan tadi samada di peringkat negeri, peringkat kawasan dan sampai ke peringkat kampung.

9.03 mlm.

Tuan Mohd. Zahari bin Awang (Kuala Krai): Tuan Yang di-Pertua, di samping saya menyokong Rang Undang-undang ini suka memperkatakan sedikit sebanyak tentang Bahagian 11 Fasal 3 dan 4 sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan saya tadi.

Saya percaya bahawa tugas yang besar sekarang ini setelah Akta Kerajaan Tempatan diluluskan tadi adalah merupakan tugas yang perlu dipikul oleh setiap Penguasa Tempatan di semua negeri. Ada satu perkara yang tertinggal, saya rasa di Fasal 4 tentang perlantikan. Selain daripada apa yang disebutkan oleh rakan-rakan saya tadi, saya nampak oleh kerana terlaksananya Akta Kerajaan Tempatan maka pihak Penguasa Tempatan itu akan memikul bebanan yang berat kerana mereka telah ditukarkan menjadi perbadanan-perbadanan. Sepatutnya di dalam Jawatankuasa Perancang di peringkat negeri sebagaimana yang saya kehendaki semasa berbahas tadi ialah supaya setiap Pengerusi ataupun setiap Pengerusi pada Majlis-majlis Daerah yang ada di seluruh tanahair itu di masukkan ke pihak Perancang Negeri, kerana dengan ini pihak Perancang Negeri itu dapat membuat sesuatu projek yang betul-betul viable berdasarkan kepada fahaman-fahaman dan pendapat-pendapat yang datang daripada pihak Penguasa Tempatan ini menerusi Pengerusinya.

Selepas daripada itu pula pihak pekerja yang boleh disifatkan sebagai orang-orang yang perlu merancang di peringkat Penguasa Tempatan harus dijadikan suatu perkhidmatan khas. Saya maksudkan di sini supaya pihak Penguasa Tempatan mengambil pegawai-pegawai yang betul-betul iktisas (professional) dan dilatihkan mereka ini dalam satu sekim yang khas yakni setiap mereka yang bakal bertugas kelak di dalam Penguasa Tempatan ataupun di Pejabat Perancang Bandar dan Desa perlulah mendapat latihan-latihan yang "incentive" seperti latihan yang dijalankan di Intan dan sebagainya.

Fasal 44 tentang membuat kaedah-kaedah. Saya rasa kaedah-kaedah untuk menentukan kawasan-kawasan kemajuan tidak harus kita mengetatkan kaedah ini, kerana sebenarnya setiap kawasan yang berada di seluruh negara ini sebenarnya tidak serupa di antara satu sama lain samada dari segi fizikal, geography, tentang sosio-ekonominya, tentang kedudukan dan taburan penduduknya dan lain-lain. Maka kaedah-kaedah yang ketat seumpama seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal 44 itu haruslah di kendurkan sedikit dan perlaksanaan Fasal 41 (1), (2) dan (3) yang antara lain memberi kuasa bagi pihak Penguasa Tempatan menggunakan khidmat agen-agen ataupun syarikat-syarikat kemajuan. Ini haruslah disekat sedikit sebanyak supaya penyalahgunaan yang selama ini berlaku di kalangan Penguasa Tempatan sepertimana yang dilaporkan di dalam Lapuran Athi Nahappan itu tidak akan berlaku lagi menyalahgunakan wang (misappropriation) dan sebagainya. Saya rasa kalaulah perkara-perkara yang serba sedikit yang saya sebutkan itu dapat diselaraskan baik-baik, saya percaya bahawa Penguasa-penguasa Tempatan itu akan dapat berjalan dengan lebih cekap dan bertanggungjawab.

Peraturan-peraturan yang ada di dalam Penguasa-penguasa Tempatan harus diberi kesempatan supaya mereka itu dapat sama-sama mengambil bahagian dalam usaha sama dan ini perlu kerana saya mahu kembali kepada Dasar Ekonomi Baru yang antara lain menyebutkan bahawa kita sebenarnya mahu membetulkan dalam masaalah keseimbangan sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Saya nampak umpamanya di dalam pentadbiran Dewan Bandaraya yang tidak memberi kesempatan kepada pemaju-peraju perumahan ataupun tender kontrek daripada bumiputra umpamanya tidak diberi nilai kontrek lebih daripada \$100 ribu. Jadi dengan keadaan kontrektor-kontrektor bumiputra begini ramai maka seharusnya perkara seumpama ini jangan disekat. Tetapi apa yang kita dapati Dewan Bandaraya memberi kontrek hanya bernilai \$100 ribu kepada kontrektor bumiputra. Ini saya rasa adalah tidak betul. Kerana mungkin akan terdapat beberapa pembangunan, pembinaan, penguasaan kontrek akan berlaku di peringkat Penguasa Tempatan dan bagi memajukan kawasan-kawasan yang diperuntukkan di Fasal 44 untuk kawasan-kawasan tindakan

selepas kemajuan itu mungkin banyak akan terdapat tanah-tanah yang akan diusahakan untuk dijadikan tempat-tempat kediaman dan lain-lain. Saya percaya dengan adanya kedua-dua Rang Undang-undang yang diluluskan hari ini dapatlah kita membuat beberapa pertimbangan sedikit sebanyak tentang taburan penduduk, perseimbangan, kedudukan "participation" bumiputra di dalam lapangan-lapangan tertentu yang akan diselenggarakan oleh pihak Penguasa Tempatan.

Dan pihak Perancang-perancang Negeri yang ditubuhkan di bawah Fasal 44 tadi seharusnya, jangan pula lewat-lewatkan sebarang perancangan yang dibuat di peringkat Penguasa Tempatan dan jangan ada banyak "red-tape" yakni sesuatu rancangan atau projek yang diusahakan selepas mesyuarat Penguasa Tempatan. Biasanya berlaku di masa-masa lepas yang mana sengaja dilewat-lewatkan sahaja kerana hendak mendengar pendapat dari Perancang Bandar, pendapat EXCO, Majlis-majlis Bandaran dan sebagainya. Jadi saya rasa perkara-perkara red-tape semacam ini haruslah kita hapuskan dengan segera jikalau kita betul-betul ingin melihat bahawa kemajuan yang serentak dan standardize di Malaysia ini berlaku di pihak Penguasa Tempatan.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Selepas Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson bercakap, saya akan jemput Menteri yang berkenaan menjawab.

9.09 mlm.

Tuan Au How Cheong: (Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, I rise to support this Bill and I would like to refer to Clause 21 (1) which says:

"An application for planning permission in respect of a development shall be made to the local planning authority and shall be in such form and shall contain such particulars and be accompanied by such documents, plans, and fees as may be prescribed."

Tuan Yang di-Pertua, I think the Government should make a provision to extend the authority even outside the local planning control area because the problem of illegal development does not arise so much within the jurisdiction of the local authority, but much more in areas just outside the local authority areas. This sort of development is

not confined only to 5 or 10 acres but to 200 or 300 or 400 acres. So one can imagine the number of people involved and the legal and social problems that may arise out of this sort of development. Although we also know that under the Local Government Bill which this House has just adopted, Section 7 also gives the State Authority the power to extend the local authority area from time to time, it is unlikely for the Local Authority to do so because of the limited financial resources and because of the existing problem that they are already shouldering; it is very unlikely that they would extend. For this purpose, I would appeal to the Minister to consider making provision to extend the control to an area outside the local planning authority.

Tuan Yang di-Pertua, I also would like to seek clarification from the Honourable Minister whether this Act also applies to the Federal Territory of Kuala Lumpur as there is no definition of what "State" means. In contrast again, in the Local Government Bill, 1975 which we have just adopted, it is specifically provided that the Local Authority includes the "Commissioner" of the Federal Capital. Is it therefore intended that this Town and Country Planning Bill is to exclude Kuala Lumpur?

I would also like to ask how this Act will be affected by the Urban Development Authority Act which provides that the U.D.A. can, in certain circumstances, become the Planning Authority. There is no provision as far as I can see in this Act to enable the U.D.A. to carry into effect the power vested in it by its own Act.

Tuan Azahari bin Md. Taib: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

9.13 mlm.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang singkat beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberikan pandangan dan teguran yang sangat constructive dan saya hendak mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada mereka. Disebabkan masa singkat, saya fikir tidak perlulah saya menjawab satu-persatu, dan saya akan menjawab dengan secara am sahaja.

Berkenaan dengan apa yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput berkenaan dengan Jawatankuasa Perancang Negeri, beliau telah menyatakan

supaya empat orang pegawai patut dilantik dari kalangan swasta yang boleh memberi sumbangan yang berfaedah dalam perancangan. Tugas ini terletak kepada pihak Berkuasa Negeri. Saya percaya Kerajaan Negeri akan menggunakan kebijaksanaannya apabila membuat lantikan ini kelak.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ada mengesyorkan beberapa perkara seperti mahukan supaya Pihak-berkuasa Tempatan mengawal tanah dan pihak Berkuasa Negeri mengawal perancangan, menyediakan tempat letak kereta bagi sesebuah bangunan, menggunakan tanah untuk bangunan pejabat di tengah kawasan perusahaan, dan badan-badan berkanun memajukan tanah untuk rancangan perusahaan. Masaalah-masaalah ini boleh diatasi dengan pelaksanaan Rang Undang-undang ini dan akan diambil perhatian dalam merencanakan plan tempatan. Perkara ini akan juga diselesaikan di bawah undang-undang yang baru ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi ada menyentuh berkenaan dengan Pemaju-pemaju Perumahan yang melanggar Undang-undang Perancangan hingga mengakibatkan banjir. Beliau juga telah memberi contoh seperti di Taynton View Housing Estate, Salak South Garden di mana pemaju-pemaju itu tidak mengikut pelan perancangan serta tidak ada kemudahan infrastruktur dan lain-lainnya. Certificate of Fitness tidak dikeluarkan walaupun rumah itu sudah diduduki selama beberapa tahun. Pemaju-pemaju ini adalah dalam jagaan Kementerian Perumahan dan saya akan beritahu kepada Kementerian itu untuk disiasat. Saya sendiri akan meminta Penguasa Tempatan yang berkenaan membuat penyiasatan itu. Nampaknya perkara ini kurang berkesan oleh kerana enforcementnya kurang. Perkara ini akan dikuatkuasakan dengan sepenuhnya di bawah Buildings Act yang baru ini. Kemudahan akan dibuat di bawah Undang-undang Perancangan yang baru ini. Mengenai pandangan yang lain, saya akan ambil tindakan.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus telah menyentuh berkenaan dengan masalah penceburan pelen induk. Masaalah ini tidak dapat dinafikan, tetapi public participation adalah digalakkan supaya orang ramai dapat bersama-sama mengambil peranan dalam menyediakan pelan-pelan ini kerana pelan ini disediakan untuk orang awam. Kawasan

yang sedang dalam persediaan adalah terbuka, oleh itu pembangunan tidak digalakkan dalam kawasan ini. Beliau juga telah menyentuh berkenaan dengan perkara letak kereta yang patut diletakkan di semua bangunan supaya perniagaan kecil dapat perhatian pelanggan-pelanggan. Rancangan ini tidak boleh dipukulratakan kerana ini adalah mengikut keadaan kawasan itu sendiri.

Berkenaan dengan kelambatan menyiapkan pelan bagi satu-satu kawasan atau bandar kecil, kekurangan plan structure sebagai panduan adalah satu daripada sebab kelambatan ini. Masaalah ini akan berkurangan sekiranya ada pelan panduan yang sempurna yang mana akan dibolehkan oleh Rang Undang-undang ini. Beliau juga mengesyorkan supaya pelan induk hendaklah dibuat dengan pandangan jauh. Perkara ini adalah diambil perhatian, dan plan structure disediakan untuk jangka masa 20 tahun. Walau bagaimanapun, dengan perubahan ekonomi dan sosial pelan-pelan ini terpaksa diubah-suaikan mengikut keadaan, jika perlu, tiap-tiap tahun.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun ada menyentuh berkenaan dengan masaalah membuat jalanraya di kampung lebarnya tidak mencukupi. Di bawah Akta baru ini semua masaalah ini akan diberi perhatian mengikut standard yang digubal oleh Kementerian saya. Pandangan yang diberi oleh beliau akan diambil ingatan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar bertanya, kenapa Undang-undang ini tidak dilanjutkan ke Sabah dan ke Sarawak. Dalam Perlembagaan Persekutuan Article 95D tidak membenarkan Parlimen membuat undang-undang yang sama bagi tanah dan Kerajaan Tempatan kepada kedua negeri itu. Perlaksanaan perancangan tidak dapat dijalankan tanpa pegawai professional atau technical, kata beliau, ini sememangnya benar dan beliau mengesyorkan Kerajaan Negeri patut dibolehkan membuat perlantikan. Kerajaan ada rancangan untuk memenohi jawatan Pegawai Perancang dan Jabatan Perancang menjelang tahun 1977, sementara itu Jabatan Perancang Negeri akan membantu Penguasa-penguasa Tempatan. Beliau juga berharap Dewan Bandaraya boleh mengeluarkan permohonan pelan dan mengesyorkan supaya saya menyiasat hal ini. Saya akan menyiasat dan saya percaya di bawah Undang-undang yang baru ini perkara ini boleh dikemaskan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Malim berkata, kebanyakan Penguasa-penguasa Tempatan tidak ada Pegawai Perancang. Ini boleh melewati permohonan pelan dan pemaju-pemaju tidak mahu melabur. Saya telah diberi keterangan sebentar tadi berkenaan dengan hal ini. Beliau juga berkata ada kemungkinan berlaku kelewatan meluluskan permohonan pelan, cadangan tempoh ditetapkan untuk kelulusan plan. Ini ada peruntukan dalam Rang Undang-undang ini. Selain dari itu, ada peruntukan supaya pemaju-pemaju boleh merayu kepada Appeal Board jika kelewatan meluluskan permohonan pelan terlalu panjang.

Berkenaan dengan development charge hendaklah dibeza-bezakan dari semasa ke semasa kerana inflasi. Ini boleh dibuat di bawah Undang-undang yang baru ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar mencadangkan penubuhan satu regional committee oleh kerana Perlis negeri yang kecil dan Wakil Rakyat boleh menjadi pengerusi. Jawatankuasa Negeri ialah regional committee Perlis boleh membuat urusan dengan Kedah, jika perlu, Pengerusi Jawatankuasa Negeri hendaklah Menteri Besar kerana beliau menjadi penyelarasan perancangan antara daerah-daerah dan antara Negeri-negeri dan Kerajaan Pusat.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai, saya mengucapkan terima kasih kerana menyokong Rang Undang-undang ini. Beliau mengesyorkan perancangan peringkat negeri dimasukkan Pengerusi Penguasa-penguasa Tempatan. Penguasa-penguasa Tempatan adalah Majlis-majlis Perancangan Tempatan, jadi tidak bolehlah di dalam Jawatankuasa Perancang Negeri. Beliau juga mengesyorkan perlu menjalankan latihan intensive bagi semua yang akan mengelolakan perancangan. Ibu pejabat akan mempunyai rancangan ini.

Berkenaan dengan Penguasa Perancangan Tempatan boleh menggunakan perkhidmatan agensi dicadangkan ada kawalan supaya tidak berlaku kecurangan, ini akan diambil perhatian.

Akhirnya, Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson ada bertanya bagaimana the powers of UDA to carry out planning which are not provided for under this law. That is so and the reason is that the powers of the Planning Authority continue to remain

under the UDA Act. Under the UDA Act, when an area is declared to be a development area, then UDA becomes the Planning Authority, and not otherwise, for that area, and it will automatically step into the planning laws in the form as presented today and administer them.

Sekianlah sahaja, tuan Yang di-Pertua, dan saya mencadangkan Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Azhari bin Md. Taib *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Faasl 1 hingga 59 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENGAMBILAN TANAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

9.30 mlm.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mengemukakan satu Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Seksyen-seksyen 11, 29 dan 32 Akta

Pembangunan

1. Shah Alam New Town
2. Kuantan Port Gobeng Industrial Area,
Kuantan Bye-pass Road

tersebut serta Borang H sebagai pindaan berikutan kepadanya (consequential amendment) dan juga Jadual Pertama.

Izin saya mengambil peluang memberi sedikit latar-belakang berkaitan dengan tujuan mengadakan pindaan kepada Akta Pengambilan Tanah khususnya kepada Jadual Pertama di mana peraturan-peraturan baru berkenaan penilaian tanah untuk diambil balik oleh Kerajaan ada diperuntukkan. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, rancangan pembangunan negara masih dan akan terus berjalan dengan pesatnya dan faktor yang amat penting dalam pembangunan ini ialah bahawa tiap-tiap rancangan itu memerlukan tanah. Malangnya kebanyakan daripada rancangan-rancangan itu, tanah terpaksa diambil balik (acquire) daripada tuan-tuan tanah di bawah Undang-undang Akta Pengambilan Tanah, 1960. Tanah yang luas adalah diperlukan untuk pembinaan sekolah-sekolah, hospital-hospital, bandar-bandar baru, kawasan perindustrian, perumahan rakyat, lapangan terbang, jalan-jalanraya dan lain-lain kemudahan untuk keperluan orang ramai. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri setiap tahun membelanjakan wang tidak kurang daripada \$200 juta bagi maksud ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Satu-satu perkara yang amat membimbangkan Kerajaan ialah kenaikan harga-harga tanah terutama sekali tanah-tanah bandar dan sekitarnya. Kebanyakan daripada kenaikan harga ini adalah hasil dari usaha Kerajaan sendiri dalam melaksanakan projek-projek pembangunannya dan bukannya daripada usaha tuan-tuan tanah itu sendiri. Ingin saya memberi sedikit contoh ataupun gambaran mengenai kenaikan harga tanah di keliling kawasan-kawasan pembangunan yang dibuat oleh pihak Kerajaan:

Tarikh diumumkan	Nilai sebelum pengumuman	Nilai selepas pengumuman
1963	\$3,000-\$5,000 satu ekar	\$10,000-\$16,000 satu ekar (220%)
1972	\$1,300-\$1,600 satu ekar	\$ 7,000-\$17,000 satu ekar (962.5%)

Pembangunan	Tarikh diumumkan	Nilaian sebelum pengumuman	Nilaian selepas pengumuman
3. Bangi New Town/University Kebangsaan	1971	\$3,000-\$6,000 satu ekar	\$23,000-\$34,000 satu ekar (467%)
4. Pasir Gudang Port, Johor	1971	\$ 900-\$1,200 satu ekar	\$ 2,500-\$13,000 satu ekar (983%)
5. Ulu Tiram Satellite Town, Johor	1974	\$3,500-\$7,000 satu ekar	\$ 8,000-\$20,000 satu ekar (186%)

Kenaikan-kenaikan harga tanah yang serupa ada juga terbukti di kawasan-kawasan seperti di Bayan Lepas Airport, Lumut Naval Base dan di kawasan-kawasan di mana Kerajaan telah memperbaiki jalan-jalanraya. Di dalam kawasan-kawasan di mana Kerajaan mengadakan projek pembangunan, ada tanda-tanda atau bukti-bukti menunjukkan bahawa pembeli-pembeli tanah (land speculators) masuk dan membeli tanah di sekeliling "growth centres" ini dengan harapan mereka akan dapat menjual balik tanah itu dengan harga yang tinggi. Di dalam kawasan-kawasan seperti ini, jika sekiranya Kerajaan terpaksa mengambil tanah itu, dan di bawah undang-undang yang ada sekarang, di mana Kerajaan terpaksa membayar mengikut harga pasaran, pihak Kerajaan terpaksa membayar harga yang sebegitu tinggi. Walhal si pembeli iaitu "speculators" yang telah menaikkan harga tanah itu telah tidak membuat apa-apa kepada perkembangan kawasan tersebut akan tetapi pihak Kerajaan yang telah menaburkan berjuta-juta ringgit kepada pembangunan itu dikehendakki membayar suatu harga yang sangat tinggi. Ini sudah tentu merupakan satu perkara yang tidak adil.

There is a marked tendency on the part of land speculators to move in and buy up lands around those growth centres in the hope of cashing in on increasing prices as those centres develop. In these areas if the Government is to acquire land under the present interpretation of the market value, the Government is required to pay these inflated prices. The speculators who have pushed up land prices have contributed nothing towards the prosperity of the area but the

Government which has invested millions of dollars towards the development is however required to pay these high prices. This appears to be unreasonable.

Ramai tuan-tuan punya tanah yang terlibat telah menuntut ganti-rugi yang tinggi dengan alasan iaitu tanah mereka mempunyai keupayaan bagi diusahakan untuk pembinaan rumah-rumah dan lain-lainnya (development potential). Kehendak-kehendak Akta Pengambilan Tanah yang ada sekarang sebagaimana yang diakui oleh mahkamah-mahkamah memerlukan Kerajaan membayar ganti-rugi ke atas potential ini. Kerajaan sekarang berpendapat bahawa nilai potential ini ialah semata-mata spekulatif kerana ianya berasas semata-mata atas harapan yang Kerajaan akan menukar syarat-syarat kegunaan satu-satu keping tanah itu kepada satu-satu kegunaan yang lebih tinggi. Kerajaan juga berpendapat bahawa mengikut undang-undang yang ada sekarang, bayaran ganti-rugi yang dibuat adalah tinggi disebabkan oleh pembangunan-pembangunan yang dijalankan oleh pihak Kerajaan sendiri. Dengan yang demikian, tuan-tuan punya tanah tidaklah semestinya berhak dibayar nilai potential ini.

Akta Pengambilan Tanah yang ada sekarang ini telah dikuatkuasakan bila mana proses pembangunan nasional tidak begitu pesat seperti sekarang ini dan ianya terpaksa dipinda untuk menyesuaikan kepada keadaan negara yang pesat membangun ini. Oleh sebab timbulnya keadaan seperti yang disebutkan tadi Kerajaan berpendapat bahawa undang-undang Akta Pengambilan Tanah, 1960 adalah terlalu pemurah dan pindaan yang wajar hendaklah dibuat dengan segera. Keadaan

begini telah timbul kerana terdapat peruntukan-peruntukan dalam undang-undang tersebut yang memberikan pengertian bahawa:

harga tanah yang hendak dibayar ialah harga pasaran (market value), iaitu termasuk harga potensi (potential value) tanah itu.

Didapati juga daripada kes-kes yang telah berakhir di dalam Mahkamah, bahawa Mahkamah ada juga memutuskan harga pampasan yang minima yang hendak dibayar hendaklah sekurang-kurangnya harga pembelian yang terakhir.

Rang Undang-undang pindaan ini adalah bertujuan mengadakan prinsip-prinsip baru untuk menentukan pembayaran wang pampasan bagi tanah-tanah yang diambil balik.

Kesimpulan prinsip-prinsip baru berkenaan pembayaran pampasan adalah seperti yang terkandung dalam nota ulasan Rang Undang-undang Pindaan, yang penting di antaranya adalah seperti di bawah ini:

- (a) menentukan bahawa harga yang hendak digunakan adalah harga yang terendah, di antara harga pasaran pada tarikh notis kemungkinan, Seksyen 4, dan pada tarikh notis tanah dikehendakki, Seksyen 8;
- (b) menentukan bahawa harga pasaran tidak akan melebihi harga yang mungkin dibayar oleh pembeli bagi tujuan kegunaan sekarang, dan bertakluk kepada sekatan-sekatan undang-undang perancangan dan sebagainya; dan
- (c) menentukan bahawa kenaikan harga tidak diambil kira sekiranya kenaikan tersebut disebabkan oleh rancangan pembangunan yang telah dibuat dalam tempoh sepuluh tahun dari tarikh pemberitahu disiarkan di bawah Seksyen 4 atau Seksyen 9 yang menyatakan tanah tersebut diperlukan di bawah Akta ini.

Tujuan pindaan-pindaan kepada Seksyen 11, 29 dan 32 pula adalah dengan ringkasnya, mengemaskan peraturan-peraturan berkaitan dengan penyampaian notis kepada tuan tanah yang tanahnya diambil balik—(Seksyen 11); penahanan sebanyak 25 peratus daripada wang pampasan yang telah ditentukan oleh Pemungut Hasil Tanah dibayar kepada tuan tanah—(Seksyen 29) dan membenarkan

pihak Kerajaan membayar bunga berperingkat-peringkat yang tidak sepenuhnya sekali sebagaimana sekarang apabila tanah itu diambil dahulu daripada pembayaran pampasan dibuat—(Seksyen 32). Borang H adalah pindaan berikutan untuk menyesuaikan keadaan berkenaan penahanan sebanyak 25 peratus daripada jumlah wang pampasan tersebut di atas tadi.

Dengan kelulusan Rang Undang-undang ini maka berertilah pihak Pentadbiran Tanah atau pihak Kerajaan dapat melaksanakan perbicaraan dan urusan-urusan berkaitan dengan pengambilan balik tanah dengan licin dan sejajar dengan kehendak-kehendak pembangunan Negara yang kian membangun.

Adalah dipercayai bahawa kesan jangka panjang Undang-undang baru ini akan mencegah pembelian tanah untuk spekulasi (speculative purchases). Dengan ini pembeli-pembeli tidak akan lagi memberi pertim-bangan harga potensi (potential value) apabila mereka bercadang membeli sesekeping tanah, malah akan membayar harga mengikut kegunaan tanah itu sekarang.

Ini berertilah bahawa mereka yang telah membeli tanah dengan bertujuan spekulasi itu akan menghadapi suatu risiko kerana ada kemungkinan mereka itu menerima pembayaran pampasan yang rendah apabila tanah mereka itu diambil balik oleh Kerajaan.

Walau bagaimanapun Kerajaan akan menentukan gantirugi yang sewajar dan berpatutan serta dibayar mengikut undang-undang. Tuan-tuan punya tanah yang tidak puas hati bolehlah, seperti biasa merayu kepada pihak Mahkamah.

Jelaslah bahawa pindaan dalam rang undang-undang ini adalah diperbuatkan untuk faedah rakyat jelata dan dengan ini saya yakin pihak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan memberi sokongan yang penuh terhadap cadangan pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

9.40 mlm.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berucap dengan pendek dan ingin memberi sedikit ulasan atas Rang Undang-undang (Pindaan) ini.

Tuan Yang di-Pertua, manakala saya menghargai tujuan Rang Undang-undang ini saya walau bagaimanapun ingin menyatakan rasa bimbang saya kepada tuanpunya-tuanpunya rumah yang memiliki sebidang tanah kecil di atas mana rumah mereka dibina dan di mana tanah itu yang terlibat oleh pindaan Rang Undang-undang ini iaitu tanah yang dikehendaki oleh Kerajaan untuk tujuan awam. Saya rasa bahawa langkah-langkah patut diambil bagi menentukan yang tuanpunya tanah yang terlibat diberi gantirugi yang berpatutan. Ini adalah perlu kerana berbanding dengan tuanpunya tanah lain yang mempunyai tanah yang banyak yang tidak digunakan, berbeza dengan tuanpunya rumah yang bergantung atas sekeping tanah untuk kediamannya. Sekiranya tanah dikehendaki ini bermakna tempat kediamannya akan hilang. Kes seperti ini saya harap Yang Berhormat Menteri berkenaan akan memberikan satu jaminan yang tuanpunya tanah akan diberi gantirugi yang mencukupi dengan cara memberi tuanpunya tanah dengan sekeping tanah yang lain atau memberi gantirugi yang cukup menasabah.

Suatu perkara lagi ada juga masaalah mengenai petani-petani yang tanah mereka terlibat dengan Rang Undang-undang (Pindaan) ini. Pada pandangan saya petani-petani ini patut diberi gantirugi untuk bercucuk tanam kerana mereka terpaksa bergantung dengan tanah untuk mencari nafkah. Pada masa yang lalu saya pernah mendapat banyak aduan bahawa ramai orang seperti yang saya sebutkan di atas apabila disuruh keluar oleh Kerajaan, mereka tidak diberi tempat-tempat lain atau bayaran gantirugi yang mencukupi. Sekarang Rang Undang-undang (Pindaan) ini telah dikemukakan, saya harap Menteri yang berkenaan akan dapat memberikan satu jaminan bahawa orang-orang yang tersebut di atas tadi, mereka yang terlibat itu akan dibayar gantirugi dengan cara memberi mereka tanah ganti yang lain atau sekurang-kurangnya memberi mereka wang gantirugi yang mencukupi.

9.45 mlm.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1975 ini kerana seperti yang dikatakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan tadi bahawa Bil (Pindaan) ini dilahirkan setelah

pihak Kerajaan mengalami beberapa kesukaran di dalam hal pengambilan tanah demi kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya di sini memberi sedikit teguran mengenai Bil ini oleh kerana setelah membaca Bil ini, maka saya dapati tidak ada clause yang bertujuan mengatasi kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh tuan-tuan tanah yang mana tanah-tanah mereka telah diambil. Satu daripada kesulitan tuan tanah ialah mengenai wang pertaruhan. Mengikut Akta Ibu, Land Acquisition Act, 1960 tuan tanah boleh membuat bantahan di atas harga gantirugi yang dibayar oleh Pemungut Hasil Tanah atau pihak yang berkenaan, tetapi sebelum dia membuat bantahan ke mahkamah dia terpaksa mengisi borang tertentu dan membayar wang pertaruhan (deposit) tidak lebih daripada \$1,000. Jadi, kebanyakan Pemungut Hasil Tanah menghendaki pembayaran yang maksima iaitu \$1,000. Jadi di sini kita harus bersimpati dengan tuan-tuan tanah, kadang-kadang mereka itu terlalu miskin; tak usahkan \$1,000 deposit, bahkan \$100 tak boleh dikeluarkan.

Jadi mahu atau tidak, tuan tanah itu terpaksa mengikut sahaja pertimbangan Collector, dia menerima wang pampasan atau wang gantirugi itu. Jadi saya berharap pihak Kementerian berkenaan mengambil tindakan di dalam hal ini dan saya syorkan supaya wang deposit ini patut benarlah dihapuskan.

Kesukaran kedua ialah mengenai masa pembayaran. Ini pernah berlaku di Pahang, di mana pengambilan tanah sebanyak 200 ekar telah dilakukan di dalam tahun 1972 tetapi sehingga tahun 1975 sekarang sudah hampir empat tahun gantirugi itu masih belum dibayar. Jadi patut benar kita mengadakan satu clause di dalam Undang-undang Pengambilan Tanah ini supaya gantirugi itu hendaklah dibayar dalam jangka masa yang berpatutan samada dalam tempoh 1-2 bulan atau selewat-lewatnya 6 bulan kerana ini betul-betul menimbulkan kesukaran dan kesulitan kepada orang-orang yang miskin terutama orang-orang kampung. Kadangkadang tanah yang diambil seluas satu-dua ekar iaitu merupakan mata pencariannya, dan setelah tanah itu diambil, digezetkan maka hilanglah mata pencariannya. Sudahlah mata pencariannya hilang, wang gantirugi itu pula tidak dibayar selama beberapa

tahun. Perkara ini patut benar pihak Kementerian memikirkan di atas masaalah ini dan meminda Undang-undang ini dengan lebih lanjut pada masa yang akan datang.

Yang ketiga mengenai dengan penilaian. Dari pengalaman saya, Tuan Yang di-Pertua, penilaian ini selalu dibuat oleh S.O. dan S.O. ini bukanlah orang yang professional dan pernah didapati bahawa penilaian dibuat oleh mereka ini tidak begitu professional, tidak mengkajikan dengan sedalam-dalamnya harga tanah itu tetapi cuma lebih menilaikan daripada perasaan hati sendiri dan pengagakkannya sendiri. Ini saya rasa kurang adil. Kadang-kadang di atas tanah yang diambil itu orang kampung ini mempunyai rumah seperti rumah-rumah sewa yang dibuat beberapa tahun dahulu dan rumah-rumah sewa ini pula dibangunkan dengan kayu-kayu yang baik, jadi bagaimanakah S.O. ini hendak menilaikan harga rumah ini. Manalah mereka itu tahu kayu cengai, kayu resin, meranti berapa harganya tetapi mereka ini telah ditugaskan untuk menilaikan tanah dan menilaikan rumah dan mendapatkan jumlah semua sekali.

Perkara yang keempat mengenai percabaran. Selepas perkara ini dirujuk kepada mahkamah oleh pihak Pemungut Khazanah Tanah, maka percabaran itu boleh mengambil masa selama di antara 3 atau 4 tahun, tambahan pula misalnya seperti mahkamah di Raub, Pahang di mana hakim itu ialah hakim on circuit, jarang-jarang benar dia datang. Sementara menantikan percabaran itu kadang-kadang mengambil masa yang begitu lama. Sungguhpun pihak yang berkuasa, pihak yang mengambil tanah ini terpaksa membayar faedah akan tetapi ini tidak sebenarnya dapat mengatasi masaalah orang kampung yang berkehendak ganti rugi itu dengan secepat mungkin.

Yang akhir sekali, saya minta penjelasan mengenai dengan Clause 2 (b):

2. (b) "Provided that no omission or failure to serve such notice upon any person falling under paragraph (b) or (c) shall invalidate any enquiry held pursuant to the notice or any award made upon the conclusion of the enquiry if, by reason of damage or deterioration of the register document of title to such land, such person cannot be ascertained."

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya kurang faham samada register document of title ini maksudnya issue document of title ataupun geran yang ada pada tuan tanah ataupun deterioration in the Registration Book in the Land Office. Kalau misalnya kerosakan itu adalah kerosakan Buku Pendaftaran di Pejabat-pejabat Tanah, saya rasa Clause ini kurang begitu adil, ataupun jikalau misalnya di sini maksudnya geran tanah ataupun document of title yang pada tuan tanah itu telah rosak tentulah pihak yang berkenaan itu dapat mengesan tuan tanah ini di Land Office. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

9.54 mlm.

Tuan K. Pathmanaban (Telok Kemang): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan menukarkan hak asasi mengenai compensation yang harus diberi kepada seorang rakyat apabila tanah beliau dikehendakki untuk kegunaan Kerajaan atau public purpose. Perlembagaan kita memelihara hak asasi ini mengenai compensation. Pindaan ini menukar dan menentukan dua atau tiga asas, satu existing use value dan satu lagi apabila harga pasaran tanah itu dinaikkan disebabkan oleh pembangunan-pembangunan yang dijalankan di sekeliling tanah itu.

Saya fikir adalah patut dan menasabah untuk Kerajaan menentukan bahawa jika sekeping tanah dibenarkan untuk kemajuan dibangunkan sekolah, klinik, rumah-rumah atau lain-lain adalah patut bahawa tax payer itu tidak dikehendakki membayar wang yang lebih untuk tanah itu.

Saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Enriching just the existing land owners whose land is being acquired and this enrichment is being paid out of general tax payers funds. This becomes all the more inequitable where the market price of the land has been enhanced, has risen many-fold as a result of the Government's own development programmes such as the ones I mentioned just now. The question can justly be asked by a tax payer, why should he spend more money on public development and construction and as a result of such development he is required to pay even more for other facilities that have become feasible merely as a result of Government's own

development programme in one area? Why should the tax payer be knocked twice to safeguard some principle of private property that the Land Acquisition Act had sought to protect before? I think this is a fair question and particularly in times of inflation, one wants to ensure that the vast public development programmes that we are undertaking are not being undertaken at increasingly higher and higher cost as a result of land cost rising particularly out of public development programme.

I would welcome that principle, but in disturbing this basic principle that we have followed so far in setting new rules for the game, I think we have introduced certain concepts which could lead us into many problems and probably many inequities and unjustness in some of the actions that could be contemplated under this Act.

The first question could be asked why in Clause 5 (e), page 4 of the Bill, the provision is made that any rise in the market price as a result of "any development or improvement"—not just public development, development brought about by the Government, but any development or improvement. Why that sort of rise as a result of this development should be netted out of the market price that the Collector may award in any particular acquisition case? The tax payer would be right in asking why he should pay twice if the increase in price was as a result of public development. But in this Bill, in this Clause 5 (e) we envisage netting out of the award by the Collector the price increase in the market value as a result of any development, and this could be unjust in many situations and I think unless this particular clause is applied with a sense of even-handedness we could be depriving many people of the basic rights that we seek to provide them in the Constitution that no man's land shall be taken away without just compensation.

The second sort of problem that arises, Mr Speaker, Sir, is concerning the inequity that is imposed on an existing land holder who may be a very poor man who has inherited his land from his father or his family living just outside a town area or just beside or nearby any public facility and for the purpose of extending that public facility his land is acquired, say, from an agricultural land holder. In this case by the amendments we introduce in this Bill, particularly by the

concepts of price at existing use and netting out any increase in price out of any development, we will be compensating that man at the agricultural land value, which is the existing use value to the exclusion of anything else that may have happened in the past ten years to improve the value of that land. We in fact are disinheriting this man for a public good, we say, but this man who is being compensated say \$2,000 or \$3,000 for that agricultural piece of land, cannot be expected with the amount of compensation to go elsewhere in a similar locality or location and be purpose of earning his livelihood. In these cases, quite clearly we are imposing an inequitable situation on such people.

I would readily agree that in cases where, as the Honourable Deputy Minister mentioned just now, people merely exploit the possibility of a Government acquisition or a public development programme acquire pieces of land in name—and some of these purchases may not be even *bona fide*—but I think we can quite clearly envisage forms of words by which we can eliminate *mala fide* or not a very real *bona fide* purchase or not a very *bona fide* price. We can eliminate that by defining the purchaser who will be caught under a *mala fide* clause to be one who acquired it in much more recent times than ten years, but in the case of this farmer or the house owner living in some property which was ten or fifteen miles away from the nearest town when he built it, by requiring him to go elsewhere and find a piece of land at the price at which he was compensated would be unjust and would clearly put him in a very intolerable situation. I hope that in the implementation of this Bill, we would not only look at the price that we award them, but also look, as far as possible, into the possibility of not just compensating these people, but of providing them an alternative location, which will be the fairest thing, although that alternative location need not be a perfect replica or a perfect similarity to the original one.

Sir, the third point I would make is that in many cases of land acquisition, we compensate the land owners, we compensate the tenants or lessees who have been on the land for some years as clearly set out in their contracts and so on. But in many cases, particularly where we are taking away estate land or smallholder land, where some other people have been employed for many, many

years, we are also affecting the livelihood of those people—the workers on the estates, the bagi—dua tappers in the smallholdings and so on and so forth. We are affecting the livelihood of these people and, in times like this, particularly when the estates are reducing their labour force and the demand for agricultural labour is not as great outside of the land scheme, I think it would be very difficult for them to find any alternative employment. Should not we be thinking of some form of compensation principle over and above the very minimal retirement benefits or retrenchment benefits that the Labour Laws provide, which would take care of people like these, which would provide them with benefits which could tide them over the period in which they have to search for a job? I think we could look at this, and we should be looking into this.

The final point I would like to make, Mr Speaker, is that, as a result of intervening and changing the rules of the game regarding compensation, we may be raising new problems and one such problem—I would just discuss one such problem—is that where we compensate a particular land owner whose land is being acquired for a public purpose at a certain price which is based on existing use and which is not by any enhancement of value as a result of development, we are, in fact, penalising that man and, perhaps, enriching his neighbours, people who own land adjacent to the pieces of land that we acquire for public purposes. Now, these are the people whose lands are adjacent or even nearby these lands which are acquired on which we build public facilities. We are, in fact, enriching them not only by permitting them to sell their lands at, not existing use value, but at real market value, including potential use value and, also adding to it, the element of enhancement of value as a result of the public programmes or public facilities that we introduce on the lands which we first acquired. So we are not really being fair and we are being inequitable to this man whose land we acquire, but we are actually enriching and giving a windfall to the people who are his neighbours. Of course, one could argue where do you stop? We could draw rings round this sort of enhancement in value—where do you stop? That is the problem about intervening in the process of the market value determined by the present system of valuation. But I think we should find a way out of this, because quite clearly a lot of

people are going to be offended and very enraged that they had no option to sell their property in the market for the going rate, and their property was acquired for one-tenth of the going rate, whereas their neighbours were permitted, indeed, to sell their land for ten times the value that they were compensated with. Now these are the problems which I hope the Honourable Minister will consider and indeed, in the implementation of the Bill, in the sort of awards that Collectors make, will take due account of these problems and in due course, probably bring a certain limitation and amendments which could minimise the inequities that we have introduced by seeking to protect the public interest.

10.05 m.m.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-undang ini dan juga saya suka menyatakan rasa penghargaan saya atas syor-syor, teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh mereka dan juga atas sokongan-sokongan yang nampaknya bulat diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Rang Undang-undang ini. Saya akan cuba menjawab dengan seberapa ringkas dan serba-sedikit dan perkara-perkara yang saya tidak dapat terangkan di sini, saya akan mengambil perhatian dan memberi pertimbangan apabila saya mendapat Penyata Rasmi kelak.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar bimbang tentang pemilik tanah yang kecil diambil oleh Kerajaan dan beliau bimbang yang mereka mungkin tidak akan diberi ganti rugi yang secukupnya. Saya suka menyatakan di sini dengan cara umum bahawa tentang penilaian tanah dan pemberian compensation, ganti rugi adalah bergantung ataupun berdasarkan kepada peraturan-peraturan yang tertentu di dalam Acquisition Act ini dan sebarang keputusan mengenai ganti rugi adalah berasaskan kepada butir-butir berkenaan yang dikumpulkan oleh penilai-penilai atau land Collector dan juga mereka perlu memeriksa dengan teliti segala perkara-perkara yang penting yang terlibat, juga penilai-penilai adalah dikehendakki menimbangkan segala tuntutan-tuntutan tuan-tuan tanah itu dan mengkaji lapuran-lapuran

dan penilaian-nilai yang dikemukakan bagi pihak mereka. Inilah dengan secara umum mengenai perkara penilaian dan gantirugi.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, di dalam Akta Pengambilan Tanah ada juga satu provision di mana selain daripada memberikan gantirugi dengan secara wang tuan tanah itu diberi tanah yang lain; jikalau ada iaitu tanah dia diganti dengan tanah lain. Jadi, saya rasa tidaklah perlu bagi Ahli-ahli Yang Berhormat bimbang atas perkara ini.

Saya mengucapkan setinggi terima kasih juga kepada Yang Berhormat dari Maran yang telah memberi sokongan atas Rang Undang-undang ini. Mengenai wang \$1,000 sebagai deposit itu akan ditimbangan, dan begitu juga rayuan beliau mengenai ke-lambatan membayar gantirugi, pihak Kementerian memang telah memberi arahan kepada Jabatan-jabatan Tanah supaya pembayaran ini ditunaikan dengan secepat mungkin. Walaupun demikian, ada kalanya oleh sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan pembayaran itu adalah terlambat.

Berkenaan dengan Fasal 2 Seksyen 11 adalah cadangan untuk meminda seksyen 11 Akta Pengambilan Tanah bagi membolehkan Pemungut Hasil Tanah meneruskan perbincangan pengambilan tanah tanpa notis kepada tuannya tanah yang tidak ada dapat dikesankan atau tidak dapat ditentukan disebabkan Daftar Hakmilik bagi tanah itu telah rosak ataupun luntur disebabkan oleh banjir atau koyak dan hancur dengan sendirinya sehingga tidak boleh dibaca sebagaimana telah dijelaskan di dalam Rang Undang-undang ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini Seksyen 11 yang ada sekarang berkehendak supaya notis perbincangan diberi kepada di antara lain:

- (i) Tuan-tuan jika dia tidak duduk di atas tanahnya akan diambil balik.
- (ii) Tiap-tiap orang yang ada kepentingan berdaftar.

Masalahnya bagaimana hendak menghantar notis kepada orang-orang ini kalau mereka tidak dapat dikesan disebabkan daftar hakmilik tanah itu telah rosak. Buat masa ini Pemungut Hasil Tanah menggunakan budi-bicara masing-masing. Tindakan mereka tidak ada sokongan Undang-undang. Dengan demikian, satu proviso dicadangkan bagi

menjamin supaya perbincangan tidak akan terbatal kalau notis itu tidak dapat disampaikan kepada mereka oleh sebab daftar hakmilik yang berkenaan itu telah rosak. Ini bermaksud pada perbincangan bagi kes-kes yang terlibat di bawah peruntukan baharu ini pada praktiknya ada berkemungkinan bahawa tuan-tuan tanah yang tidak duduk di atas tanah itu atau orang-orang lain yang ada hadir pada hari perbincangan yang ditetapkan sekiranya mereka mengetahui melalui cakap-cakap jiran-jiran mereka atau daripada notis-notis yang ditampal di papan notis di Pejabat-pejabat Tanah di bandar ataupun di kampung-kampung ataupun di Balai-balai Penghulu.

Dengan adanya pindaan ini maka bererti-lah bahawa apa-apa tindakan yang diambil berkenaan dengan tanah tersebut kemudiannya selepas perbincangan ditamatkan tidak akan menjadi tidak sah malah sah di segi Undang-undang. Cadangan pindaan ini difikirkan adalah mengemaskan lagi Seksyen 11 dan akan juga menjamin tindakan yang serupa (uniformity) oleh tiap-tiap Pemungut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat beberapa daftar hakmilik telah rosak dan tidak boleh dibaca dan keadaan ini didapati di Pejabat Tanah Kuala Lumpur dan juga di Pejabat Pendaftaran Negeri Selangor akibat banjir dan juga di Jabatan Tanah Kuala Kubu dan lain-lain juga akibat koyak dan luntur.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Kemang telah membuat teguran mengenai clause 5 (e) kalau tidak salah saya, mengatakan ini kurang adil. Saya rasa soalan ketidakadilan tidak timbul kerana mengikut Undang-undang dan Perlembagaan kita kalau seseorang tuan tanah itu tidak puas hati dengan gantirugi yang diberi oleh pihak Kerajaan maka mereka bolehlah mengemukakan perkara itu kepada mahkamah, and our judiciary is independent.

(*Dengan izin*) Mengenai tuan-tuan punya tanah yang telah mendapat tanah sebelum the coming into operation of this Act, I would like to say that the law cannot discriminate between owners of land who have purchased land before this Act comes into force and owners who purchased land after this Act comes into force. If such discrimination were to be exercised, the effect of this Act would be very negligible as most of the properties which Government may

acquire might have been purchased by the owners before this Act comes into force. In any case, if any party considers that relevant evidence with regard to past purchase has not been properly taken into account in assessing the amount of compensation, they can always have recourse to the court of law under the existing Act.

Mengenai perkara yang akhir sekali yang ditimbulkan ialah berkenaan dengan seorang atau a person whose land has been acquired becomes a victim of circumstances while the adjoining land owner benefits from this due to the appreciation in the price of land, I think incidents like this must be regarded as one of the necessary accidents in the same way as an adjoining land owner could benefit from development carried out on the neighbouring land by private individuals or private companies. I have to say, Tuan Yang di-Pertua, that there is a limit to what the Government can do and the Government can go in the way of legislation in the Government's attempt to cover all consequences which flow from any particular piece of legislation it makes.

In regard to the case the Honourable Member quoted, the owner of the adjoining land would have to pay a tax under the Real Property Gains Tax Law, which this Dewan has just passed, if he chooses to sell his land at a price which brings in an additional profit or additional benefit from the neighbouring development, whether such development has been made by the Government or by the private sector. In the case of land in Local Authority areas, it will be liable for higher assessment as its value would definitely be increased. This is the explanation that I would like to give to the Honourable Member.

Before I end this reply I would like to impress upon the Dewan here that we must distinguish between land compulsorily acquired by the Government for public purposes and land bought by the private sectors for their own private development and for their own private benefit. I think that is all I have to say.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan ditunjukkan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

AKTA CUKAI PENDAPATAN, 1967— NATIONAL MONUMENT RESTORATION FUND

10.20 m/m.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini menetapkan:

Menurut peruntukan-peruntukan Seksyen 127 (2) Akta Cukai Pendapatan, 1967, Bahagian 1 Jadual 6, kepada Akta yang tersebut, dipinda dengan menambahkan kepadanya butiran yang berikut—

"29. Notwithstanding the provisions of section 44 (6), the aggregate income of any person remaining after the reductions made pursuant to section 44 (1) (a), (b) and (c) to the extent of the amount of any contribution made by him during the basis period for a year of assessment to the National Monument Restoration Fund established for the purpose of restoring the National Monument in Kuala Lumpur."

dan pindaan itu akan berkuatkuasa daripada tahun taksiran 1976 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Tujuan ketetapan ini ialah bagi memperuntukkan pelepasan cukai pendapatan di atas sumbangan-sumbangan yang dibuat kepada Tabung Pemulihan Tugu Peringatan Negara. Tabung ini telah diwujudkan bagi mengumpul sumbangan dari orang awam untuk membolehkan kerja-kerja pemulihan dan pembaikan kepada Tugu itu yang telah rosak akibat perbuatan anasir-anasir anti-nasional. Oleh yang demikian, adalah tujuan Kerajaan

untuk menjamin bahawa Tugu itu diperbaiki seperti asalnya melalui usaha-usaha warganegara dan penduduk yang setia di negara ini. Dewan ini mungkin ingat bahawa satu bentuk pelepasan cukai pendapatan yang sama ke atas derma-derma yang telah diberikan mengikut Seksyen 102 (2) Ordinan Cukai Pendapatan, 1947 bagi tujuan mendirikan Tugu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, hingga setakat ini sejumlah \$511,197.60 telah diterima daripada orang-orang awam. Adalah diharapkan bahawa dengan cadangan pelepasan cukai pendapatan di atas sumbangan-sumbangan maka ini akan menjadi satu galakan tambahan bagi derma-derma selanjutnya kepada Tabung ini supaya matlamat sejumlah \$1 juta dapat dicapai. Tabung ini akan berlanjutan sehingga semua kerja-kerja pemulihan dapat diselesaikan.

Memandangkan kepada tujuan yang mana Tabung itu telah diwujudkan, adalah dicadangkan bahawa semua penderma-penderma kepada Tabung itu diberi pelepasan cukai pendapatan dan dengan itu satu butiran baru akan ditambah kepada Bahagian 1 Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan, 1967 seperti di dalam ketetapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan-peruntukan Seksyen 127 (2) Akta Cukai Pendapatan, 1967, Bahagian 1 Jadual 6, kepada Akta yang tersebut, dipinda dengan menambahkan kepadanya butiran yang berikut—

“29. Notwithstanding the provisions of section 44 (6), the aggregate income of any person remaining after the reductions made pursuant to section 44 (1) (a), (b) and (c) to the extent of the amount of any contribution made by him during the basis period for a year of assessment to the National Monument Restoration Fund established for the purpose of restoring the National Monument in Kuala Lumpur.”

dan pindaan itu akan berkuatkuasa daripada tahun taksiran 1976 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang, 19hb Disember, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.25 malam.